Bahasa dan budaya juga berkait rapat, bahasa juga merupakan lambang bagi budaya (Asmah Haji Omar, 1988). Apa yang dimaksudkan oleh beliau adalah bahasa

mencerminkan kebudayaan penuturnya dari segi cara hidup, persekitaran fizikal dan sosial. Contohnya sekiranya masyarakat itu hidupnya bertani, maka mereka kaya dengan perbendaharaan kata dalam bidang pertanian. Mereka lebih tahu jenis-jenis padi dan warnanya sekali. Maka dengan itu wujud perbendaharaan kata (atau sistem leksis) dalam bidang berkaitan. Begitu juga dengan orang Eskimo yang seluruh hidup mereka dikelilingi kawasan yang mempunyai banyak kosa kata berkaitan salji dan konsep-konsep salji itu sendiri berdasarkan ciri-ciri salji tersebut.

2.1.1 Unsur budaya dan terjemahan

Seperti yang diterangkan sebelum ini, bahasa amat berkait rapat dengan budaya dan bahasa juga dikatakan cerminan budaya. Bahasa juga dikatakan lambang-lambang dalam budaya dan ciri-ciri budaya terdapat dalam leksis sesuatu bahasa itu. Sesuatu proses penterjemahan menjadi sukar dan agak kompleks apabila melibatkan dua bahasa dan budaya yang berbeza. Contohnya dari segi perhubungan sosial masyarakat Melayu wujud gelaran yang berbeza bagi ahli keluarga mengikut hierarki maka wujudlah gelaran Mak Long, Mak Ngah, Pak Lang dan sebagainya. Apabila diterjemahkan ke bahasa Inggeris mahupun bahasa Perancis gelaran yang khusus ini menyukarkan penterjemah untuk mencari padanan kerana dalam budaya masyarakat Inggeris dan Perancis tiada konsep kekeluargaan sebegitu. Oleh itu, menjadi peranan penterjemah untuk mengadaptasi atau menyesuaikan budaya antara teks sumber dengan bahasa sasaran. Pengetahuan tentang budaya sesuatu bangsa membantu penterjemah dalam membuat perbandingan antara kedua-dua budaya. Struktur budaya yang ditangani dalam penterjemahan juga dapat dilihat sebagai lebih luas dan mencakupi ruang yang bukan sahaja terhad kepada kebiasaan dan adat resam kehidupan malah melangkaui budaya khusus yang hadir.

Goodenough (1964) (dalam Puteri Roslina, 2012) menyatakan bahawa budaya bukan semata-mata fenomena material dan tidak hanya mengandungi manusia, perlakuan atau emosi malah organisasi fenomena tersebut. Berikut adalah definisi yang diberikan oleh beliau berkenaan dengan budaya:

As I see it, a society's culture consists of whatever it is one has to know or believe in order to operate in a manner acceptable to its members, and do so in any role that they accept for any one of themselves. Culture, being what people have to learn as distinct from their biological heritage, must consist of the end product of learning: knowledge, in a most general, if relative, sense of the term. By this definition, we should note that culture is not a material phenomenon; it does not consist of things, people, behavior, or emotions. It is rather an organization of these things. It is the forms of things that people have in mind, their models for perceiving, relating, and otherwise interpreting them. As such, the things people say and do, their social arrangements and events, are products or by-products of their culture as they apply it to the task of perceiving and dealing with their circumstances. To one who knows their culture, these things and events are also signs signifying the cultural forms or models of which they are material presentations .

Goodenough (1964:36)

Berdasarkan definisi yang diberi telah diberikan, beliau merumuskan budaya kepada tiga perkara penting (dalam Puteri Roslina, 2012):

- i. Budaya sebagai satu keseluruhan pengetahuan dan model bagi menanggapi kehidupan.
- ii. Hubungan langsung antara budaya dengan perlakuan dan peristiwa.
- iii. Budaya bergantung kepada norma.

Sehubungan dengan itu, dalam penterjemahan yang melibatkan budaya terdapat beberapa aspek yang perlu diambil kira oleh penterjemah.

i) Perbezaan budaya

Setiap masyarakat mempunyai budaya yang berbeza dan juga tersendiri. Perbezaan ini dipengaruhi oleh faktor geografi, persekitaran, peradaban dan juga pandangan dunia masyarakat tersebut. Contohnya konsep dan sistem bilangan menggambarkan alam kehidupan dan pemikiran orang Melayu (Asmah Haji Omar, 1988).

ii) Pembatasan budaya

Dalam perbezaan budaya terdapat pembatasan beberapa unsur budaya. Kosa kata sesuatu budaya bergantung pada kebiasaan masyarakat tersebut. Contohnya dalam masyarakat Eskimo terdapat pelbagai istilah salji. Setiap ciri-ciri salji yang turun konsep salji atas tanah, salji yang beku dan sebagainya mempunyai istilah tersendiri. Begitu juga bagi konsep padi, beras, emping, antah, melukut dan sebagainya. Apabila diterjemah ke dalam bahasa Perancis hanya merujuk satu istilah sahaja iaitu *le riz* baik bagi perkataan beras mahupun padi.

iii) Peminjaman budaya

Peminjaman budaya berlaku apabila sesuatu istilah dalam budaya asal tidak dapat diterjemah secara satu lawan satu ke dalam bahasa sasaran. Hal ini berlaku disebabkan istilah itu tidak wujud di dalam bahasa sasaran. Hal ini menyebabkan kepada peminjaman budaya dan dilakukan secara keseluruhan lalu dipadankan dengan kata dalam bahasa Melayu. Contohnya *sake* iaitu sejenis minuman dalam masyarakat Jepun tidak dapat diterjemah ke dalam bahasa Melayu sebagai arak atau tuak kerana perbezaan konsep pembuatan *sake* itu sendiri.

iv) Konotasi budaya

Konotasi budaya merupakan makna yang tersirat dalam sesuatu budaya. Konotasi melibatkan sikap, emosi, penyampaian dan tindak balas emosi penerima. Konotasi ini kadangkala boleh menjadi konotasi baik dan juga buruk. Contohnya bagi masyarakat Melayu tikus membawa konotasi penakut. Maka wujudlah perkataan “dia menikus”, yang bermakna dia takut. Bagi masyarakat barat pula tikus memberi konotasi kotor .

2.1.2 Kajian dalam dan luar negara berkaitan unsur budaya dalam terjemahan.

Banyak kajian lepas telah membincangkan tentang budaya dalam penterjemahan. Dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan kajian yang lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji dalam negeri mahupun luar negeri berkaitan dengan unsur budaya dan aspek budaya dalam terjemahan. Dalam sesebuah penterjemahan terjemahan tentang budaya merupakan aspek penting bagi melihat sesuatu hasil terjemahan yang baik.

Dalam kajian Syed Nurul Akla Syed Abdullah (2001) yang bertajuk „Faktor leksis dan budaya dalam terjemahan Arab-Melayu: Satu analisis karya Rihlah Ibn Battutah“, beliau merujuk faktor leksiko-budaya sebagai hubungan perbendaharaan kata sesuatu bahasa dengan budaya. Kajian ini dibuat untuk mengupas tentang leksis dan budaya serta kaitannya dalam proses penterjemahan dan bagaimana leksis dan budaya mempengaruhi dan memberi impak kepada proses penterjemahan Arab-Melayu. Kajian ini melihat faktor leksis dan budaya sebagai masalah dalam penterjemahan. Pengkaji ini menegaskan bahawa dalam penterjemahan, seseorang penterjemah harus melihat sudut leksis dan budaya dalam bahasa sumber terlebih dahulu, seterusnya memahami sempadan makna dan baharulah melihat kesepadanan dalam sudut leksis dan budaya bahasa sasaran.

Seterusnya antara kajian lepas yang membincangkan tentang budaya dalam penterjemahan adalah kajian Normalis Amzah (2008) iaitu “Unsur budaya dalam terjemahan bahasa Jepun ke bahasa Melayu: Analisis karya Konosuke Matsushita”. Kajian ini dijalankan bagi melihat pengaruh unsur budaya Jepun dalam terjemahan teks pengurusan ke dalam bahasa Melayu. Menurut beliau di dalam penterjemahan pengekalan koherens lebih penting berbanding interpretasi unsur budaya tersebut dalam teks terjemahan. Beliau juga melihat pendekatan terjemahan yang digunakan dalam menterjemahkan unsur budaya. Dalam kajian tersebut beliau menghadkan kajian kepada 4 unsur budaya iaitu realia, bahasa kiasan, ungkapan memberi dan menerima serta kata hormat. Kajian mendapati bahawa realia, ungkapan memberi dan menerima serta kata hormat mempunyai peratus kemunculan yang tinggi.

Paramarta, I.M.S (2008) dalam kajiannya “Penterjemahan Istilah budaya spesifik dalam *subtitling* Film *Memoir of a Geisha (MOG)* telah memfokuskan kajian terhadap istilah-istilah budaya yang terdapat dalam *Memoir of a Geisha (MOG)*. Pengkaji juga mengklasifikasi budaya mengikut Newmark (1988). Selain daripada itu fokus kajian adalah terhadap strategi penterjemahan yang digunakan bagi menterjemah istilah budaya mengikut pandangan Baker (1992). Menurut pengkaji tersebut terdapat 15 istilah budaya spesifik di dalam MOG yang terdiri dari kategori budaya sosial, material, kesenian (organisasi), konsep (organisasi) dan juga ekologi. Istilah budaya tersebut khusus bagi masyarakat Jepun dan tiada dalam budaya Indonesia. Contohnya istilah *geisha*, *mizuage*, *onesan* dan lain-lain. Dalam sari kata (*subtitling*) bagi istilah-istilah yang tidak dapat diterjemahkan, istilah tersebut dikekalkan sebagai kata pinjaman dalam bahasa Indonesia ataupun diberi penjelasan. Penterjemah juga menggunakan strategi penggantian budaya contohnya perkataan *onesan* kepada kakak kerana istilah ini agak dekat dengan budaya Indonesia. Penterjemah juga memanfaatkan penterjemahan dengan ilustrasi memandangkan ia adalah tayangan visual (filem) jadi, maklumat

berkenaan istilah budaya spesifik dapat disampaikan dengan lebih berkesan bukan sahaja melalui sari kata.

Zaini-Lajoubert (2009) dalam kertas kerjanya bertajuk “*Les Derniers Jours d’un Artiste*” telah berkongsi permasalahan beliau dalam menterjemahkan buku Hari-hari Terakhir Seorang Seniman oleh Anwar Ridhwan. Antara aspek budaya yang dibincangkan dalam kertas kerja ini adalah berkaitan dengan sistem ukuran. Masalah yang dihadapi adalah untuk mengekalkan sistem ukuran yang terdapat dalam bahasa sumber atau menukarkannya ke sistem metrik yang digunakan dalam bahasa Perancis. Dalam penterjemahan, masalah-masalah yang wujud adalah akibat perbezaan linguistik dan sosiobudaya antara bahasa Melayu dan bahasa Perancis. Aspek budaya lain yang dibincangkan adalah peribahasa, permainan kata, panggilan-panggilan hormat, adat istiadat dalam islam dan juga flora dan fauna. Peribahasa dan ungkapan menurut penulis ini mencerminkan cara berfikir sesuatu bangsa. Dalam penterjemahan, antara kaedah yang digunakan adalah relatif padanan bagi ungkapan peribahasa, parafrasa iaitu dengan memberi keterangan bagi unsur sosiobudaya yang berkaitan dengan agama. Selain daripada itu faktor budaya berkaitan dengan kata nama panggilan juga sukar diterjemahkan dan penterjemah tersebut mengambil keputusan tidak menterjemahkannya. Ini bermaksud perbezaan budaya dipengaruhi oleh faktor geografi, persekitaran, peradaban hidup dan pengalaman sesebuah masyarakat. Sekiranya perbezaan konsep ini begitu ketara dan tidak wujud dalam bahasa sasaran, maka penterjemah harus menjelaskan, menyesuaikan ataupun meninggalkan sahaja perkataan tersebut. Kaedah yang paling baik adalah nota kaki dalam teks terjemahan tersebut.

Kekangan utama penterjemah dalam menjalankan penterjemahan adalah apabila berhadapan dengan unsur budaya dimana unsur budaya sumber tak semestinya wujud dalam budaya sasaran. Nord (1997:34) menyebut situasi ini sebagai “*culturemes*”. Bagi mengatasi permasalahan ini, Nurhafa dan Goh Sang Seong (2012) dalam kajian

mereka yang bertajuk “Pemindahan Mesej Mentifaks Melayu dalam Terjemahan Novel Sungai Mengalir Lesu/ *Malay Mentifacts Messages Transferring In The Novel Sungai Mengalir Lesu*” membincangkan kaedah yang dapat mengatasi kekangan terjemahan unsur budaya, khususnya mentifaks. Dalam kajian ini mereka menfokuskan kepada unsur mentifaks dalam novel Sungai mengalir lesu karya A Samad Said berbanding kajian lain yang banyak menfokuskan kepada artifaks dan sosiofaks. Mentifaks adalah budaya yang berbentuk abstrak seperti idea atau corak pemikiran pengamal budaya. Bagi menganalisis unsur mentifaks dalam bahan korpus, metodologi yang digunakan adalah kaedah perbandingan teks, serta menganalisis setiap data yang telah diklasifikasikan sebagai unsur mentifaks bagi melihat kaedah terjemahan yang digunakan. Mereka telah memilih 10 data mentifaks untuk dianalisis menggunakan makna situasi Larson (1984). Bagi mengenalpasti korpus berunsur mentifaks, mereka telah menggunakan konsep budaya oleh Herskovits (1970). Ciri-ciri mentifaks yang dikenalpasti terdiri perkataan, ayat, atau wacana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam terjemahan Sungai mengalir lesu ke *Lazy River*, penterjemah telah menghasilkan terjemahan yang baik dan dapat menyampaikan pemikiran budaya (mentifaks) ke bahasa sasaran. Di sini menunjukkan peranan penterjemah amat penting. Mereka merumuskan bahawa terdapat kesamaan corak minda antara penutur bahasa sumber dan sasaran. Walaupun unsur budaya tak semestinya hadir dalam bahasa sasaran, kekurangan dapat diatasi dengan adanya maklumat tambahan yang diberikan.

Ciri- ciri dan nilai sesuatu budaya itu berbeza dan berubah bukan sahaja dalam masyarakat dalam sesebuah masyarakat itu sendiri malah perubahan tersebut dipengaruhi oleh aspek-aspek tertentu dalam budaya masyarakat. Goh Sang Seong (2007) dalam kajiannya yang bertajuk “Kebolehterjemahan Aspek-aspek budaya dalam terjemahan “*Shui Hu Zuan*”. Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dari bahasa Mandarin ke bahasa Melayu dan strategi

terjemahannya. Kajian ini menghimpunkan pelbagai teori yang terdiri daripada teori terjemahan, sosiolinguistik dan semantik bagi menganalisis aspek budaya. Aspek-aspek budaya yang dikaji dikategorikan berdasarkan klasifikasi budaya yang disarankan oleh Newmark (1988). Latar sosiolinguistik yang berbeza antara bahasa Mandarin dan bahasa Melayu menyumbang kepada faktor ketidakbolehterjemah antara bahasa Mandarin ke bahasa Melayu. Strategi terjemahan memainkan peranan bagi mengatasi masalah ini dan faktor ketidakbolehterjemahan ini juga mewujudkan terjemahan berlebihan, terjemahan kurang dan juga terjemahan kosong.

Dalam penterjemahan makna budaya, penterjemah boleh sama ada mengekalkan, menghilangkan atau mengubahsuai unsur budaya yang terdapat dalam teks sumber. Hal ini dikaji oleh Khairunisah (2008) dalam kajian beliau yang bertajuk “Unsur budaya dalam koleksi terjemahan cerita jenaka bahasa Melayu- bahasa Jerman : satu analisis”. Dalam kajian ini beliau menyatakan bahawa dalam penterjemahan akan berlaku unsur budaya yang dihilangkan, unsur budaya disesuaikan semula ataupun unsur budaya dikekalkan. Dalam kajian ini pengkaji mengaplikasikan aspek budaya seperti yang disarankan oleh Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2005). Menurut beliau, penterjemah harus mengetahui dan memahami sesuatu budaya. Selain itu, pengaruh pandangan dunia (*wold view*) penterjemah dan juga pembaca sasaran dalam dalam menterjemah sesuatu unsur kebudayaan yang wujud dalam sesuatu teks. Dalam kajian ini, pengkaji tersebut telah melihat unsur budaya yang terdapat dalam sastera rakyat Melayu yang telah diterjemah ke dalam bahasa Jerman. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam penterjemahan bahasa Melayu- Jerman sebahagian besar unsur budaya gagal dialihkan. Bagi unsur budaya yang berjaya diterjemahkan pula masih tidak menepati aspek semantik dalam bahasa sumber. Majoriti dapatan menunjukkan unsur budaya dalam bahasa sumber telah dihilangkan dalam teks sasaran.

Alosque (2009) juga melaporkan dalam kajiannya bahawa permasalahan dalam penterjemahan yang melibatkan budaya disebabkan ketiadaan komponen budaya yang sepadan. Dalam kajiannya yang menfokuskan pada budaya Perancis dalam domain memasak (*cuire*). Beliau menyatakan bahawa, kesukaran menterjemah timbul apabila melibatkan penterjemahan bidang dan juga latar belakang budaya. Namun hal ini dapat diatasi sekiranya penterjemah dapat memahami kedua-dua budaya sumber dan sasaran. Kesukaran disebabkan oleh fenomena bahasa, termasuk pelbagai aspek semantik yang berbeza seperti kata-kata berunsur budaya dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran, ketiadaan konsep budaya di dalam bahasa sasaran, kehilangan makna dan makna metafora disampaikan oleh kosa kata yang berunsurkan budaya. Kajian ini telah mendedahkan kekangan strategi terjemahan yang digunakan untuk memindahkan maksud unit budaya ke dalam bahasa sasaran (pinjaman, berfungsi kesetaraan, deskriptif kesetaraan, anggaran setara) dan perbezaan dalam konsep realiti sebagai digambarkan oleh terjemahan perkataan metafora dan ungkapan daripada domain memasak dalam bahasa Perancis. Perbezaan ini menunjukkan jurang budaya yang menjadikan terjemahan budaya .

Merujuk kepada kajian lepas yang telah dibincangkan sebelum ini, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa penterjemah mengalami kesukaran dalam menterjemah apabila melibatkan unsur budaya. Kadangkala elemen budaya tidak dapat diterjemahkan, penterjemah akan menghilangkan, mengekalkan ataupun menyesuaikan dengan budaya dalam bahasa sasaran. Kajian lepas juga banyak membincangkan strategi dalam menterjemahkan unsur budaya. Apabila melibatkan budaya dalam penterjemahan, sarjana terdahulu banyak membicarakan tentang aspek yang terlibat dan strategi yang digunakan bagi mengatasi masalah dalam penterjemahan yang melibatkan budaya. Sedikit sebanyak kategori serta strategi yang telah dibincangkan oleh mereka dapat dijadikan garis panduan dalam kajian ini.

2.2 Semantik

Setelah menerangkan serba sedikit tentang aspek budaya dan juga penterjemahan, pengkaji akan menfokuskan pula kepada salah satu bidang lain dalam linguistik yang penting dalam penterjemahan iaitu semantik. Perkaitan semantik dalam terjemahan di sini penting bagi melihat kesepadanan leksikal budaya antara bahasa sumber dan sasaran. Semantik berasal daripada perkataan Greek iaitu *semantikos* yang merupakan kajian makna istilah. Oleh sebab makna itu adalah sebahagian daripada bahasa maka semantik juga menjadi sebahagian daripada bidang linguistik. Bidang semantik terbatas kepada pemerhatian proses tranposisi makna kata dalam pemakaian bahasa. Secara amnya ramai yang tertarik untuk mengetahui tentang makna. Semantik juga digunakan untuk melihat hubungan antara bahasa dan budaya kerana perbendaharaan kata sesuatu bahasa mencerminkan budaya penuturnya. Semantik adalah suatu bidang dalam bahasa yang baru mendapat perhatian dari golongan ahli linguistik. Semantik sebenarnya adalah bidang yang sangat penting dalam setiap bahasa di dunia ini.

Menurut Leech (1974) terdapat tujuh jenis makna seperti yang diterangkan di bawah:

- i) Makna konseptual- Makna yang terdapat dalam kamus serta konsep makna yang terpenting dalam bahasa. Makna ini juga disebut makna denotatif.
- ii) Makna konotatif- Makna ini merujuk kepada nilai komunikatif dari suatu ungkapan menurut apa yang dirujuk contohnya „perempuan /wanita“ dalam makna konseptualnya bermaksud: manusia, bukan lelaki, dan dewasa. Namun dalam makna konotatif terdapat makna tambahan, contohnya bersifat lemah,

penakut dan sebagainya. Wanita dan juga perempuan juga dari segi konotasi memberi maksud yang berbeza.

- iii) Makna stilistik-Makna berdasarkan lingkungan goeografi dan sosial penuturnya. Contohnya dialek, slanga dan juga bahasa pasar atau bahasa seharian.
- iv) Makna afektif- Makna yang merujuk kepada makna stilistik Penggunaan bahasa juga menggambarkan perasaan peribadi penutur. Biasanya intonasi dan nada suara juga memainkan peranan bagi menyampaikan maksud. Penggunaan ayat biasa juga akan menjadi ayat yang sarkastik dengan nada yang berlainan.
- v) Makna reflektif, adalah makna yang timbul dalam hal makna konseptual, jika suatu pengertian dari suatu kata pada pemakaiannya secara automatik menimbulkan makna yang lain.
- vi) Makna kolokatif, adalah hubungan dan penggunaan perkataan yang berada dalam lingkungan yang sama. Contohnya, cantik, kacak, jelita, menawan bagi menunjukkan sesuatu yang indah. Namun cantik dan jelita lebih sesuai digunakan bagi perempuan dan kacak bagi lelaki.
- vii) Makna tematik adalah jenis yang terakhir, iaitu makna yang dipentingkan berdasarkan kedudukan kata dalam ayat. Ia juga bergantung kepada cara maklumat disampaikan iaitu fokus dan penekanan penutur.

Leech seterusnya mengelaskan makna reflektif, kolokatif, afektif, stilistik, dan konotatif ke dalam suatu kategori besar, iaitu makna asosiatif.

Semantik adalah suatu bidang dalam bahasa yang baru mendapat perhatian dari golongan ahli linguistik. Bidang semantik sebelum ini kurang mendapat perhatian kerana ahli linguistik mendapati ia merupakan satu bidang yang sukar dihuraikan dan dianalisis secara mendalam dan menyeluruh. Di dalam perkembangan ilmu semantik pada mulanya sarjana barat mengkaji makna dengan membanding-bandingkan perkataan iaitu dengan membandingkan perkataan yang berlawanan dan bersamaan makna. Namun kajian semantik kini menjadi semakin penting. Menurut Abdullah Hassan (2005) kajian ini telah menjadi semakin penting semenjak komponen makna digabungkan dengan tatabahasa transformasi generatif dan fokus menjadi semakin meningkat.

Dalam buku *Semantics*, Leech (1974) dalam pengenalannya telah menegaskan tentang kepentingan mempelajari dan mengkaji semantik. Menurut beliau:

Why study Semantics? Semantics (as the study of meaning) is central to the study of communication and as communication becomes more and more crucial factor in social organization, the need to understand it becomes more and more pressing. Semantics is also the centre of the study of the human mind-thought process, cognition, conceptualization-all these are intricately bound up with the way in which we classify and convey our experience of the world through language.

Leech (1974:1)

Dalam terjemahannya, Paina Partana telah menterjemahkan sebagai ,

Mengapa mempelajari semantik? Semantik (sebagai kajian tentang makna) merupakan masalah utama dalam komunikasi dan kerana komunikasi menjadi faktor yang semakin penting di dalam organisasi social. Keperluan untuk memahami semantik menjadi semakin mendesak. Semantik juga merupakan pusat kajian tentang fikiran manusia, iaitu proses berfikir, kognitif, konseptualisasi-semua ini

saling kait mengait dengan cara kita mengklasifikasikan dan mengemukakan pengalaman kita tentang dunia nyata ini melalui bahasa.


(Terjemahan Paina Partana, 2003:1)

Dalam buku *Semantic field and lexical structure*, Lehrer (1974:1) juga dalam pengenalannya mendefinisikan semantik sebagai :

The study of meaning, touching on most aspects of the structure and function of language as well as problem in psychology, philosophy and anthropology.

Dengan ini kita dapat lihat bahawa semantik adalah satu kajian makna dan bidang ini meliputi pelbagai aspek termasuk psikologi, falsafah dan juga antropologi. Hal ini menunjukkan semantik merupakan pusat kajian tentang akal manusia dari pelbagai segi seperti pemerolehan bahasa, kognisi serta pengkonsepsian.

Dalam buku mereka yang bertajuk *The Meaning of Meaning* Odgen dan Richards (1923) telah mengkaji makna secara analitikal iaitu memecahkan kepada beberapa komponen. Odgen dan Richard telah memperkenalkan segi tiga semiotik iaitu mereka membahagikan kepada tiga komponen iaitu simbol, referensi dan referent. Ketiga-tiga komponen ini telah dihuraikan dengan menggunakan gambar rajah segi tiga semiotik seperti yang berikut:



Rajah 2.1: Segitiga Semiotik Odgen & Richard (1923[1949]:11]

Kaedah pengkajian analitikal ini mendapat banyak kritikan dan bantahan terutama dari Stephen Ullmann. Ullmann (1962) di dalam bukunya '*Semantic*' mengatakan kaedah ini terlalu luas dan pada masa yang sama kaedah ini juga terlalu sempit. Kaedah ini dikatakan terlalu luas kerana benda atau perkara (*referent*) adalah unsur yang di luar jangkauan ilmu linguistik yang boleh berubah maksud disebabkan perubahan ilmu atau perubahan masa. Beliau menganalisis makna menggunakan konsep lain iaitu nama, benda dan maksud. Nama ialah fonetik sesuatu perkataan. Maksud ialah maklumat yang ada pada nama dan benda pula adalah benda atau *referent* seperti di dalam teori Odgen dan Richard.

Dalam bidang semantik banyak fahaman dan pendekatan dalam menganalisis dan mencari "makna", namun pengkaji hanya memfokuskan kepada analisis komponen makna.

2.3 Pendekatan terjemahan dalam memaknakan leksikal budaya

Penterjemahan adalah aktiviti memindahkan sesuatu teks dalam satu bahasa ke satu bahasa lain yang melibatkan ilmu semantik dan penterjemahan. Hal ini dilakukan

dalam tiga peringkat iaitu menganalisis, memindah dan menstruktur semula. Dalam hubungan ini yang paling penting adalah memahami makna sesuatu teks yang hendak diterjemahkan. Dalam bidang penterjemahan, makna boleh berubah-ubah kerana ia adalah sasaran interpretasi, oleh itu ia dikatakan konsep yang dinamik. Terjemahan dikatakan cara terbaik untuk mengkaji makna. Pemahaman makna sangat penting bagi menjamin kelancaran warta. Setiap perkataan mewakili berbagai-bagai makna yang tersendiri umpamanya rujukan, makna emosi, makna pantangan makna konotatif dan seumpamanya. Contohnya dalam bahasa Melayu bagi ayat perempuan itu cantik atau wanita itu jelita mempunyai maksud yang berbeza dari segi makna denotasi dan konotasi. Perkataan wanita dan perempuan merujuk pada imej seseorang perempuan dan wanita juga merupakan bahasa halus untuk perkataan perempuan. Dalam bahasa Perancis pula wanita atau perempuan adalah *la femme*. *La femme* juga polisemi dalam bahasa Perancis kerana selain bermaksud perempuan ia juga bermaksud isteri. Namun penggunaan kedua-duanya tiada memberi impak makna konotasi.

Dalam bidang penterjemahan memerlukan interferensi unsur satu bahasa bahasa sumber ke bahasa lain. Interferensi dalam bidang semantik dapat dibahagi kepada tiga bahagian iaitu perluasan makna, penambahan makna ataupun penggantian makna. Dalam penterjemahan juga kadangkala penterjemah mementingkan makna dari teks asal (teks sumber) dan mengadaptasikannya dalam teks sasaran. Menurut Nida (1975) penterjemahan jenis ini dipanggil terjemahan semantik iaitu penterjemah cuba menghasilkan maklumat ke dalam teks sasaran dan mengekalkan struktur semantik yang diperolehi dari teks sumber.


Apabila tiada kesepadanan leksikal yang berkaitan dengan budaya bahasa sumber untuk diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran maka menyebabkan fenomena ketidakbolehterjemahan akan berlaku. Pendekatan terjemahan memainkan peranan penting dalam mengatasi masalah jurang leksikal ini. Menurut Baker (1992) seorang

penterjemah yang professional mampu mengatasi pelbagai jenis masalah ketidaksamaan antara dua bahasa (bahasa sumber dan sasaran). Sememangnya tiada leksikal yang benar-benar serupa dan sama antara dua bahasa yang terlibat namun perbezaan dapat diminimumkan.

Dalam penterjemahan yang melibatkan unsur budaya, fenomena kehilangan makna adalah sesuatu yang sukar dielakkan oleh penterjemah. Menurut Catford (1974:94) yang dipetik dari Hasuria Omar (1997) setiap proses terjemahan akan menyebabkan berlakunya kehilangan makna. Faktor ini juga pada asasnya disebabkan faktor ketidakterjemahan. Menurut Catford (1974) lagi konsep ketidakterjemahan ini disebabkan oleh faktor linguistik dan faktor budaya. Ketidakterjemahan dari segi faktor linguistik berlaku apabila morfem, fonem, frasa, leksikal atau ayat tiada padanan dalam bahasa sasaran. Manakala dari segi budaya pula, faktor ini berlaku apabila tiada padanan fitur ataupun ciri-ciri tertentu budaya bahasa sumber dalam budaya bahasa sasaran.

Dalam penterjemahan unsur budaya, fenomena kehilangan makna pasti akan berlaku. Hal ini sudah ditegaskan oleh Newmark (1981) bahawa fenomena ini berlaku disebabkan oleh faktor terjemahan sama ada terjemahan kurang atau berlebihan. Boh Phaik Ean dan Goh Sang Seong (2013) telah membuktikan hal ini dalam kajian mereka “Kehilangan makna dalam penterjemahan *Cheng Yu* ke bahasa Melayu. Dalam kajian ini menyatakan faktor terjemahan kurang atau terjemahan berlebihan menyumbang kepada kehilangan makna dalam terjemahan. Menurut Newmark (1981:39) dalam kajian Boh Phaik Ean dan Goh Sang Seong (2013) fenomena kehilangan makna berkait langsung dengan pendekatan penterjemahan yang dimanfaatkan oleh penterjemah.

Gambaran tentang aspek kehilangan makna dapat dijelaskan dalam gambarajah berikut:



Rajah 2.2 : Dipetik dan diubahsuai dari Hasuria (1997: 933)

Dalam gambarajah di atas, bahagian yang berlerek adalah kehilangan makna yang berlaku dalam terjemahan. Hal ini disebabkan oleh dalam pengalihan budaya dari bahasa A ke B. Akibat daripada perbezaan dan persekitaran budaya antara A dan B ia mempengaruhi penterjemahan dan sedikit sebanyak memberi kesan terhadap makna.

2.4 Teori Analisis Komponen Makna

Salah satu kaedah analisis dalam bidang semantik adalah analisis komponen makna. Kaedah ini berbeza daripada kaedah pemberian makna secara tradisional yang diguna pakai oleh sarjana sebelum ini, iaitu hanya merujuk kepada benda yang dimaksudkan.

(Lyons, 1997 dan Lehrer, 1974) telah mentakrifkan analisis komponen sebagai suatu kaedah teoretis yang boleh mengkategorikan kosa kata sesuatu bahasa, di mana setiap perkataan didefinisikan berdasarkan komponen atau cirinya. Teori Analisis Komponen merupakan satu kaedah yang digunakan bagi menganalisis makna melalui perkaitan dan perbandingan di antara satu perkataan dengan perkataan yang lain. Makna-makna yang terkandung di dalam setiap perkataan itu dapat dianalisis dan

dihuraikan melalui komponen makna perkataan itu. Melalui teknik ini, setiap konsep dipecahkan ke dalam komponen atau fitur yang terkecil seperti yang diperkenalkan oleh Jacobson (1938) dan seterusnya diperbaharui oleh Katz dan Fodor (1963) dan diperluas oleh Jackson (1988) dan Lyons (1995).

Parera (1990: 14) menyatakan kajian linguistik am (*The study of the general linguistic*) merupakan semantik yang dikaji oleh M. Breal dari Perancis pada tahun 1883. Oleh yang demikian, semantik di sini menunjukkan analisis tentang makna-makna linguistik dan telah diterima oleh pakar-pakar linguistik sebagai cabang linguistik yang menganalisis makna-makna linguistik. Namun masih belum ada sebulat suara mengenai interpretasi dan batas lingkup analisis semantik di dalam bidang linguistik. Mengikut teori analisis komponen, bahagian atau unsur tertentu dari makna itu sahaja yang sama seperti kata „mati“ dan „meninggal“. Kata „mati“ memiliki komponen makna tidak bernyawa dan dapat digunakan pada apa saja (manusia, binatang, tumbuhan dan lain-lain). Manakala kata „meninggal“ memiliki komponen makna tidak bernyawa. Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa manusia boleh mati, binatang boleh mati, dan tumbuhan boleh mati, tetapi hanya manusia sahaja yang boleh meninggal, bukan binatang atau tumbuhan. Komponen makna atau komponen semantik (*semantic feature, semantic property, atau semantic marker*) bermaksud bahawa setiap kata atau unsur leksikal terdiri dari satu atau beberapa unsur yang bersama-sama membentuk makna kata atau makna unsur leksikal tersebut. Analisis ini mengandaikan setiap unsur leksikal memiliki atau tidak memiliki suatu ciri yang membezakannya dengan unsur lain (Abdul Chaer, 1990).

Memetik beberapa pandangan sarjana berkenaan analisis komponen makna, Lehrer (1974: 46) dalam bukunya *Semantic Field and Lexical Structure* mendefinisikan fitur semantik sebagai komponen perbendaharaan kata untuk item leksikal; setiap item leksikal mempunyai komponen-komponen makna leksikal. Dengan kata lain analisis

komponen adalah sebenarnya mengkaji satu-satu item leksikal secara sistematis dan lebih menyeluruh.

Jackson (1996: 83) dan Nida (1975: 32) mengategorikan jenis komponen utama kepada dua jenis, iaitu komponen biasa dan komponen diagnostik atau distingtif.

a. Komponen biasa

Komponen utama yang dikongsi oleh semua leksem dalam domain semantik atau bidang leksikal yang sama.

b. Komponen diagnostik atau tersendiri.

Mereka berfungsi untuk membezakan makna daripada orang lain dari domain yang sama.

Menurutnya Nida (yang diterjemahkan oleh Mashudi Kader, 1996) makna mestilah secarannya asas dijelaskan dari segi fitur pembeza, fitur ini dinamakan “komponen semantik” dan proses penganalisan yang digunakan untuk menentukan fitur pembeza yang dinamakan “analisis komponen makna”.

Analisis berdasarkan fitur distingtif ini sebenarnya bukan perkara yang baru kerana R. Jakobson dan Morris Halle (1963) telah menggunakan kaedah ini dalam laporan kajian mereka. Kajian mereka yang menfokuskan tentang bunyi bahasa yang berjudul *Preliminaries to Speech Analysis: The Distinctive Features and Their Correlates*. Dalam kajian tersebut mereka telah menjelaskan bunyi-bunyi bahasa dengan menyebutkan ciri-ciri pembeza di antara bunyi yang satu dengan bunyi yang lain iaitu tanda campur (+) bagi bunyi-bunyi yang dimiliki dan juga tanda (-) bagi yang tidak dimiliki. Konsep ini juga disebut analisis biner dan kemudian diterapkan bagi membezakan makna suatu kata dengan kata yang lain. Analisis komponen makna ialah usaha memahami makna bahasa bagi komponen makna yang membentuk makna satuan bahasa.


Banyak pengkaji dan cendekiawan yang arif dalam bidang semantik membincangkan tentang analisis komponen. Di sini pengkaji cuma akan membincangkan teori analisis komponen dari beberapa sarjana sahaja yang berkaitan analisis komponen dan banyak dibincangkan oleh pengkaji lain sebelum ini dan mencetuskan kajian selanjutnya.

2.4.1 Analisis komponen mengikut Katz dan Fodor

Buku Katz dan Fodor (1963) yang bertajuk "*The Structure of a Semantic Theory*" ialah asas kepada penulisan Katz dan Fodor terhadap pendekatan komponen. Katz dan Fodor dalam kajiannya memberi perhatian kepada ketaksaan, anomali dan parafrasa, namun dalam kajian lebih banyak bertumpu kepada ketaksaan. Berikut adalah contoh analisis menurut Katz and Fodor kepada makna kosa kata *bachelor*. Pengkaji memetik dari Palmer (1992) iaitu bagaimana Katz dan Fodor membezakan makna *bachelor* kepada 4 iaitu :

1. Lelaki yang belum pernah berkahwin
2. Pahlawan muda yang dilatih oleh kesateria yang lain
3. Orang yang mendapat ijazah pertama
4. Singa laut muda yang belum mengawan

Keempat-empat makna ini boleh dibezakan dengan penanda iaitu (manusia), (binatang) dan (jantan). Penanda ini diletakkan bersama-sama pembeza dan ditempatkan di dalam kurungan bersiku contohnya [ijazah pertama]. Katz dan Fodor menerangkan dalam bentuk rajah pohon seperti di bawah ini:



Rajah 2.3: Dipetik dari Palmer (1992: 124)

2.4.2 Analisis komponen makna mengikut Palmer

Menurut Palmer (1992), komponen ialah keseluruhan makna dari suatu kata, terdiri atas sejumlah elemen. Antara elemen-elemen tersebut memiliki ciri yang berbeza.

Analisis komponen digunakan untuk menyelidik istilah kekeluargaan atau kekerabatan. Contohnya *:tio* bapa saudara dan *tia* ibu saudara

hijo anak lelaki *hija* anak perempuan

Di sini jelas bahawa akhiran *o* bagi lelaki dan akhiran *a* menunjukkan perempuan. Selanjutnya menurut Palmer suatu ciri khusus analisis komponen ialah ciri duaan yang bertentangan, contohnya (jantan) dan (betina) ataupun (hidup) dan (tak hidup). Ciri - ciri ini boleh dibezakan dengan menggunakan tanda campur (+) dan tolak (-). Ia boleh ditulis sebagai (+jantan) dan (-jantan). Kalau tiada perbezaan jantina kita

boleh menggunakan (+jantan). Analisis komponen juga digunakan untuk menunjukkan hubungan logik. Contohnya perkataan *pregnant man*. Cara analisisnya adalah ;
Man (+jantan) *pregnant* (-jantan). Dengan cara analisis ini menurut Palmer dalam kajiannya perkataan *pregnant man* boleh dielakkan.

2.4.3 Analisis komponen makna mengikut Ruth Kempson

Kempson dalam bukunya *Teori Semantik* yang diterjemah oleh Zaiton Ab Rahman (1991: 20) menjelaskan bahawa analisis komponen adalah untuk mengzahirkan se jelas mungkin hubungan sistemis antara perkataan. Makna perkataan dikaji bukan sebagai unit konsep yang tersendiri tetapi himpunan yang terdiri daripada komponen makna dan komponen itu sendiri merupakan inti makna. Dalam kajian tersebut contoh yang diberi oleh Kempson adalah *Spinster* ciri-ciri penanda bagi perkataan ini adalah perempuan tidak pernah berkahwin, dewasa, manusia.

Menurut Kempson (1991) juga terdapat tiga cara untuk mendapatkan makna. Pertama dengan melihat kepada makna perkataan sebagai asas bagi menerangkan makna ayat dan perhubungannya. Kedua, asas merupakan makna ayat, manakala perkataan pula dikatakan sebagai penyumbang secara teratur pada makna ayat (asas). Seterusnya cara ketiga pula, kedua-dua makna ayat dan makna perkataan dijelaskan sebagai perantara yang digunakan dalam gerak laku perhubungan. Hubungan penamaan antara perkataan dengan benda yang dirujuk sangat nyata bagi Kata Nama Khas. Contoh yang terdapat dalam buku Ruth Kempson adalah *The Parthenons* yang merujuk kepada Parthenons di Athens. Hubungan antara perkataan dan benda ini disebut hubungan rujukan.

Analisis ini bukan saja terhad kepada melihat kekerabatan tetapi juga kepada bidang-bidang lain dalam perbendaharaan kata. Menurut Kempson lagi setiap item yang

ingin dianalisis mungkin berkongsi ciri dalam sesuatu set kata tetapi berbeza berdasarkan ciri pembeza. Contoh yang diberi adalah bagi bahasa yang sama budaya seperti bahasa Inggeris dan Perancis tetapi tidak ada terjemahan setara bagi *chair* (bahasa Inggeris) dan *chaise* (bahasa Perancis).

Menurut Kempson (1991) dengan menggunakan kaedah analisis komponen makna kita dapat mentakrifkan kehiponiman dan juga ketidakserasian makna. Seperti yang terdapat dalam contoh analisis beliau berkenaan perkataan *Spinster*. *Spinster* itu sudah pasti hiponim kepada perkataan *woman* dan terkandung di dalam perkataan *spinster* itu semua ciri *woman*; dan *spinster* berlawanan dengan *bachelor*.

Dalam kajian berkaitan analisis komponen makna Kempson cuma mengzahirkan sejelas mungkin namun tidak memperincikan lagi bagaimana analisis dibuat. Walaubagaimanapun Bell (1991) telah menunjukkan berdasarkan ciri penduaan (*binary*).

Contoh analisis:

Man $\left(\begin{array}{l} + \text{ manusia} \\ + \text{ dewasa} \\ + \text{ lelaki} \end{array} \right)$

Woman $\left(\begin{array}{l} + \text{ manusia} \\ + \text{ dewasa} \\ - \text{ lelaki} \end{array} \right)$

2.4.4 Analisis komponen makna menurut Geoffrey Leech

Dalam buku *Semantics*, Geoffrey Leech (1974: 96) mendefinisikan analisis komponen sebagai berikut,

The analysis of word meaning is often seen as a process of breaking down the sense of a word into its minimal distinctive features; that is, into components which contrast with other components.

Fitur semantik yang dikatakan oleh Leech adalah komponen yang berkontras dengan yang lain dan dapat dijelaskan dengan contoh berikut:

Man: +HUMAN+ADULT+MALE

Woman: +HUMAN+ADULT-MALE

Boy: +HUMAN-ADULT+MALE

Girl: + HUMAN-ADULT-MALE

Ciri-ciri *man*, *woman*, *boy* dan *girl* dapat dijelaskan melalui dimensi fitur yang hadir dalam '*human*, *adult* dan *male*'. Menurut Geoffrey Leech (1974: 97) formula ini dikenali sebagai definisi komponen yang sebenarnya dibuat untuk dijadikan sebagai entri kamus. Ini adalah kerana dimensi fitur makna dalam setiap item leksikal akan membentuk berlawanan (*opposition*).

Dalam menjelaskan hubungan makna Leech (1974) telah menggolongkan kepada dua bahagian iaitu,

- 1) sinonim dan polisemi iaitu dalam menjelaskan hubungan bentuk dan makna
 - i) sinonim: satu bentuk memiliki makna yang sama
 - ii) polisemi: bentuk yang sama memiliki lebih dari satu makna

- 2) Hubungan antara dua makna pula adalah hiponimi dan ketidakserasian
 - i) Hiponim: memasukkan satu makna ke dalam makna lain
 - ii) Ketidakserasian: mengeluarkan satu makna dari makna yang lain

2.4.5 Teori analisis komponen makna menurut Nida


Eugene A. Nida pula dalam bukunya bertajuk *Componential Analysis of Meaning And Introduction to Semantic Structure* (1975) menyatakan terdapat empat cara untuk menghubungkan makna-makna item leksikal dalam lingkungan domain tunggal iaitu:

- a. Menular
- b. Bertindihan
- c. Terkandung
- d. Saling melengkapi

1) Perhubungan menular

Bagi perhubungan menular ini satu contoh telah digunakan untuk memudahkan penjelasan. Contoh kerusi bangku dan sofa merupakan satu kumpulan domain. Set domain ini tergolong dalam perabot yang digunakan untuk duduk. Sungguhpun ketiga-tiga adalah dalam kategori yang sama namun terdapat sedikit perbezaan dalam item leksikal. Kerusi merupakan kegunaan individual sahaja manakala bangku untuk sekumpulan orang. Sofa pula digunakan untuk seorang sahaja tetapi sofa lebih besar dan mahal daripada kerusi.

Dengan ini kita dapat membandingkan ketiga-tiga item leksikal dengan fitur semantik dan ketiga-tiga berkongsi fitur semantik iaitu [+ tempat duduk]




Rajah 2.4 : Model ini diadaptasi daripada kajian Nida (1996: 31)

Bagi Leech (1974: 2) perhubungan ini dikenali sebagai polisemi .

2) Perhubungan bertindih

Dalam hubungan pertindihan tempat yang bertindih ini menunjukkan darjah sinonimnya. Ini memberi implikasi bahawa kedua-dua item leksikal itu mempunyai darjah kesamaan yang akan membawa hingga kepada makna yang seerti. Ibu dan emak adalah perkataan yang bersinonim. Tetapi apabila analisis komponen dibuat maka kita boleh membezakan dua item leksikal ini dengan lebih jelas.

Ibu yang membawa makna sebagai orang yang melahirkan anak boleh juga diluaskan kepada ibu kota, ibu pejabat dan sebagainya dan akan membezakan dengan item leksikal emak. Sungguhpun terdapat persamaan perkataan ibu pejabat tidak boleh ditukarkan kepada emak pejabat kerana emak hanya merujuk kepada manusia sahaja.




Rajah 2.5: Rajah ini diadaptasi daripada Asmah (1988: 219)

Bahagian yang bertindih adalah bagi fitur-fitur makna yang mendukung makna yang sama bagi „emak“ dan „ibu“.

3) Perhubungan terkandung

Perhubungan ini meliputi semua item leksikal dalam satu domain. Semua item leksikal ini dimasukkan dalam satu bulatan pusat. Gambar rajah di bawah menunjukkan bahawa biawak terletak di dalam domain cicak. Cicak pula terletak pada domain reptilia. Semua reptilia adalah haiwan. Oleh itu rajah di bawah menunjukkan satu hubungan terkandung.



Rajah 2.6: Gambarajah diadaptasi dan diubahsuai daripada Nida (1996 :35)

4) Perhubungan saling melengkapi


Perhubungan ini bersamaan dengan perhubungan antara antonimi. Item-item leksikal ini memberi makna yang berlawanan antara satu sama lain.

i) Perhubungan kebalikan

Perhubungan ini terhad kerana berada dalam siri temporal dan menunjukkan dua jenis rentetan yang berlainan. Contohnya seperti berkahwin dan belum berkahwin

ii) Perhubungan makna set salingan

Makna dalam perhubungan ini agak kompleks kerana ianya saling melengkapi antara satu sama lain. Makna dalam perhubungan ini melibatkan perbandingan makna kebalikan yang tepat.



Rajah 2.7: perhubungan salingan

Item leksikal lelaki dan perempuan adalah berlawananan. Walaupun kedua-dua kata ini berlawanan namun terdapatnya perhubungan saling melengkapi dalam kedua-dua item leksikal ini.

Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaludin (2007: 15) terdapat 4 cara bagaimana makna perkataan boleh dikaitkan dan diberikan fiturnya iaitu melalui:

- i. Penyertaan (*inclusion*) contohnya dalam menentukan kumpulan binatang seperti anjing. Semua *poodles* adalah anjing dan semua anjing adalah binatang. Jadi makna *poodles* boleh dianggap termasuk sekali dalam makna anjing dan termasuk sekali dalam makna binatang.
- ii. Pertindihan (*overlapping*) perkataan seperti baik dan bagus ajaib dan hairan boleh dianggap bertindih dan bersinonim. Perkataan bersinonim boleh digunakan bersilih ganti tanpa mengubah makna asal dalam konteks tertentu
- iii. Penyalinglekapan (*complementation*) melibatkan beberapa fitur makna yang dikongsi bersama ada sedikit berlawanan dan ada juga yang bertentangan. Pola yang berlawanan ini ialah jahat/baik, panjang/pendek buka/tutup, sementara yang bersifat kebalikan adalah jual/beli, tarik/tolak.
- iv. Perkaitan (*contiguity*) perkataan-perkataan ini dibezakan oleh satu fitur sahaja dan kesemua perkataan ini mempunyai hubungan rapat seperti berjalan, berlari, merangkak, melompat dan sebagainya.

2.4.6 Analisis Komponen Makna menurut Lyons

Lyons (1977: 317-335) pula menjelaskan bahawa analisis bahasa adalah pendekatan untuk menjelaskan makna kata atau frasa yang menjadi asas kajian serta makna setiap leksem dapat diuraikan berdasarkan komponen-komponen maknanya.

Di sini saya mengambil contoh yang diberi oleh Abdul Chaer (1990: 114-122) di mana beliau menjelaskan dengan lebih lanjut lagi dalam kajian beliau bahawa teori komponen makna atau komponen semantik yang menjelaskan bahawa setiap leksem atau kata bersama-sama membentuk makna kata tersebut. Contoh, leksem bujang dan mempunyai komponen makna: (+) manusia, (-) berpotensi melahirkan, (-) berkahwin; gadis pula mempunyai komponen makna: (+) manusia, (+) berpotensi melahirkan, (-) berkahwin. Analisis komponen makna leksem bujang dan gadis itu dapat dilihat seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Contoh Analisis Komponen Makna leksem bujang dan gadis

KOMPONEN MAKNA	LEKSEM	
	Bujang	gadis
Manusia	+	+
Berpotensi melahirkan	-	+
Berkahwin	-	-

Menurut Lyons (1977: 323-335) lagi dalam analisis komponen, terdapat empat unsur yang harus diperhatikan, iaitu komponen (makna), fitur, penanda, dan ciri pembeza. Komponen makna adalah kumpulan fitur makna. Fitur adalah variabel makna yang dinilai (dalam komponen makna mengandungi sejumlah variabel makna yang dapat dinilai) penanda adalah penanda nilai suatu fitur. Ciri pembeza adalah ciri khas nilai fitur suatu leksem atau satuan leksikal pada saat leksem itu dibandingkan dengan

leksem yang lain. Penerapan konsep komponen (makna), fitur, pemarkah, dan ciri pembeza dapat dilihat dalam contoh analisis komponen makna kerbau, lembu dan kuda seperti dalam Jadual 2.2.

Jadual 2.2: Contoh Analisis Komponen Makna kerbau, lembu, dan kuda

KOMPONEN MAKNA	LEKSEM		
	Kerbau	Lembu	Kuda
Binatang	+	+	+
Berkaki empat	+	+	+
Pemakan rumput	+	+	+
Berkuku belah dua	+	+	+
Untuk menarik pendati	+	+	-
Untuk membajak	+	+	-
Sebagai tunggangan	-	-	+
Suka berkubang	+	-	-

Berdasarkan analisis makna leksem kerbau, lembu, dan kuda pada Jadual 2.2 , kita dapat mengetahui bahawa: binatang adalah fitur makna yang pertama; berkaki empat fitur makna yang kedua; pemakan rumput adalah fitur makna ketiga; berkuku belah dua adalah fitur makna yang keempat; untuk menarik pedati fitur makna yang kelima; untuk membajak adalah fitur makna yang keenam; sebagai tunggangan adalah fitur makna yang ketujuh; suka berkubang adalah fitur makna yang kelapan. Fitur makna ini nilainya berbeza antara satu sama lain antara leksem-leksem . Misalnya fitur untuk membajak sama-sama dimiliki oleh kerbau dan lembu, tetapi tidak dimiliki oleh kuda.

Penanda adalah tanda yang menandai nilai suatu fitur. Penanda tambah (+) bermakna fitur itu dimiliki oleh leksem yang sedang dianalisis, sedangkan penanda tolak (-) bererti fitur itu tidak dimiliki oleh leksem yang sedang dianalisis. Contoh, fitur berkuku belah dua (+) untuk kerbau, (+) untuk lembu, tetapi (-) untuk kuda. Maknanya,

fitur berkuku belah dua dimiliki oleh kerbau dan lembu, tetapi tidak dimiliki oleh leksem kuda. Komponen makna adalah semua fitur makna yang sudah ditandai.

2.4.7 Analisis komponen makna dalam penterjemahan

Seperti yang dikatakan oleh Peter Newmark (1988) dalam proses penterjemahan kata adalah unsur terkecil yang dianalisis oleh penterjemah sebelum menterjemah makna keseluruhan dari sebuah teks. Untuk memahami makna yang terkandung dalam sebuah kata diperlukan adanya analisis struktur luar dan analisis struktur dalaman, iaitu dengan analisis struktural (*structural analysis*) atau analisis morfem (*morphemic analysis*) dan dengan analisis komponen makna (*componential analysis of meaning*). Dari analisis tersebut dapat ditentukan padanan yang sesuai. Meskipun begitu, kerana proses ini melibatkan dua bahasa yang berbeza, maka akan wujud perkataan yang tidak mempunyai padanan dalam bahasa sasaran.

Peter Newmark dalam bukunya *A Textbook of Translation* telah memberikan contoh bagaimana analisis komponen dibuat. Namun bagi Newmark (1988) analisis komponen bagi penterjemah dan juga bidang linguistik terdapat perbezaan. Newmark telah membezakan sesuatu yang digunakan untuk duduk dalam bahasa Perancis berdasarkan fitur distingtifnya.

Jadual 2.3 Analisis Komponen Makna menurut Newmark (1988),

<i>Distingtif semes</i>						
	<i>For sitting in</i>	<i>On leg</i>	<i>For one person</i>	<i>With back</i>	<i>With arms</i>	<i>Wood or metal material</i>
<i>canapé</i>	+	+	-	+	-	+
<i>fauteuil</i>	+	+	+	+	+	+
<i>chaise</i>	+	+	+	+	-	+
<i>tabouret</i>	+	+	+	-	-	+
<i>siège</i>	+	+	-	-	-	-
<i>pouf</i>	+	-	+	-	-	-

Dipetik daripada Peter Newmark (1988: 117)

Dalam penterjemahan analisis komponen digunakan untuk melihat ketepatan dalam menyampaikan maklumat ke bahasa sasaran.

2.5 Aplikasi Analisis Komponen Makna dalam Kajian Lepas

Banyak kajian semantik yang menfokuskan kepada makna mengambil data cerpen dan novel sebagai data kajian khususnya dari kaca mata semantik untuk mengukuhkan analisis mereka. Pengkaji cuma menyebut beberapa pengkaji terdahulu antaranya Intan Safinaz dan Nor Zakiah (2005) menggunakan karya Usman Awang sebagai bahan kajian. Nor Hashimah Jalaludin dan Norsimah Mat Awal (2006) yang mengkaji novel bagi melihat perluasan makna kuat melalui wanita. Nor Hashimah Jalaludin dan Rozaimah Rashidin (2008) pula mengambil karya sastera lama seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Raja Pasai, Hikayat Terung Pipit dan juga Sejarah Melayu untuk melihat tipologi rasuah menggunakan pendekatan semantik kognitif. Manakala Nathesan (1997) pula menggunakan cerpen sebagai data kajian di mana beliau melihat aspek makna dalam antologi cerpen Guruh.

Dalam melihat ketepatan makna budaya dalam teks yang dikaji, Analisis Komponen Makna sesuai digunakan memandangkan ia adalah satu kaedah yang digunakan untuk menghuraikan makna. Kaedah ini digunakan untuk membezakan makna leksem yang berkaitan semantiknya bagi melihat ketepatan teks terjemahan yang dikaji (Nur Hafeza, 2009: 547).

Hal ini telah ditegaskan oleh (Lehrer, 1974) bahawa komponen makna juga sesuai digunakan dalam menganalisis kata makna dengan lebih jelas . Terdapat kajian-kajian yang menggunakan teori analisis komponen ini untuk melihat cebisan makna sesuatu kata kerja. Item-item dalam satu medan makna akan dianalisis menggunakan fitur [+], [-] atau [+/-] bagi item menunjukkan ciri yang sama, berkontras ataupun item yang mempunyai ciri yang sama dan berkontras. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Maslida Jusoh Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid & Sa'adiah Ma'alip (2010) iaitu "Perkaitan Semantik Kata Kerja Bahasa Banjar Kuala: Satu Analisis Varian Kuin Banjarmasin." Kajian ini menunjukkan perkaitan makna leksikal kata kerja dalam masyarakat Banjar untuk memperlihatkan penggolongan benda berdasarkan kata-kata adalah berbeza antara bahasa Banjar dan juga dialek-dialek lain. Hasil kajian menggunakan analisis komponen mendapati bahawa walaupun setiap kata kerja mempunyai fitur semantik yang sama konsepnya namun terdapat fitur tambahan yang memberi pengkhususan terhadap kata kerja tersebut.

Nida (1975) juga mengakui bahawa komponen semantik telah hampir diterima dan diiktiraf secara menyeluruh sebagai cara asas bagi sebarang analisis yang memenuhi struktur semantik.

Menurut Sakinah (2000) analisis komponen makna boleh digunakan untuk menentukan pertentangan dan perbezaan dalam pembentukan metafora. Dalam kajian beliau yang bertajuk "Manusia dan Alam sebagai Medan Sumber Metafora Melayu", beliau menggunakan pendekatan analisis komponen makna (dalam kajian ini beliau

menggunakan terma analisis fitur semantik) yakni menyenaraikan dan menghuraikan perkataan berdasarkan fitur semantik. Aplikasi analisis fitur semantik digunakan bagi menyenaraikan percanggahan dan pertindihan antara komponen sumber dan sasaran yang membentuk metafora yang dikaji. Gandingan antara kedua-dua komponen sumber dan sasaran yang membentuk metafora tersebut adalah tidak berkolokasi bersama. Seterusnya hasil daripada analisis dapat menyenaraikan fitur minimum bagi menunjukkan perbezaan dan persamaan serta dapat memberi penjelasan makna yang sebenar.

Bahasa Melayu dan bahasa Brunei adalah serumpun namun terdapat juga persamaan dan perbezaan makna pada sesetengah leksikal. Aini Haji Karim (2005) dalam kajian beliau yang bertajuk “Teori Medan Makna: Pendeskripsian Leksikal Kata Kerja dalam Bahasa Melayu” telah menfokuskan pada leksikal kata kerja. Teori Medan Makna (Trier, 1934) telah diaplikasikan bagi mendeskripsikan aspek-aspek leksikal sejumlah kata kerja, manakala Analisis Komponen Makna pula menunjukkan persamaan dan perbezaan leksikal kata kerja. Dalam kajian, pengkaji ini juga menggunakan penjelasan tentang analisis komponen makna yang disarankan oleh Kempson (1991: 18) iaitu “komponen makna yang juga inti makna dikaji bukan unit konsep yang tersendiri, tetapi merupakan himpunan yang terdiri daripada makna. Selain daripada itu beliau juga turut mengutarakan pendapat sarjana bidang semantik lain yang pernah membicarakan tentang analisis komponen makna dan juga Teori Medan Makna. Hasil kajian menunjukkan bahawa Analisis komponen makna dapat menjelaskan istilah kesinoniman dan keantoniman. Hal ini bermaksud kata seerti dan juga berlawanan dapat ditunjukkan melalui perbezaan atau persamaan dalam fitur yang tertentu dalam leksikal.

Goh Sang Seong (2011) pula dalam kajian bertajuk “Penterjemahan Kata-kerja Bahasa Cina Bahasa Melayu” telah memanfaatkan himpunan beberapa teori yang telah dipilih secara eklektik iaitu pendekatan penterjemahan tentang kepadanan kata

Newmark (1981). Bagi menganalisis komponen kata kerja, teori semantik Kempson (1977), Teori Chierchia & McConnell-Ginet (1990) dan juga analisis komponen makna oleh Nida (1975) telah dimanfaatkan. Bagi menganalisis klasifikasi kata kerja beliau menggunakan klasifikasi kata kerja Li Kong Zhi (1998) mengikut makna semantik serta definisi makna oleh Lyons (1977). Kajian ini menunjukkan bahawa padanan kata kerja „satu lawan banyak“ sememangnya wujud dalam penterjemahan kata kerja bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu. Keadaan ini mewujudkan pelbagai jenis padanan iaitu terjemahan tepat, terjemahan berlebihan, terjemahan berkurangan, terjemahan salah dan terjemahan taksa. Makna semantik yang didukung oleh sesuatu kata kerja akan menentukan pemilihan kata padanan. Beliau menggunakan teori analisis komponen makna dalam kajian ini digunakan meneliti padanan kata kerja dan hasil padanan kata kerja akan menunjukkan jenis terjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam menterjemah kata kerja bahasa Cina ke bahasa Melayu akan berlaku padanan samada terjemahan tepat, terjemahan berlebihan, terjemahan berkurangan, terjemahan salah dan terjemahan taksa. Lazimnya, kata kerja yang mempunyai padanan makna dapat diterjemahkan kepada padanan tepat kerana makna kata kerja berkenaan dapat dikesan dengan mudah daripada kamus.

Seterusnya melalui satu lagi kajian Goh Sang Seong (2012) iaitu “Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu” beliau menggunakan analisis komponen makna iaitu kaedah yang dapat menghuraikan makna satu bentuk linguistik (misalnya kata, frasa, klausa atau ayat) melalui timbunan fitur yang terkandung dalam bentuk linguistik tersebut. Kaedah ini sesuai bagi menangani aspek-aspek budaya yang terdiri daripada kategori kata-kata nama (termasuk namaan mugarad) dan adjektif sahaja dan sukar digunakan bagi kata kerja. Bagi kata kerja, pengkaji telah menggunakan idea daripada Kempson (1977) dan Chierchia dan McConnel-Ginet (1990) khususnya tentang makna aspek budaya yang berbentuk kata kerja sebagai

hubungan antara argumen-argumen dalam ayat teks sumber serta padanannya dalam teks sasaran. Hasil kajian mendapati bahawa tidak kesemua unsur budaya mengalami keadaan tidak boleh terjemah ke dalam bahasa sasaran. Hal ini jelas menunjukkan bahawa di samping adanya perbezaan pandangan dunia antara masyarakat dalam bahasa sumber dan masyarakat dalam bahasa sasaran, terdapat juga persamaan. Bagaimanapun, persekitaran hidup masyarakat di Malaysia yang semakin hari semakin berkongsi elemen budaya yang „serupa“ akan membolehkan lebih banyak amalan budaya tabiat antara masyarakat Cina diketahui dan difahami. Keadaan ini akan meningkatkan tahap kebolehterjemahan unsur budaya tersebut. Teori dan pendekatan penterjemahan, serta semantik yang digunakan dalam analisis kajian ini adalah relevan dan sesuai.

Nur Hafeeza (2012) pula dalam kajian beliau yang bertajuk “Penterjemahan unsur budaya bahasa Malaysia dalam Hikayat Abdullah dan *The Hikayat Abdullah*” telah menggunakan teori analisis komponen makna berdasarkan Jackson (1988). Dalam kajian ini beliau menggunakan kategori budaya seperti yang disarankan oleh Peter Newmark. Selain melihat aspek semantik pengkaji juga turut melihat kaedah penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah. Pengkaji menyatakan terdapat **1104** bentuk lingusitik yang telah dikenalpasti namun dalam kertas kerja tersebut beliau hanya melaporkan **14** aspek leksikal budaya. Leksikal budaya tersebut terdiri daripada kategori budaya ekologi, budaya material, budaya sosial, budaya organisasi, adat, prosedur dan konsep serta budaya gerak isyarat dan amalan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat penterjemahan tepat dan hal ini bagi unsur budaya yang diketahui dan hal ini juga bergantung kepada kebolehan penterjemah, manakala terjemahan kurang pula bagi aspek budaya yang diterjemahkan ke dalam bentuk linguistik yang terlalu umum dan tidak memenuhi maksud sebenar. Oleh itu dengan adanya kajian menggunakan analisis komponen bagi aspek budaya pengkaji dapat mengenalpasti ketepatan makna bagi aspek-aspek budaya yang tampil dalam terjemahan.

Aqmarina Hibaturrahmah (2012) pula dalam kajian beliau melihat perbezaan makna dari segi budaya dalam *Le Petit Spirou* iaitu sebuah cerita bergambar yang diterjemah kepada *The Little Spirou*. Analisis komponen makna digunakan untuk melihat komponen makna apa saja yang terdapat dalam suatu kata dan menetapkan perbezaan-perbezaan yang terdapat antara satu kata dan kata lainnya. Menggunakan kategori budaya yang pernah dikemukakan oleh Koentjaraningrat iaitu budaya dikategorikan sebagai nilai-nilai budaya, sistem budaya, sistem sosial, dan karya/kebudayaan fizik. Dapatan kajian pengkaji ini adalah **41** data berunsurkan budaya dan dibahagi kepada **3** kelompok berdasarkan kategori kebudayaannya, iaitu **8** data sistem budaya, **13** data sistem sosial, dan **20** data karya/kebudayaan fizik. Bagi melihat persamaan dan perbezaan antara teks sumber dan teks sasaran dari segi leksikal yang berkaitan dengan budaya pengkaji menganalisis menggunakan analisis komponen makna. Hasil daripada dapatan pengkaji juga dapat melihat sama terdapat peralihan budaya dalam terjemahan contohnya *Bisou* (berciuman tanda berjumpa) kepada salam yang lebih bersesuaian dengan budaya masyarakat bahasa sasaran. Data setiap item leksikal dianalisis mengikut fitur-fitur item tersebut.

Dalam kajian ini juga pengkaji akan menggunakan pendekatan analisis komponen makna bagi melihat ketepatan dan mencari kesepadanan makna leksikal budaya.

2.6 Kajian lepas berkaitan dengan Rimba Harapan

Novel Rimba Harapan memang dikenali sebagai novel yang mewakili kehidupan sosio-budaya masyarakat yang sedang menuju ke arah pemodenan dalam dekad 1920-an dan 1930-an.

Kajian terhadap novel ini sebelum ini banyak menyentuh aspek sosiologi. Antaranya adalah kajian yang telah dibuat oleh Rohimmi bin Noor (2002) dalam tesis beliau „Tema-tema dan isu-isu dalam *Jungle of Hope*- suatu perspektif sosiologi.“ Dalam kajian ini pengkaji tersebut banyak menyentuh tentang tema-tema yang terdapat di dalam novel *Jungle of Hope*. *Jungle of Hope* adalah terjemahan di dalam bahasa Inggeris bagi novel Rimba Harapan yang telah diterjemahkan oleh Adibah Amin. Pengkaji telah mengaplikasikan teori *Marxism, functionalism dan symbolic interactionism* untuk mengenal pasti tema-tema yang terdapat dalam novel.

Sebagai tokoh Sasterawan yang terkenal banyak tokoh-tokoh sastera dan sarjana-sarjana telah membicarakan tentang Keris Mas dan karya beliau. Antaranya dalam „Buku Sasterawan Negara Keris Mas, Tanggapan Tokoh dan Sarjana“ yang disusun oleh A Karim Abdullah dan A Rahim Abdullah (2001). Di dalam bab buku tersebut penulis Abdul Rahman Aziz (2001) telah membicarakan tentang novel Rimba Harapan di dalam tulisannya yang bertajuk “Tiga Kelompok Sosial Melayu dalam Rimba Harapan”. Menurut penulis, novel Rimba Harapan menggambarkan kehidupan sosial masyarakat Melayu dalam satu era yang menuju ke alam pemodenan. A. Rahim Abdullah pula dalam tulisannya dalam buku yang sama telah menyentuh tentang “Masalah Nilai dan Perubahan Sosial dalam Rimba Harapan”. Menurut penulis Keris Mas mengaitkan masalah modenisasi, perubahan sosial dan pembangunan bangsa yang berlaku di Malaya pada awal abad ke 20.

Penulis cuba untuk mencari nilai-nilai positif yang terdapat dalam karya berbanding pengkritik sastera sebelum ini yang banyak menyentuh soal nilai seni dan estetika. Malah nilai – nilai positif dapat menghubungkan pencapaian sastera itu sendiri. Dalam aspek semiotik novel ini bagi penulis bukan sahaja membicarakan tentang perubahan nilai orang Melayu malah terdapatnya hakikat paradoks yang bertindih-tindih. Selain daripada perubahan menyentuh soal struktur, sikap dan juga perwatakan

anggota masyarakat dalam Rimba Harapan Keris Mas juga menyampaikan persoalan tentang pertentangan antara konvensi sosial dan konvensi sastera. Menurut penulis ini lagi karya sastera terhasil daripada pengalaman konvensi sosiolinguistik atau kebahasaan yang dikenali sebagai konvensi budaya.

Di sini pengkaji mendapati penulis-penulis dan pengkaji yang lalu banyak menyentuh aspek sosial dalam novel Rimba Harapan. Oleh itu pengkaji akan meneliti aspek yang lain di dalam novel ini dengan melihat aspek leksikal budaya pula.

2.7 Pertalian kajian lepas dan permasalahan kajian

Berdasarkan kajian lepas, tidak dapat dinafikan wujudnya pertalian kesemua kosa ilmu yang telah dibincangkan. Kajian lepas tidak kurang penting dan dapat dimanfaatkan dalam mengkaji permasalahan kajian. Kajian lepas banyak membicarakan unsur budaya dan strategi dalam terjemahan. Dalam mengkaji ketepatan dalam terjemahan, Analisis Komponen Makna digunakan oleh Nur Hafeza (2012) bagi melihat padanan terjemahan bahasa Melayu ke bahasa Inggeris manakala Goh Sang Seong (2007, 2011 dan 2012) pula menggunakan cara analisis ini dalam menganalisis ketepatan serta padanan terjemahan bahasa Cina ke bahasa Melayu. Oleh itu dalam kajian ini pengkaji akan mengaplikasikan Analisis Komponen Makna dalam menganalisis persamaan serta perbezaan leksikal budaya dalam terjemahan bahasa Melayu ke bahasa Perancis. Pengkaji memilih menggunakan pendekatan analisis komponen makna yang digagaskan oleh Kempson (1991: 13) kerana berasaskan apa yang dinyatakan oleh Kempson, terdapat tiga cara untuk menjelaskan makna iaitu:

- a) dengan cara mentafsir makna perkataan
- b) dengan cara mentafsirkan sifat makna ayat
- c) dengan menjelaskan proses perhubungan

Bukan itu sahaja, semakin ramai ahli bahasa yang telah menggunakan analisis komponen makna dalam sesuatu bahasa berpandukan cara di atas. Bagi pengkaji, Analisis Komponen Makna yang digagaskan oleh Kempson sesuai untuk kaedah analisis untuk kajian ini. Bukan itu sahaja Kempson juga turut menjelaskan bahawa dalam analisis komponen makna, sesuatu kata (contoh yang diberikan oleh beliau ialah *spinster*) terdiri daripada komponen makna yang merupakan inti makna. Inti makna yang dimaksudkan adalah makna denotasi dan ia boleh diperolehi daripada kamus ekabahasa.

Selain itu, dalam proses pengkategorian leksikal budaya, pengkaji memilih Newmark kerana bagi pengkaji Newmark telah memberikan garis panduan yang jelas tentang pengkategorian budaya serta masalah-masalah dalam penterjemahan budaya. Walaupun banyak sarjana dalam bidang terjemahan menjalankan kajian yang menfokuskan budaya namun bagi pengkaji gagasan yang dinyatakan oleh Newmark (1988) sesuai diaplikasikan dalam memperoleh data daripada bahan kajian. Di samping itu pengkaji tetap menggunakan gagasan berkenaan budaya daripada sarjana lain bagi menguatkan hujah.

2.8 Kesimpulan

Daripada perbincangan yang telah diperkatakan, dalam penterjemahan sesuatu karya asing ke dalam bahasa Melayu dan sebaliknya pasti melibatkan budaya. Sesuatu teks itu bukan mudah untuk diterjemahkan apabila melibatkan budaya namun masalah ini dapat diatasi sekiranya seseorang penterjemah dapat menyampaikan makna yang ingin disampaikan dalam bahasa sumber dengan baik dalam bahasa sasaran. Pengkaji juga telah menyentuh aspek ketepatan, kesepadanan dan perbandingan makna melalui kaedah analisis komponen makna. Oleh itu himpunan teori yang pernah digunakan oleh

pengkaji terdahulu dapat memberi sedikit gambaran kepada pengkaji bagi menganalisis data. Bab seterusnya akan membincangkan kaedah dan juga metodologi yang akan digunakan dalam analisis kajian ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam membuat sesuatu penyelidikan terutamanya dalam mengkaji sesuatu kes, terdapat beberapa metodologi yang digunakan untuk mencari data-data yang relevan dan tepat bagi memenuhi kehendak kajian, menjawab persoalan kajian dan juga mencapai objektif. Justeru itu, bab ini membincangkan metodologi yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data daripada novel Rimba Harapan dan juga terjemahannya *La Jungle de l'Espoir*. Kajian ini berobjektifkan menganalisis dan mengklasifikasi aspek budaya berdasarkan kategori budaya oleh Peter Newmark (1988) dan juga bagi menganalisis data tersebut pengkaji menggunakan Teori Analisis Komponen berdasarkan pendekatan yang disarankan oleh Ruth Kempson (1991).

3.1 Persampelan Data

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan dua teks iaitu Rimba Harapan dan Teks terjemahannya *La Jungle de l'Espoir*. Buku Rimba Harapan mengandungi 330 mukasurat dan 4 bab manakala *La Jungle de l'Espoir* mengandungi 292 mukasurat dan juga 4 bab. Buku Rimba Harapan dipilih sebagai bahan kajian kerana buku ini sudah dikenali ramai kerana pernah menjadi salah satu buku bagi Komponen Sastera Sekolah Menengah. Buku ini juga antara karya terbaik oleh Sasterawan Negara Keris Mas. Manakala terjemahannya dipilih kerana buku ini antara buku yang dipasarkan di Perancis di bawah projek 3 SN (Sasterawan Negara) oleh ITNM. Novel Rimba Harapan

juga dipilih kerana sumbangannya di dalam kesusasteraan Melayu tidak dapat dipertikaikan lagi. Novel ini berkisarkan sosio ekonomi Melayu dan gambaran kehidupan orang Melayu yang sebenar pada zaman sebelum kemerdekaan. Novel ini antara novel terbaik dalam abad ke 20.

Novel ini telah diterjemah ke dalam bahasa Inggeris oleh Adibah Amin menjadi *Jungle of Hope* dan juga terjemahan bahasa Perancis iaitu *La Jungle de l'Espoir* telah diterjemah oleh Brigitte F. Bresson.

3.1.1 Latar belakang sampel kajian

Novel yang telah dipilih oleh pengkaji iaitu novel Rimba Harapan ditulis oleh Keris Mas dan telah dicetak dan diterbitkan pada tahun 1986. Cetakan kali kedua bagi Edisi Khas Sasterawan Negara pula pada tahun 2008. Buku ini mengandungi 330 muka surat dan terbahagi kepada empat bab. Teks kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah merupakan edisi kedua (2008).

3.1.2 Sinopsis Novel Rimba Harapan

Novel Rimba Harapan yang ditulis oleh Keris Mas mengisahkan kisah hidup penduduk di Ketari, Bentong dan Janda Baik dalam dekad 1920-an dan 1930-an. Karya ini mengisahkan penghijrahan orang Melayu ke kampung baru, akibat dasar penjajah yang memaksa peluasan perladangan getah dan industri perlombongan di Tanah Melayu. Penjajah telah berjaya mempengaruhi dan memusnahkan kehidupan penduduk kampung lalu memaksa mereka lari meneroka hutan untuk membina hidup baru. Akibat daripada bencana alam dan juga dasar penjajah British, orang Melayu lari ke Janda Baik dan meneroka hutan untuk memulakan hidup baru. Buku ini memerihalkan tentang perubahan sosial yang dihadapi oleh masyarakat Melayu akibat dari pemodenan

hidup. Mereka juga harus menyesuaikan diri untuk menghadapi perubahan sosial yang berlaku.

3.1.3 *La Jungle de l'Espoir*

Buku ini telah diterjemah oleh Brigitte F. Bresson pada tahun 2009. Buku ini menjadi salah satu projek ITBM untuk mengembangkan sastera Melayu ke luar Negara di bawah projek Sasterawan Negara. Buku terjemahan ini mengandungi 292 muka surat dan mengekalkan bab yang terdapat dalam karya asal iaitu 4 bab. Edisi yang digunakan dalam kajian ini adalah edisi pertama. Bagi memudahkan kefahaman pembaca sasaran, penterjemah telah menyenaraikan leksikal-leksikal yang sukar untuk diterjemah berserta penjelasannya di bahagian lampiran.

3.1.4 Latar Belakang Penulis

Penulis buku Rimba Harapan iaitu Kamaluddin Muhammad atau lebih terkenal dengan nama penanya Keris Mas telah dilahirkan pada 10 Jun 1922 di Kampung Ketari, Bentong, Pahang Darul Makmur. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu di kampungnya sehingga tahap darjah 5. Selepas itu, beliau ke Sekolah Tawalib di Sumatera dan seterusnya mengikuti pengajian di Kolej Kuliahtul Muallimin Al-Islamiah (Maktab Perguruan Islam) dan mendapat Diploma Perguruan. Pada 1940 beliau ke Singapura dan belajar di Pitman's College yang akan membolehkannya mendaftarkan diri untuk memasuki peperiksaan matrikulasi London University (*University of London Matriculation Examinations*) serta dikecualikan daripada peperiksaan Cambridge sekiranya beliau tamat dan lulus. Bagaimanapun, sebelum sempat tamat pengajian, Perang Dunia kedua telah meletus, dan pengajiannya terbantut kesan dari peperangan itu.

Selepas perang, Keris Mas juga pernah bergabung dengan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) cawangan Pahang, dan menjadi Pegawai Penerangan parti tersebut. Beliau juga pernah bertugas sebagai Pengarang di Utusan Melayu Singapura. Seterusnya beliau berpindah ke Melayu Raya pada tahun 1953 dan berpindah pula ke Warta Negara di Pulau Pinang pada bulan September 1953 hingga tahun 1955. Beliau kembali bertugas di Utusan Melayu pada akhir tahun 1955 dan merupakan antara pengasas yang menubuhkan persatuan ASAS 50. Keris Mas telah menghasilkan kira-kira 60 buah cerpen yang mengemukakan berbagai-bagai persoalan, daripada soal cinta, kepincangan masyarakat, perjuangan kebangsaan, kisah darurat hinggalah kepada persoalan-persoalan sosial-politik sesudah merdeka. Cerpen pertama yang dihasilkan oleh beliau berjudul "*Wasiat Orang Bangsawan*" yang tersiar dalam majalah Suluh Malaya (1946). Semua cerpen-cerpennya terkumpul dalam antologi cerpen: Mekar dan Segar (1959), Dua Zaman (1963), Patah Tumbuh (1963) dan Pertentangan (1968). Keris Mas Adalah seorang Sasterawan Negara yang pertama dan juga pengarang terulung dalam kesusasteraan Melayu Modern .

Menurut Shahnnon Ahmad dalam karyanya berkenaan tokoh Sasterawan ini.

“ Keris Mas bukan lagi seorang tukang cerita, tetapi sudah melonjak menjadi sasterawan yang unik sekali gus pemikir yang tajam, penuh dinamisme dalam karya-karyanya”

Shahnnon Ahmad (2001: 20)

Sasterawan Negara ini telah menghembuskan nafas terakhir pada tanggal 9 Mac 1992 akibat serangan sakit jantung dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Muslim di Bukit Kiara.

3.1.5 Latar Belakang Penterjemah

Penterjemah novel ini iaitu Brigitte F. Bresson. Beliau merupakan seorang penterjemah bebas di ITBM. Beliau telah memperolehi Sarjana dalam Kesusasteraan Perancis dari Universiti Illinois. Beliau seorang yang mahir dalam tiga bahasa iaitu bahasa Inggeris, Perancis dan juga bahasa Melayu. Beliau telah banyak menterjemah buku-buku bahasa Melayu ke bahasa Perancis antaranya Saudagar Besar dari Kuala Lumpur (Keris Mas), Mekong (Latiff Mohidin), Ngayau (Amil Jaya). Selain daripada itu beliau juga telah menulis Kamus Perancis-Melayu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Kini beliau sudah 25 tahun berada di Malaysia dan telah banyak memberikan sumbangan dalam bidang penterjemahan bukan sahaja terjemahan buku-buku cerita malah dokumen-dokumen.

(dipetik daripada laman web <http://lettresdemalaisie.com/2013/02/19/rencontre-avec-brigitte-f-bresson-traductrice-litteraire-en-malaisie>)

3.2 Instrumen Kajian

Bagi mengenal pasti makna bahasa Melayu dan bahasa Perancis pengkaji akan menggunakan 3 jenis kamus sebagai instrumen kajian, iaitu:

- 1) Kamus Dewan edisi 4 (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007)
- 2) *Le Petit Robert* (Robert, 2002)
- 3) Kamus Perancis- Melayu Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002)

Setiap kamus berfungsi sebagai rujukan pengkaji dalam melihat aspek semantik bagi item-item leksikal budaya. Kamus yang dipilih adalah dari edisi yang terkini.

3.2.1 Bahagian Semakan

Bagi tujuan semakan leksikal budaya, pengkaji telah memilih seorang pensyarah bahasa Perancis yang juga merupakan penutur asli, seorang guru bahasa Melayu dan juga seorang pensyarah bahasa Perancis bukan natif yang arif kedua-dua bahasa. Kesemua perujuk bertugas sebagai pensyarah dan guru bahasa di Universiti Pengajian Tinggi Tempatan. Setelah selesai mengkategorikan leksikal ke dalam kategori budaya masing-masing, pengkaji mendapatkan bantuan guru bahasa Melayu bagi mengenalpasti sama ada leksikal budaya tersebut telah dimasukkan ke dalam kategori budaya yang betul. Bagi semakan leksikal budaya dalam terjemahan bahasa Perancis pula pengkaji merujuk kepada pensyarah bahasa Perancis bukan natif yang arif dalam bahasa Perancis dan bahasa Melayu. Oleh kerana pengkaji bukan penutur asli, pada bahagian semakan analisis leksikal budaya dalam bahasa Perancis pula pengkaji perlu untuk mendapatkan kepastian daripada penutur asli untuk mengesahkan makna bagi data dalam bahasa Perancis yang telah dicerakinkan. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah merujuk kepada seorang penutur asli yang juga bertugas sebagai pensyarah bahasa Perancis. Beliau juga sangat berpengalaman sebagai dalam bidang penterjemahan di mana beliau telah menterjemah buku-buku daripada bahasa Inggeris ke bahasa Perancis. (Latar belakang perujuk di Lampiran 2)

3.3 Prosedur Kajian

Secara umumnya kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah perpustakaan dan berorientasikan novel sebagai bahan korpus. Perbincangan dalam kajian ini menggunakan teks yang dipilih sahaja. Kajian ini menggunakan novel sebagai sumber bagi memperoleh data.

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah ini digunakan untuk mengumpul maklumat serta bahan-bahan berkaitan terjemahan, leksikal budaya dan juga novel Rimba Harapan. Maklumat-maklumat ini diperolehi melalui buku-buku, akhbar, majalah, jurnal dan kertas kerja yang telah diterbitkan di dalam negeri mahupun luar negeri. Kaedah ini penting supaya pengkaji mendapat gambaran sebenar tentang kajian- kajian lain berhubung dengan ketiga-tiga elemen iaitu terjemahan, leksikal budaya dan juga semantik yang menjadi pokok persoalan kajian . Dalam kajian ini pengkaji mengenal pasti kesemua unsur budaya yang terdapat di dalam Novel Rimba Harapan dan juga terjemahannya *La Jungle de l'Espoir*.

3.3.2 Pengumpulan Data

Untuk proses pengumpulan data pengkaji memulakannya dengan membaca karya teks sumber dan menandakan kesemua perkataan berkaitan dengan leksikal budaya Pada peringkat ini pengkaji perlu menentukan leksikal yang dipilih adalah sememangnya leksikal budaya atau leksikal umum.


3.3.3 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan pembacaan dan sorotan kajian lepas pengkaji memilih untuk menggunakan teori analisis komponen dalam menganalisis data dan setelah membuat perbandingan dengan beberapa definisi budaya pengkaji menggunakan kategori budaya seperti yang digunakan oleh Newmark. Dalam kajian ini pengkaji akan melihat aspek budaya dalam karya asal dan akan menganalisis kesepadannya di dalam karya terjemahan dari aspek semantik. Analisis leksikal budaya dalam novel ini akan menghuraikan elemen-elemen budaya yang terkandung dalam teks sumber (Rimba

Harapan) dan teks terjemahan (*La Jungle de l'Espoir*). Pengkaji memilih kategori budaya Newmark kerana ianya lebih jelas untuk memasukkan setiap leksikal dalam kategori masing-masing.

Dalam kajian ini juga pengkaji akan menggunakan kerangka Teori Analisis Komponen Makna oleh Kempson (1991). Menurut Kempson, analisis komponen makna atau fitur semantik merupakan satu cara untuk menerangkan hubungan sistemis antara perkataan dengan jelas. Menurut teori ini lagi, makna perkataan yang dikaji terdiri daripada komponen makna dan komponen-komponen itu juga merupakan „inti makna. Makna-makna dalam perkataan tersebut dapat dianalisis dan didefinisikan melalui komponen makna perkataan tersebut. Fitur (+) dan (-) digunakan untuk menandakan ada atau tiada fitur dalam perkataan itu. Pengkaji akan mengadaptasi teori tersebut sebagai kerangka konseptual kajian ini.

Bagi kategori budaya pula pengkaji akan menggunakan dan mengubahsuai kategori budaya yang disarankan oleh Newmark (1988). Newmark (1988: 95) mengkategorikan ungkapan budaya kepada lima. Kategori tersebut dapat diterangkan melalui rajah di bawah:



Rajah 3.1 Kategori Budaya oleh Newmark (1988)

1. Ekologi

Ekologi ada kaitan dengan istilah geografi atau bentuk muka bumi sesuatu kawasan. Ekologi juga menyentuh tentang interaksi antara manusia dan alam persekitarannya yang melibatkan fenomena seperti bukit bukau, hutan belantara yang kaya dengan flora dan faunanya. Perkataan seperti *prairies*, *steppes*, *tundras*, *pampas*, *savannahs*, *Illanos*, *bush* dan *velds* merujuk kepada bentuk muka bumi yang wujud di beberapa tempat di dunia. Begitu juga bagi buah-buahan seperti *pomelo*, *avocado*, *guava*, *kumkuat* dan *mango* boleh dikategorikan sebagai *passion fruits* atau markisa. Aspek ekologi juga merangkumi jenis-jenis cuaca, hujan dan gunung ganang yang mempunyai pelbagai bentuk.

2. Budaya material atau artifak

Budaya material atau kadangkala dirujuk sebagai bahan artifak ataupun kebendaan merangkumi barangan kegunaan atau yang menggambarkan ciri-ciri penting sesuatu masyarakat seperti makanan, pakaian, kediaman serta cara pengangkutan. Makanan merupakan sesuatu yang amat penting bagi menggambarkan budaya sesebuah masyarakat.

Sake menjadi minuman yang digemari oleh orang Jepun yang mungkin tidak terdapat dalam budaya masyarakat lain. Bagi masyarakat Perancis pula terdapat nama makanan seperti rosbif atau choucroute . Dalam penterjemahan mungkin sukar untuk mencari kesepadanan pengekalan nama sesuatu makanan seperti dalam bahasa Perancis sehinggalah kepada padanan satu lawan satu seperti *hors d'oeuvre*, *entrémets* yang diterjemah sebagai *salad mixture* dan *dessert*. Dari segi pakaian kebanyakan istilah seperti kimono, sari, yukata, kaftan dan jubah dikekalkan.

3. Budaya sosial

Budaya sosial merupakan aspek yang penting dalam sesebuah masyarakat. Budaya sosial meliputi aktiviti-aktiviti kehidupan seharian sesebuah masyarakat . Menurut Newmark budaya sosial ialah pekerjaan, pengkelasan masyarakat, jenis-jenis riadah atau permainan yang diamalkan.

4. Budaya organisasi, konsep, kepercayaan agama, adat resam dan nilai kesenian.

Dalam kajian Goh Sang Seong (2007) , beliau mengklasifikasikan kategori ini kepada budaya organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur dan konsep yang merangkumi konsep kepercayaan, agama dan adat. Di samping itu beliau juga mengumpulkan data berdasarkan jawatan dan konsep dalam pentadbiran dan ketenteraan, kiraan masa dan ukuran serta aktiviti. Kalsifikasi tersebut bersesuaian dengan budaya masyarakat Cina yang dikaji dalam Hikayat Pinggir Air.


Organisasi, adat, kepercayaan, agama serta konsep merupakan aspek budaya yang penting dalam sesebuah masyarakat. Organisasi merangkumi sistem pentadbiran dan politik, manakala kepercayaan pula meliputi fahaman agama sesuatu masyarakat. Sesuatu masyarakat juga mempunyai adat resam. istiadat dan kesenian tersendiri yang diamalkan . Isu sosio budaya yang termasuk dalam kategeori ini membawa makna tertentu kepada masyarakat yang mengamalkan organisasi adat atau agama tertentu. Turut termasuk perkara yang dibincangkan merupakan sistem pentadbiran, politik, adat istiadat dan juga kesenian.

5. Gerak laku dan kebiasaan

Gerak laku dan tabiat masyarakat juga diambil kira semasa penterjemahan contohnya masyarakat Melayu akan bersalaman dan mencium tangan orang tua sewaktu bersalaman, manakala wanita tidak dibenarkan bersalaman. Berbeza dengan masyarakat

barat di mana wanita dan lelaki boleh bersalaman malah mereka mencium pipi sewaktu bersalaman. Penterjemah harus mengetahui perbezaan penggunaan gerak geri atau kebiasaan pada berbagai macam suku maupun negara, kerana apa yang terlihat positif oleh suku/negara A belum tentu dianggap baik oleh suku/negara B, begitu juga sebaliknya contohnya bagi masyarakat Perancis sudah menjadi kebiasaan bagi mereka berpeluk dan berciuman di pipi (*faire la bise*) sesama lelaki dan perempuan sebagai tanda mengalu-alukan pertemuan namun tidak bagi masyarakat Melayu kerana ia melanggar adat dan tatasusila masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu pula yang muda akan bersalaman dan mencium tangan orang yang lebih tua. Hal ini dikatakan perbezaan antara unsur budaya.

Kerangka teoretikal kajian ini dapat diterangkan melalui rajah berikut:



Rajah 3.2 : Kerangka Teoretikal Kajian

Sewaktu pembacaan kedua pengkaji menyenaraikan semua leksikal budaya yang mengikut kategori budaya yang dikemukakan oleh Newmark (1988), iaitu:-

3.3.3.1 Ekologi

Ekologi menurut Newmark meliputi aspek seperti: Flora, fauna, angin, gunung, daratan dan lain-lain. Dari aspek flora pula pengkaji mengambil contoh tumbuh-tumbuhan padi, mengkuang dan sebagainya. Contoh fauna pula ialah kera, ayam denak dan lain-lain.

3.3.3.2 Kebudayaan material

Bagi kategori kebudayaan material (artifak) pengkaji akan melihat aspek budaya dari segi:

Makanan-contohnya nasi, ubi kayu bakar dan lain-lain


Pakaian- contohnya kain sarong, baju kurung, baju Melayu dan lain-lain.

Seni bina – contohnya rumah, pondok dan kepuk padi.

Pengangkutan- contohnya basikal, beca roda tiga dan lain-lain

3.3.3.3 Kebudayaan sosial

Pengkaji akan mengumpulkan data semua aspek sosial dari aspek pekerjaan, permainan ,aktiviti dan riadah serta pengkelasan masyarakat, contohnya: Tuk Penghulu, Tuk Batin dan lain-lain.



Rajah 3.3 Kategori budaya sosial

Selain itu menurut Newmark aktiviti riadah dan permainan juga diklasifikasikan dalam budaya sosial contohnya permainan yang sinonim sesuatu masyarakat itu . Jika di Perancis terkenal dengan *petanque* manakala masyarakat Melayu pula dengan sepak raga.

3.3.3.4 Organisasi – konsep, kepercayaan , adat resam dan kesenian.

Di sini pengkaji akan mengenal pasti leksikal-leksikal yang meliputi aspek dalam sistem pentadbiran, kepercayaan, adat istiadat dan kesenian serta konsep yang berkaitan dengan budaya masyarakat setempat. Contohnya yang terdapat dalam teks aspek kepercayaan atau keagamaan seperti mengaji, sembahyang zuhur dan lain-lain. Leksikal budaya dalam adat istiadat pula contohnya cukur jambul , khatam quran dan lain-lain.

3.3.3.5 Gerak geri atau kebiasaan

Di dalam aspek ini pengkaji akan mengenal pasti amalan-amalan yang biasa dilakukan oleh masyarakat. Contohnya, kebiasaan yang dilakukan oleh orang Melayu iaitu bersalaman apabila bertemu, duduk bersila dan juga makan menggunakan tangan.

Gerak laku tanda hormat contohnya bersalaman dan mencium tangan biasa dilakukan oleh yang muda kepada yang tua sebagai tanda hormat.

Pengkaji juga akan mendapatkan bantuan bacaan teks terjemahan dari penutur asli untuk mendapatkan maklum balas berkaitan persepsi dan juga kefahaman berkaitan leksikal budaya yang dipaparkan di dalam teks terjemahan.

Bagi proses mendapatkan data, pengkaji akan menandakan kesemua aspek kategori- kategori budaya seperti yang dinyatakan di atas. Kesemua data disusun mengikut turutan mukasurat dan bab di dalam teks sumber dan juga teks sasaran. Kesemua data dikumpulkan ke dalam jadual seperti di bawah:

Jadual 3.1: Contoh jadual kategori data dan terjemahan.

NO	Unsur Budaya di dalam Rimba Harapan	MS	Terjemahannya di dalam <i>La Jungle de l'espoir</i>	PG
1				
2				

3.3.4 Analisis Data

Kajian ini merupakan satu kajian berbentuk deskriptif. Pengkaji hanya memberi tumpuan kepada bagaimana kajian yang dilakukan ini berupaya menjawab soalan-soalan kajian yang telah dinyatakan. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan novel Rimba Harapan dan juga novel terjemahannya *La Jungle de l'Espoir*. Proses menganalisis data dimulakan setelah kesemua data telah dikenal pasti dan dikumpulkan.

Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini (dalam 2.8) pengkelasan data dibuat berdasarkan kategori budaya yang dikemukakan oleh Peter Newmark (1988).

Dalam menganalisis data pengkaji akan membahagikan kepada dua bahagian iaitu :

1. Bahagian pertama setelah pengkaji mengumpul data-data leksikal budaya mengikut kategori masing, pengkaji akan menganalisis bagi menjawab persoalan pertama dengan menghuraikannya dalam bentuk statistik mudah iaitu dalam peratusan .
2. Bagi menjawab persoalan kedua pula pengkaji akan menganalisis data mengikut teori analisis komponen. Dalam bahagian ini pengkaji tidak menganalisis kesemua data-data leksikal budaya tetapi pengkaji membataskan kepada **10** peratus bagi setiap kategori leksikal budaya sahaja. Pengkaji memilih kategori untuk dianalisis menggunakan Teori Analisis Komponen oleh Ruth Kempson (1991) iaitu mengenal pasti fitur-fitur semantik yang terdapat di dalam leksikal budaya. Pengkaji akan memberi makna denotatif bagi setiap item leksikal budaya yang digunakan. Huraian juga akan diberi bagi setiap item leksikal yang dikaji untuk membuktikan sama ada perkataan itu sesuai ataupun tidak. Sebagai tambahan cadangan alternatif akan diselitkan untuk mendapatkan satu perbandingan yang jelas bagi penggunaan item leksikal dalam data-data.
3. Bagi persoalan ketiga pula pengkaji akan membuat perbandingan hasil daripada analisis persoalan kedua dari aspek semantik serta faktor yang mempengaruhi perbezaan dan juga persamaan.

3.3.5 Kaedah analisis komponen makna leksikal

Item-item dalam leksikal budaya akan dianalisis menggunakan Analisis Komponen Makna. Pertama sekali pengkaji akan mencari makna denotasi bagi setiap perkataan kemudian pengkaji akan membandingkannya dengan bahasa sasaran (BP). Makna bagi leksikal bahasa Melayu dirujuk melalui Kamus Dewan Bahasa manakala makna dalam bahasa Perancis dirujuk melalui Kamus *Le Petit Robert* (seperti yang telah dimaklumkan di 3.2).

Sewaktu menganalisis pengkaji akan menumpukan kepada ciri-ciri dan sifat leksikal.

Di bawah adalah contoh kaedah analisis yang akan dijalankan oleh pengkaji :

Penggunaan **Pak** di hadapan kata nama.

Contoh:

Pak Alang, Pak Kia, Pak Abu

Jadual 3.2 : Makna denotasi leksikal budaya

Rimba Harapan		La Jungle de l'espoir
Item leksikal	pak	<i>Le père</i>
Makna denotatif	-singkatan perkataan bapa -panggilan bagi lelaki separuh umur	- lelaki - bapa kepada seseorang

Analisis perkataan Pak:

[+lelaki +berusia / dewasa +kata sapaan + kata panggilan]

Bagi novel terjemahan dalam *La Jungle de l'Espoir* penterjemah menggunakan terjemahan *le père* .

Contoh analisis bagi *le père*:

[+lelaki + berusia/dewasa –kata sapaan –kata panggilan]

Contoh di atas menunjukkan bahawa kedua-dua leksikal dari bahasa sumber dan sasaran mempunyai perkongsian fitur semantik yang paling ketara iaitu lelaki berusia dan kata panggilan. Tanda (+) dan (–) menunjukkan fitur tersebut ada atau tiada di dalam leksikal.


Pengkaji juga akan sedikit sebanyak mengaitkan dengan medan makna kerana menurut Lyons (1977), kosa kata suatu bahasa secara sinkronis adalah keseluruhan sistem leksem saling bergantung dengan perubahan kosa kata yang selalu berubah dan seiring dengan perubahan yang tersusun dari medan leksikal.

Menurut Kempson pula bahasa ialah satu sistem unsur yang kait mengait dan nilai setiap unsur itu hanya akan terhasil dengan kewujudan unsur-unsur lain pada masa yang sama (Kempson, 1991). Selain daripada melihat inti makna serta fitur pembeza bagi setiap leksikal, pengkaji juga akan melihat kepada medan makna yang menumpukan kajian pada set perkataan yang berhubungan serta di bawah satu domain.

Contohnya:

Pucuk paku, pucuk kemahang, kirai adalah berada di bawah satu domain sayur-sayuran. Apabila diterjemah ke dalam bahasa Perancis sebagai (*les plantes*), manakala padi, beras, pulut, nasi (BM) diterjemah ke BP sebagai *le riz*.

Gambaran keseluruhan mengenai prosedur pengumpulan dan juga analisis data dapat diterangkan dalam carta alir di muka surat berikut :



Rajah 3.4 Carta Alir Prosedur Kajian

3.3.6 Rumusan

Bahagian rumusan pengkaji akan menjawab kesemua persoalan berdasarkan kerangka konseptual kajian dan juga pendapat-pendapat sarjana terdahulu. Pengkaji akan meneliti leksikal budaya yang terdapat di dalam novel dan juga menganalisis sama ada terdapat persamaan dan perbezaan antara bahasa sumber dan terjemahannya. Daripada dapatan pengkaji akan dapat membuat rumusan leksikal budaya yang paling banyak di dalam teks kajian.

3.4 Kesimpulan

Di dalam bab ini pengkaji telah menghuraikan serta menerangkan rasional pemilihan sampel kajian iaitu novel Rimba Harapan dan juga terjemahannya iaitu *La Jungle de l'Espoir*. Pengkaji juga telah memberi sedikit maklumat berkaitan novel ini. Selain daripada itu pengkaji telah menerangkan prosedur kajian iaitu kaedah yang digunakan bagi mengumpul data, kaedah analisis dan juga kaedah analisis leksikal. Di dalam bab yang berikut pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan dapatan dan juga analisisnya.

BAB 4

ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan bagaimana data yang telah dikumpul dianalisis berdasarkan kepada aspek semantik dan perkaitan dengan faktor terjemahan. Data yang dikenalpasti juga akan dipersembahkan selaras dengan soalan penyelidikan. Pengkaji telah mengkategorikan leksikal budaya menurut unsur budaya yang disarankan oleh Peter Newmark (1988) iaitu ekologi, kebendaan atau material, budaya sosial, organisasi termasuk adat resam, kepercayaan, agama dan gerak laku serta tabiat. Daripada unsur-unsur ini pengkaji akan memperincikan kadar jumlah unsur yang terdapat di dalam novel *Rimba Harapan* (RH) dan *La Jungle de l'Espoir* (LJDL). Seterusnya pengkaji akan menganalisis unsur budaya yang dipilih iaitu sepuluh peratus (10%) daripada setiap kategori unsur budaya bagi menjawab persoalan kedua menggunakan analisis komponen makna. Seterusnya daripada analisis baharulah kita dapat melihat leksikal budaya yang paling banyak terdapat persamaan dan perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Perancis serta aspek semantik yang mempengaruhi. Selain daripada itu pengkaji juga akan mengenalpasti aspek kehilangan makna yang wujud dan kaitannya dengan faktor terjemahan. Dalam memberi contoh menggunakan sampel data, pengkaji akan menggunakan singkatan (RH:nombor muka surat) bagi data dan nombor mukasurat dari teks sumber (*Rimba Harapan*) dan (LJDL: nombor mukasurat) bagi contoh data dan mukasurat dari teks terjemahan (*La Jungle de l'Espoir*). Contoh RH:1 atau LJDL :1.

4.1 Dapatan kajian secara keseluruhan

Secara keseluruhannya pengkaji mendapati terdapat banyak unsur-unsur budaya dalam novel ini tambahan pula latar masa novel ini pada tahun 30-an pasti banyak terdapat ciri-ciri budaya Melayu tipikal yang diamalkan pada masa itu.

Pada mulanya pengkaji mendapat sedikit kesukaran untuk membezakan unsur budaya dan juga leksikal yang universal bagi mengklasifikasikannya ke dalam kategori masing-masing. Selain itu, berdasarkan kategori yang disarankan oleh Newmark (1988) pengkaji harus menyesuaikan dengan konsep budaya Melayu yang terdapat dalam *Rimba Harapan*.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji lima kategori budaya yang disarankan oleh Newmark sememang wujud di dalam novel ini.

4.1.1 Kategori leksikal yang berunsurkan budaya dalam *Rimba Harapan* dan *La Jungle de l'Espoir*.

Di dalam kategori leksikal budaya yang terdapat dalam *Rimba Harapan*, pengkaji telah mengklasifikasikan kepada lima berdasarkan kategori budaya Newmark (1988) dan hasil dapatan mendapati terdapat kira-kira **484** leksikal budaya iaitu kategori material sebanyak **170**, kategori ekologi **102**, kategori organisasi, kepercayaan, adat resam, konsep dan kesenian **98**, sosial sebanyak **83** dan gerak geri dan kebiasaan sebanyak **31**. Leksikal budaya ini kebanyakannya digunakan secara berulang-ulang di dalam novel. Setelah menyenaraipendekkan jumlah leksikal budaya, pengkaji menyusun mengikut kategori dan menukarkan ke dalam bentuk peratusan. Jadual berikut adalah jumlah leksikal budaya yang terdapat di dalam novel *Rimba Harapan* mengikut kategori.


Jadual 4.1 : Jumlah Leksikal Budaya Mengikut Kategori

KATEGORI LEKSIKAL	Leksikal Budaya dalam RH	Jumlah terjemahan leksikal budaya LJDL
Material	170	146
Ekologi	102	96
Organisasi- Konsep, Kepercayaan Adat resam Dan Kesenian	98	83
Sosial	83	81
Gerak Geri Dan Kebiasaan	31	29
TOTAL	484	435

Daripada **484** jumlah leksikal budaya ini di dalam bahasa Melayu hanya sebanyak **435** leksikal berjaya diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis. Hal ini disebabkan ketidakterjemahan leksikal kerana ketiadaan padanan leksikal dalam bahasa sasaran. Berdasarkan perbezaan jumlah antara leksikal budaya dalam Rimba Harapan dan terjemahannya dalam *La Jungle de l'Espoir* terdapat kira-kira **49** leksikal yang tidak diterjemahkan. Senarai keseluruhan data untuk kajian ini akan dilampirkan dalam bahagian lampiran 1.

Gambaran keseluruhan leksikal dalam Rimba Harapan dapat dilihat dalam carta pai berikut:

Peratusan leksikal budaya mengikut kategori



Carta 4.1 Peratusan leksikal budaya mengikut kategori


Mengikut peratusan yang terdapat dalam carta 4.1, leksikal yang berkaitan dengan kategori material banyak wujud dalam teks namun tidak kesemua leksikal ini berjaya diterjemahkan ke teks sasaran. Setelah leksikal budaya diklasifikasikan mengikut kategori masing-masing leksikal yang berkaitan dengan ekologi terdapat sebanyak **102** dan di dalam teks sasaran pula sebanyak **96** leksikal budaya. Dicatatkan **146** leksikal berkaitan dengan kategori material dalam teks sasaran yang telah diterjemah berbanding **170** leksikal dalam teks asal. Bagi kategori budaya sosial pula dalam RH sebanyak **83** leksikal telah ditemui manakala dalam LJDL ia cuma dapat **81** leksikal budaya sahaja yang dapat diterjemahkan. Leksikal budaya yang berkaitan dengan budaya organisasi; konsep; adat resam dan kepercayaan serta kesenian pula sebanyak **98** dalam RH dan **83** dalam LJDL. Manakala leksikal berkaitan dengan tabiat, gerak geri dan amalan pula cuma terdapat sebanyak **31** dalam RH dan dalam terjemahannya pula didapati sebanyak **29** leksikal yang telah diterjemahkan.

4.2 Klasifikasi leksikal budaya dalam Rimba Harapan

Setelah analisis dibuat, berikut adalah klasifikasi leksikal budaya yang terdapat di dalam novel Rimba Harapan berserta contoh dapatan. Pada bahagian ini pengkaji membandingkan klasifikasi budaya yang disarankan oleh Newmark (1988) dengan sosiobudaya yang sinonim dengan masyarakat Melayu. Sememangnya setiap kategori yang disarankan oleh Newmark hadir dalam teks walaupun terdapat beberapa leksikal yang terdapat dalam teks sumber Rimba Harapan yang tidak diterjemahkan dalam teks sasaran. Selain daripada itu terdapat beberapa item yang sangat dekat dengan budaya Melayu seperti sistem sapaan, panggilan ataupun gelaran yang dimasukkan dalam kategori sosial dan juga sistem ukuran tradisonal Melayu dikelaskan ke dalam kategori konsep.

4.2.1 Ekologi

Unsur ekologi dikaitkan dengan geografi atau bentuk muka bumi sesuatu kawasan itu. Ekologi sesebuah negeri itu mempunyai perbezaan sama ada dari segi cuaca, jenis-jenis buah buahan atau bentuk muka bumi dan juga flora dan fauna . Berikut adalah jenis-jenis ekologi yang ditemui. Daripada penemuan, pengkaji mendapati banyak leksikal budaya yang berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan. Hal ini berkemungkinan kerana latar cerita dalam Rimba Harapan berkisarkan tentang kehidupan penduduk yang mengamalkan cara hidup bertani penduduk Bentong, Ketari dan juga Janda Baik dan kehidupan mereka dikelilingi oleh alam yang kaya dengan hidupan semulajadi.



Carta 4.2 : Leksikal budaya dalam kategori budaya ekologi

a) Contoh-contoh leksikal budaya berkaitan tumbuh-tumbuhan

Tanahnya tinggi penuh dengan **pokok kelapa, durian, manggis, langsung, jering dan macam-macam.** (RH:5)

Elle étaient bâties sur un terrain plus élevé et étaient entourées de toute sortes d'arbres fruitiers, cocotier, durians, mangoustans et biens d'autres encore. (LJDL:6)

[Ia dibina di atas tanah yang lebih tinggi dan dikelilingi oleh **semua jenis pokok buah-buahan, kelapa, durian, manggis** dan banyak lagi yang lain]

b) Contoh-contoh leksikal budaya berkaitan binatang atau haiwan

- i. Mak Sinah segera berkemas untuk pergi menanggung **sepat dan puyu.**
(RH:4)

*Elle pensait déjà aux **petits poissons** qu'elle allait prendre à la nasse*
(LJDL:6)

[Dia sudah memikirkan ikan-ikan kecil yang akan diambil menggunakan perangkap].

- ii. Memang kalau hujan-hujan begini memancing boleh dapat **baung** (RH:10)

*Il ne pleut pas tres fort. Après ce temps là on peut attraper beaucoup de **poissons** à la nasse* (LJDL:11)

[Hujan tidak lebat. Selepas itu kita boleh menangkap banyak **ikan** dengan perangkap]

c) Contoh –contoh leksikal budaya berkaitan cuaca/musim

- i. Sudah beberapa hari **gerimis** masih lagi menabiri langit (RH:1)

*Cela faisait plusieurs jours qu'il **pleuvait** et que le ciel était couvert de nuages* (LJDL :1)

[Sudah beberapa hari **hujan** turun dan langit diliputi dengan awan]

- ii. **Musim-musim peja** yang lalu matahari menjenguk juga sejam dua jam sehari (RH:2)

*Les autres **saisons des pluies**, le soleil se montrait tout de meme une heure ou deux par jour* (LJDL:3)

[**Musim hujan** yang lain, matahari menjenguk juga satu atau dua jam sehari]

- iii. Pak Kia turun ke tanah melihat-lihat langit cuba menembusi tabir gerimis yang tipis seperti **embun jantan** (RH:2)

*Le père Kia descendait les marches de sa maison et regarda plusieurs fois le ciel, essayant de percer du regard le rideau de pluie fine comme **la rosée du matin en été.*** (LJDL:4)

[Pak Kia turun tangga rumahnya dan melihat ke langit beberapa kali, cuba menembusi melihat tirai hujan renyai-renyai pagi itu seperti **embun pagi pada musim panas**]

d) Lain-lain (muka bumi, dataran dan saluran)

- i. Di seberang jalan raya rumah orang **di darat** itu seperti rumah-rumah **di baruh** juga. (RH: 5).

*De l'autre côté de la route les maisons qui se dressaient **sur la terre ferme** étaient toutes fermes comme celles qui se dressaient **au milieu de rizières*** (LJDL:6)

[Di seberang jalan rumah-rumah yang berdiri **di atas tanah** itu semua rapat seperti yang berdiri **di tengah-tengah sawah padi**]

- ii. **Lubuk-lubuk** yang dulunya dalam tiba-tiba **menjadi kubang kerbau.**(RH:7)


*Leurs **lits** qui étaient auparavant si profonds se changèrent soudain en **mare vaseuses.*** (LJDL: 8)

[**Lubuk** mereka yang sebelum ini begitu dalam bertukar tiba-tiba menjadi kolam berlumpur].

Leksikal sesuatu masyarakat banyak bergantung pada persekitaran geografi dan cara hidup masyarakat tersebut. Memandangkan latar cerita berkisar tentang kehidupan masyarakat yang sumber kehidupan mereka adalah bergantung dengan alam maka banyak leksikal budaya yang berkaitan dengan unsur tersebut.

4.2.2 Material

Seperti yang dikatakan oleh Newmark (1988) budaya material atau bahan budaya terdiri daripada makanan, pakaian, cara pengangkutan, binaan/kediaman dan lain lain. Bahan budaya selain daripada yang dinyatakan oleh Newmark seperti perhiasan dan peralatan dimasukkan dalam „lain-lain“. Kesemuanya merujuk kepada bahan budaya masyarakat yang terdapat dalam Rimba Harapan.



Carta 4. 3 : Kategori budaya material

Contoh-contoh leksikal:

- i. Di dapur Karim sedang memindahkan **ubi bakar** dari abu panas di **tungku** ke **tikar mengkuang** yang terbentang.....(RH:3)

Dans la cuisine Karim retirait les tubercules grillés des cendres chaudes de l'âtre pour les déposer sur la natte de feuille de mengkuang déroulée par terre (LJDL: 5)

[Di dapur Karim menarik keluar ubi bakar dari abu panas di tungku untuk diletakkan atas tikar terbentang di atas lantai]


- ii. Zaidi meninggalkan rumah. Dulu-dulu dia memakai **kain sarung** , **berbaju gombang** atau **berbaju khaki butang lima** dan **bersongkok** (RH:19)

Zaidi sortit de chez lui. Dans le temps il portait un sarong, une tunique traditionnelle ou un t shirt de couleur. (LJDL: 19)

[Zaidi keluar dari rumahnya. Pada masa itu dia **memakai sarung, baju tradisional** dan **baju-T berwarna**].

4.2.3 Budaya Sosial

Merangkumi aktiviti kehidupan sesebuah masyarakat iaitu aktiviti riadah atau permainan yang diamalkan oleh masyarakat tersebut.



Carta 4.4: Kategori budaya sosial

Contoh leksikal budaya berkaitan budaya sosial:

Pendekar Atan, Cikgu Nasir atau pun **Tuk Empat** diterjemahkan sebagai **Atan le guerrier, L'instituteur Nasir** dan **Tuk Empat**. Penggunaan **Tuk Empat** dikekalkan di dalam teks sasaran, namun di bahagian belakang penterjemah menerangkan apakah maksud Tuk Empat iaitu '*un chef de clan*' bermaksud ketua puak atau suku kaum. Namun sebenarnya terjemahan ini juga kurang tepat kerana **Tuk Empat** lebih berperanan sebagai ketua dalam satu kawasan kampung.

Contoh-contoh leksikal bagi aktiviti dan permainan:

- i. Berhikayat (RH: 258) diterjemah sebagai *le conteur* [dalang/pencerita] (LJDL: 225)
- ii. Bermain sepak raga dan juga bermain bola (RH : 271) diterjemahkan sebagai *jouer au ballon* [bermain bola] (LJDL: 255)
- iii. Berjudi (RH: 271) dan juga main pakau (RH :277) diterjemahkan kepada *jouer aux cartes pour l'argent* (LJDL: 225) dan *jouer aux*

cartes (LJDL: 243) kedua –dua aktiviti ini diterjemahkan sebagai bermain kad (daun terup) dalam LJDL, cuma berjudi lebih kepada bermain daun terup untuk mendapatkan wang.

- iv. Aktiviti masa lapang penduduk kampung dalam masa yang sama bagi mencari rezeki seperti menjala (RH:9) diterjemah sebagai *de lancer son filet*. (LJDL:10) dan juga menjeramak (RH: 47) diterjemah sebagai *pêcher* [memancing] (LJDL:45). Kedua-duanya adalah cara yang digunakan untuk menangkap ikan.

Dalam mengenalpasti leksikal budaya daripada bahan kajian Rimba Harapan dan terjemahannya *La Jungle de l'Espoir* pengkaji juga banyak menumpukan kepada perbezaan kata-kata yang sejagat atau universal dengan leksikal budaya untuk disenarai pendekkan. Walaupun sesetengah leksikal itu kadangkala seperti kata-kata atau leksikal yang sejagat pengkaji mendapati terdapat juga masalah dalam penterjemahan sewaktu mengenalpasti leksikal budaya dari bahan kajian Rimba Harapan dan terjemahannya *La Jungle de l'Espoir*. Seperti yang dikatakan oleh (Nord, 1997:34) dalam Goh Sang Seong (2012: 15) dan (Nur Hafeza & Goh Sang Seong, 2012) hal ini disebabkan oleh elemen budaya (*culturemes*) yang terdapat dalam satu-satu budaya tetapi tiada dalam budaya lain. Fenomena ini selalu menjadi kekangan dalam proses penterjemahan.


4.2.3.1 Sistem sosial masyarakat Melayu

Seperti yang pengkaji telah maklumkan sebelum ini bahawa klasifikasi budaya Newmark (1988) adalah ekologi, sosial, gerak-geri dan kebiasaan, material dan juga organisasi yang merangkumi konsep, kepercayaan dan kefahaman serta nilai artistik. Namun dalam data pengkaji juga telah menemui variasi leksikal budaya selain yang

terdapat dalam klasifikasi budaya yang ditetapkan oleh Newmark namun wujud dalam budaya Melayu. Contohnya kata sapaan atau panggilan yang banyak wujud dalam Novel Rimba Harapan.

Pengkaji telah mengumpulkan data kesemua aspek sosial dari aspek pekerjaan, pengelasan masyarakat dan sebagainya contohnya: Tuk Penghulu, Tuk Batin dan lain-lain (seperti yang dimaklumkan dalam 4.2).

Oleh sebab dalam klasifikasi budaya Newmark tidak menerangkan mengenai hubungan sosial, pada bahagian ini pengkaji akan menambah hubungan sosial. Hal ini disebabkan dalam budaya Melayu, hubungan sosial menjadi salah satu elemen budaya yang penting contohnya sistem kekeluargaan adanya gelaran keluarga seperti Pak Lang, Pak Ngah dan sebagainya. Seterusnya pengkaji juga akan memasukkan sistem sapaan kerana dalam perhubungan sosial masyarakat Melayu apabila menghormati individu – individu lain yang lebih tua bergantung pada usia mereka akan memanggil dengan panggilan Mak, Pak, abang dan kakak contohnya Pak Kia, Pak Abu, Abang Zaidi, Kak Minah dan sebagainya. Melalui hasil kutipan data, aspek hubungan sosial banyak wujud dalam teks ini.



Rajah 4.1 Kategori budaya sosial

Contoh data dalam kategori ini :

Pak Kia (RH:2) selaku tonggak utama cerita ini diterjemah sebagai *Le père* Kia (RH:3) begitu juga sahabatnya Pak Abu (RH:2) diterjemah sebagai *Le père* Abu. Bagi panggilan menggunakan Mak di hadapan kata nama contohnya Mak Sinah (RH:2) diterjemah sebagai *La mère Sinah* (LJDL:3).

Bagi panggilan yang merujuk kepada hirarki dalam keluarga contohnya Pak Lang (RH:3), Pak Ngah (RH:9) diterjemah sebagai *Oncle* [Pakcik] (LJDL:4) dan (LJDL:10).

4.2.4 Budaya Organisasi, Konsep, kepercayaan, agama, adat resam dan kesenian .

Setiap masyarakat mempunyai organisasi adat aktiviti tatacara dan konsep tersendiri yang membezakannya dengan masyarakat lain. Oleh kerana masyarakat dalam latar cerita adalah masyarakat Melayu maka banyak konsep-konsep atau fahaman serta kepercayaan yang ditampikan melalui leksikalnya adalah berunsurkan agama islam.

Contoh leksikal;

- i. Baca **talkin** bidaah (RH: 11)

Le prédicateur nous a dit que ce n'était pas islamique de recite le talkin pendant un enterrement (LJDL: 12)

[Pendakwah itu memberitahu kami bahawa adalah tidak Islamik membaca **talkin** semasa pengebumian]


- ii. Agama kita ini ada **mazhab-mazhab** (RH: 12)

*Dans notre religion il y a plusieurs **mazhab**, plusieurs **branches*** (LJDL:12)

[Di dalam agama kita terdapat beberapa mazhab, beberapa cabang **mazhab**]

Kedua-dua contoh ini berkaitan dengan kepercayaan agama ataupun leksikal yang merujuk kepada keagamaan.

Berikut pengkaji paparkan di dalam bentuk carta peratusan leksikal mengikut pecahan kategori masing-masing:



Carta 4.5 : Kategori organisasi, konsep, kepercayaan, adat dan kesenian

Di sini pengkaji ingin menunjukkan bahawa dalam RH bagi kategori ini banyak memaparkan leksikal budaya yang berkaitan dengan keagamaan yang menjurus kepada agama Islam dan kepercayaan masyarakat Melayu. Leksikal budaya bagi kategori organisasi juga kurang ditampikan. Manakala konsep pula dari segi ukuran dan masa juga sama kurang dengan budaya organisasi.

4.2.4.1 Sistem ukuran Melayu

Selain itu merujuk kepada konsep ukuran Newmark tidak memaklumkan dalam kajiannya namun pengkaji telah menemui banyak konsep ukuran Melayu tradisional contohnya: sehasta, sejengkal dan sebagainya.

Selain daripada kategori yang dinyatakan oleh Newmark (1988), beliau tidak memasukkan konsep ukuran. Berdasarkan data yang diperolehi, pengkaji akan menambahkan konsep ukuran dalam bahagian ini kerana dalam budaya Melayu konsep ukuran atau bilangan menjadi salah satu keunikan dan dalam budaya Melayu tradisional terdapat konsep ukuran yang tersendiri contohnya segantang, secupak, manakala jarak pula contohnya menggunakan kaedah jengkal dan hasta. Pengkaji akan menggunakan Asmah (1988) bagi menjelaskan konsep ukuran ini. Menurut Zaini-Lajoubert (2009) pula konsep ukuran menjadi salah satu permasalahan dalam penterjemahan kerana perbezaan sistem ukur dalam lingkungan budaya Perancis-Melayu. Menurut Asmah (1988) dalam bukunya „Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu“, sistem ukuran dalam masyarakat Melayu mempunyai ukuran sendiri untuk cecair, biji-bijian, tanah dan sebagainya. Contohnya : semangkuk air, secupak padi, segantang beras, setakar gandum dan sebagainya. Ukuran, saiz dan bentuk memainkan peranan dalam menentukan konsep ukuran yang digunakan. Walaupun sekarang sistem ukuran banyak dipengaruhi sistem ukuran barat, namun pengetahuan kita tentang sistem ukuran Melayu sangat penting kerana di situlah terletak keunikan budaya Melayu.

4.2.4.2 Konsep ukuran

- i. Rezeki **secupak** takkan jadi **segantang** (RH:48)

Que la bonne fortune n'allait pas tomber du ciel (LJDL:46)

[**Nasib baik** tidak akan turun dari langit]

- ii. Seekor ibu yang tanduknya panjang **sehasta** (RH:50)
*La femelle aux cornes **longues d'une coudée*** (LJDJL:47)
[Betina yang bertanduk panjang **sehasta**]
- iii. Dua ekor lagi kerbau muda bertanduk **sejengkal** mengikut dari belakang (RH:50)
*Deux jeunes buffles aux cornes **plus courtes** la suivaient.* (LJDJL:47)
[Dua kerbau muda bertanduk **pendek** mengikutnya dari belakang]

4.2.5 Gerak laku dan tabiat

Gerak laku dan tabiat sesebuah masyarakat dianggap sensitif dan penterjemah harus peka menterjemah unsur ini. Amalan yang berkaitan dengan gerak-geri berbeza bagi budaya masyarakat tertentu contohnya dalam budaya Melayu apabila bertemu akan mengucapkan salam dan saling bersalaman. Masyarakat barat pula berjabat tangan (*shake hand*) atau bagi hubungan mesra akan berciuman dan berlaga pipi atau dalam bahasa Perancis *faire la bise* (berciuman).

Di dalam data kajian pengkaji telah menemukan sebanyak **31** leksikal berkaitan dengan gerak gerik dan kebiasaan dan dalam terjemahan cuma **29** leksikal budaya sahaja. Berlaku banyak pengulangan leksikal ini dalam teks kajian.

Contoh leksikal:

- i. **Belajar cebok** saja sampai ke tua macam mana hendak beribadat dengan betul (RH: 33)
*Mais enfin si on n'apprend qu'à se **torcher le derrière** jusqu'à l'âge de cents ans.* (LJDJL:33) [Tetapi sekiranya kita hanya **belajar mencuci belakang** sehingga umur seratus tahun]
- ii. Orang itu **memberi salam**. Dia kenal suaranya (RH: 37)

Quel qu'un l'appellait Assalamualaikum. Il connaissait cette voix

(LJDL:37)

[Seseorang **memanggil Assalamualaikum**. Dia kenal suaranya]

4.3 Faktor ketakterjemahan leksikal budaya

Berdasarkan pemerhatian ke atas **49** leksikal yang tidak diterjemahkan adalah kerana penterjemah telah menggunakan strategi:

1. Menterjemahkan makna ayat.

Contohnya:

Satu-satunya ladang getah melaut sehingga **bukit bukau, hutan rimba** dengan **gaung-gaung** dan **lembahnya** lenyap menjadi **ladang getah**.

(RH:57)

Une seule plantation peut s'étendre sur des kilomètres et toute notre jungle risque de disparaître. (LJDL :57)

[Satu-satunya **ladang** boleh meluas berkilo-kilometer dan keseluruhan **hutan** kita berisiko lenyap]

Dalam ayat teks sumber penulis ingin menggambarkan bahawa kawasan hutan yang luas dan kaya dipenuhi dengan bukit bukau, hutan rimba, gaung-gaung dan lembah telah musnah menjadi ladang getah. Dalam teks sasaran penterjemah menterjemah kepada (Satu-satunya ladang boleh meluas berkilo-kilometer dan keseluruhan hutan kita berisiko lenyap). Di sini jelas bahawa penterjemah menggugurkan leksikal bukit bukau, hutan rimba, gaung-gaung dan lembah.

2. Penggunaan leksikal yang umum / *superordinate*.

Jurang leksikal wujud akibat ketiadaan leksikal yang sepadan dan penterjemah akan bertindak menggunakan perkataan yang umum (*superordinate*).

Contohnya:

Tanah tinggi penuh **dengan pokok kelapa, durian, manggis, langsung, jering** dan **macam-macam lagi** (RH:5).

Elle étaient bâties sur un terrain plus élevé et étaient entourées de toutes sortes d'arbres fruitiers cocotier, durians, mangoustans et biens d'autres encore (LJDL :6).

[Ia dibina di atas tanah yang lebih tinggi dan dikelilingi dengan pelbagai jenis **pokok buah-buahan, kelapa, durian, manggis** dan **banyak lagi** yang lain]

Di sini kita dapat lihat bahawa leksikal bagi buah jering dan langsung tidak diterjemahkan dan digantikan dengan *des arbres fruitiers* (pokok buah-buahan).

3. Leksikal digugurkan.

Apabila tiada kesepadanan leksikal, penterjemah menggugurkan leksikal tertentu dalam terjemahan.

Contohnya:

Bukankah kita pun dengar Cikgu Brahim bersyarah pada hari **pertunjukan kebun** dan **anyaman** sekolah dulu (RH:12).

On l'a bien entendu Brahim le jour de l'exposition agricole à l'école.

(LJDL:13) [Kita pernah mendengar Brahim pada hari **pameran pertanian** di sekolah]

Dalam ayat ini leksikal anyaman telah digugurkan dan mengekalkan **pameran pertanian** (*l'exposition agricole*). **Anyaman** adalah salah satu bahan budaya dalam masyarakat Melayu namun dilenyapkan dalam ayat tersebut.

4.4 Analisis komponen makna leksikal budaya.

Dalam bahagian ini, bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, pengkaji menggunakan analisis komponen yang dikemukakan oleh Ruth Kempson (1991) . Melalui analisis ini, makna leksikal dapat dijelaskan melalui fitur-fitur semantik leksikal yang mengandungi inti makna. Bagi menganalisis leksikal budaya menggunakan analisis komponen makna, pengkaji menghadkan kepada 10 peratus daripada leksikal budaya daripada setiap kategori. Dalam analisis ini pengkaji memilih secara rawak data yang terdiri dari leksikal budaya yang signifikan sahaja.

Dalam menganalisis makna, biasanya akan berlaku keadaan bahawa konsep „yang ditandai“ (*signified*) dan yang menandai (*signifier*) akan berhubungan sebagai satu lawan satu , satu lawan tiada dan kadangkala situasi satu lawan banyak.

Bagi setiap kategori dalam budaya mempunyai hubungan dan pertalian antara satu sama lain. Sebelum menganalisis setiap leksikal pengkaji akan mengelaskan setiap leksikal budaya di bawah domain atau medan makna masing-masing.

Setiap data akan dianalisis satu persatu mengikut kategori masing-masing. Berikut pengkaji akan memperturunkan setiap data yang telah dipilih:

4.4.1 Kategori ekologi

Ekologi adalah berkaitan dengan alam semulajadi, bentuk muka bumi, tanah tanih dan juga flora dan fauna. Pengkaji telah memecahkan kategori ini kepada tumbuh-tumbuhan iaitu dalam kategori flora yang dalamnya terangkum bunga, pokok-pokok

serta sayur-sayuran. Subkategori seterusnya adalah binatang iaitu burung, ikan, serangga dan jenis binatang lain. Di bawah kategori ini juga terdapat alam semulajadi dan bentuk muka bumi seperti saliran dan bukit-bukau. Hasil daripada pemerhatian dan juga pengenalpastian pengkaji, leksikal-leksikal berkaitan dengan ekologi adalah seperti berikut:

a) Haiwan

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
1.Sepat	Sejenis ikan darat Mempunyai sirip Ikan air tawar Berbadan kecil Bersisik halus Bersiri (KD: 1459)	<i>Petit poisson</i> (<i>m</i>)	<i>Animal vertébre inférieur vivant dans l'eau et muni de nageoires</i> <i>Petit- adj-la taille est inférieure à la moyenne</i> [Haiwan kecil bertulang belakang, hidup di dalam air dan dilengkapi dengan sirip, saiz lebih kecil daripada saiz sederhana/biasa] (LPR: 1995)
2.Puyu	Sejenis ikan darat Bersirip Ikan air tawar Bersisik halus (KD:1260)	<i>Petit poisson</i> (<i>m</i>)	<i>Un animal vertébre inférieur ,vivant dans l'eau et muni de nageoires</i> <i>Petit- adj- la taille est inférieure à la moyenne</i> [Haiwan kecil bertulang belakang, hidup di dalam air dan dilengkapi dengan sirip, saiz lebih kecil daripada saiz sederhana/biasa] (LPR:1995)

Jadual 4.2 : Analisis Data 1 dan 2

Komponen	bersirip	bersisik	Dalam air	sengat	Ikan	Saiz kecil
Leksikal			tawar		darat	
Sepat	+	+	+	-	+	+
puyu	+	+	+	-	+	+
<i>Des petits poissons</i>	+	+/-	+/-	-	+/-	+

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
3.Baung	Sejenis ikan darat Bersengat Tidak bersisik Ikan liar (KD:138)	Poisson (m)	<i>Animal vertébre inférieur, vivant dans l'eau et muni de nageoires</i> [Haiwan kecil bertulang belakang, hidup di dalam air dan dilengkapi dengan sirip] (LPR: 1995)

Jadual 4.3 : Analisis Data 3

Komponen	bersirip	bersisik	Dalam air	sengat	Ikan darat	Saiz kecil
Leksikal			tawar			
Baung	+	-	+	+	+	-
<i>Des poissons</i>	+	+/-	+/-	+/-	-	+/-

Baung (RH:10) diterjemah sebagai *des poissons* (*LJDL :11*). Puyu, sepat dan baung berada dalam satu medan bagi kategori ikan. Dalam RH sifat puyu dan sepat adalah ikan air tawar bersisik dan fizikalnya kecil namun dalam LJDL penterjemah tidak dapat mencari padanan satu lawan satu. Kaedah yang digunakan adalah terjemahan menggunakan leksikal yang lebih umum, namun masih tidak dapat menjelaskan sifat-sifat yang ada pada puyu dan sepat. Manakala baung pula yang diterjemah sebagai *des poissons*, dalam BP *des poissons* bermaksud ikan yang sangat umum. Baung pula adalah sejenis ikan yang hidup di air tawar dan juga bersengat. Ikan jenis ini cuma terdapat di negara Asia termasuk Malaysia. *Des poissons* tidak dapat menjelaskan makna baung kerana fitur yang berbeza kerana tidak semua ikan bersengat melainkan ikan dari keluarga *claridae* dan *bagridae*. (Sumber: <http://ms.wikipedia.org/ikan>)

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
4. Ayam denak	-Sejenis burung dipanggil juga ayam hutan -Berbadan katik Sebagai burung pemikat -Liar	<i>Les oiseaux sauvage (m)</i>	<i>Animal appartenant à la classe des vertébrés tétrapodes à sang chaud, au corp recouvert de plumes, dont les membres antérieurs sont des ailes, les membres postérieurs des pattes, qui est en general adapté au vol. Sauvage-animaux non domestiques</i> [Haiwan yang tergolong dalam kelas vertebrata, tetrapod berdarah panas, tubuh ditutupi dengan bulu, bersayap. Anggota kaki belakang secara amnya disesuaikan untuk terbang. Haiwan liar, bukan
	(KD: 333)		

			domestik] (LPR: 1776)
5. Taptibau	Sejenis burung Berbulu perang, tinggal di hutan, bernyanyi. (KD: 1607)	<i>Les oiseaux</i> <i>vertébrés tétrapodes à sang</i> <i>nocturnes(m)</i> <i>chaud, au corp recouvert de</i> <i>plumes, dont les membres</i> <i>antérieurs sont des ailes, les</i> <i>membres postérieurs des</i> <i>pattes, qui est en general</i> <i>adapté au vol.</i> <i>Nocturne- qui a lieu pendant</i> <i>la nuit</i> [vertebrata tetrapod berdarah panas, tubuh ditutupi dengan bulu, Bersayap, anggota kaki belakang disesuaikan untuk terbang. Keluar waktu malam] (LPR :1776)	
6. Kuang	Sejenis burung Kuuu Mengeluarkan suara nyaring. Hidup di hutan (KD:833)	<i>Faisan (m)</i> <i>Oiseau gallinace</i> <i>à plumage coloré et longue</i> <i>queue, dont la chair est très</i> <i>estimé</i> [Burung berkaitan dengan ayam, dengan bulu berwarna- warni dan ekor panjang, daging adalah sangat disukai] (LPR: 1029)	

Jadual 4.4: Analisis Data 4, 5 dan 6

Komponen	Bersayap	Boleh	Hidup	Boleh	di	Dipelihara	Pemikat
Leksikal		terbang	di	makan			
			hutan				
Ayam denak	+	-	+	+	+	+	+
Taptibau	+	+	+	-	-	-	-
Kuang	+	+	+	+	-	-	-
<i>Des oiseaux</i>	+	+	+	+/-	-	-	-
<i>sauvage</i>							
<i>Des oiseaux</i>	+	+	+	+/-	-	-	-
<i>nocturnes</i>							
<i>Faisan</i>	+	+/-	+	+	-	-	-

Berdasarkan analisis di atas, ayam denak, taptibau dan juga kuang berkongsi fitur yang sama iaitu sejenis burung yang bersayap. Dalam kumpulan ini hanya ayam denak sahaja spesies burung yang tidak boleh terbang. Dalam LJDL masing-masing diterjemahkan kepada *des oiseaux sauvages* (burung liar) dan *des oiseaux nocturnes* (burung malam) iaitu terjemahan langsung bagi ayam denak dan juga burung taptibau. Burung kuang pula diterjemahkan sebagai *faisan*. Kesemua leksikal berkaitan dengan burung dalam LJDL dapat diterjemahkan. Perbezaan fitur bagi ayam denak dengan *des oiseaux sauvages* ialah ayam denak merupakan sejenis haiwan pemikat namun *des oiseaux sauvages* tidak mempunyai sifat tersebut. Sifat ayam denak sebagai jenis ayam liar dijelaskan melalui terjemahannya iaitu *des oiseaux sauvages* yang bermaksud

burung liar. Selain daripada itu *des oiseaux* juga boleh digunakan sebagai istilah umum bagi ayam.

b) Tumbuh-tumbuhan

Dalam subkategori ini pengkaji memilih tumbuh-tumbuhan yang tidak dapat diterjemah secara satu lawan satu iaitu jering dan langsung diterjemah sebagai *des arbres fruitiers* (pokok buah-buahan) manakala pucuk kemahang diterjemah sebagai *les plantes* (tumbuh-tumbuhan) dan resam sebagai *jeunes arbres* (pokok muda). Daripada ayat dalam LJDL dan RH menunjukkan langsung dan jering tidak diterjemahkan dan hanya diterjemahkan secara umum iaitu *des arbres fruitiers*.

„Tanahnya tinggi penuh dengan pokok kelapa, durian, manggis, langsung, jering dan macam-macam lagi“. (RH: 5).

Elles étaient bâties sur un terrain plus élevé et étaient entourées de toutes sortes d'arbres fruitiers, cocotiers, durians, manguostans et biens d'autres encore (LJDL:6).

[Mereka telah dibina di atas tanah yang lebih tinggi dan dikelilingi oleh semua jenis pokok buah-buahan, kelapa, durian, manggis dan lain-lain]

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
7.Langsat	Sejenis tumbuhan Pokok berbuah dan isinya berulas Buahnya berwarna kekuningan (KD:886)	Des arbres fruitiers	<i>Qui donne des fruits comestible . Lieu plante d'arbre fruitiers ou verger.</i> [Pokok yang berbuah,boleh dimakan. Tempat ditanam ialah di dusun.] (LPR : 129)

Jadual 4.5 : Analisis Data 7

Komponen	Tumbuhan	Pokok	boleh	Isi	Warna
Leksikal		Berbuah	dimakan	berulas	kekuningan
langsat	+	+	+	+	+
<i>Des arbres fruitiers</i>	+	+	+	-	-

Dalam LJDL buah langsung diterjemahkan sebagai *des arbres fruitiers*. *Des arbres fruitiers* cuma menjelaskan secara umum pokok yang berbuah dan bukan makna yang tepat bagi langsung .

Leksikal	Ciri-ciri	Leksikal	Makna denotasi
8.Jering	Sejenis tumbuhan Pokok berbuah dan dijadikan ulam Berbau (KD : 628)	<i>Des arbres fruitiers</i>	<i>Qui donne des fruits comestible . Lieu plante d'arbre fruitiers ou verger</i> [Pokok yang berbuah, boleh dimakan] (LPR:129)

Jadual 4.6: Analisis Data 8

Komponen	Tumbuhan	Pokok	boleh	Ulam	Berbau
Leksikal		Berbuah	dimakan		
Jering	+	+	+	+	+
<i>Des arbres fruitiers</i>	+	+	+	-	-

Dalam RH juga terdapat jenis tumbuhan -tumbuhan lain selain daripada pokok berbuah iaitu tumbuh-tumbuhan yang tumbuh meliar contohnya:

“Mula-mula hutan muda yang semak dengan resam, beman, tepus, paku gajah dan tumbuh-tumbuhan lain” (RH: 91) terjemahannya “*En lisière il y avait de jeunes arbres et des broussailles de fougères, de saules, de gingembre sauvage et de toutes sortes*

d'autres plantes". (LJDL: 82) [Di pinggir terdapat **pokok-pokok muda** dan **semak-semak pakis, willows, halia liar** dan semua jenis **tumbuh-tumbuhan lain**]

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
9.Resam	Sejenis tumbuhan dari jenis paku pakis Batangnya keras dan boleh dijadikan alat untuk menulis. (KD: 1323)	<i>Jeune arbre</i> (<i>m</i>)	<i>Arbre=Végétal pouvant atteindre des dimension et une âge considerable, dont la tige ligneuse se ramifie à partir d'une certaine hauteur au dessus du sol.</i> <i>Jeune arbre = arbuste=petit arbre.</i> <i>Les racine, la tige</i> [Pokok tumbuhan boleh mencapai saiz yang besar dan tua , berdahan, batang berkayu. Berakar, pokok muda renek , pokok yang kecil] (LPR: 130)

Jadual 4.7: Analisis Data 9

Komponen	Tumbuhan	Pakis	Batang	Batang	Batang liat	Alat tulis
Leksikal			keras	berkayu		
Resam	+	+	+	-	+	+
<i>Jeune arbre</i>	+	-	+/-	+	-	-

Terjemahan resam sebagai *des jaunes arbres* tidak sesuai kerana resam adalah sejenis pakis yang berbatang liat. Batang pokok ini juga boleh dijadikan alat tulis khususnya

tulisan jawi namun *jeune arbres* yang lebih sesuai diterjemahkan sebagai pokok muda.

Di sini jelas perbezaan fitur antara resam dan juga *jeunes arbres*.

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
10.Pucuk kemahang	Sejenis tumbuhan Herba. Daun gatal apabila tersentuh pada kulit. (KD: 715)	<i>Plante (f)</i>	<i>Végétal multicellulaire le règne végétal (arbres,arbustes,herbe etc) [Tumbuhan multisel dalam keluarga vegetal, (pokok, pokok renek, rumput] (LPR:1969)</i>

Jadual 4.8: Analisis Data 10

Komponen	Tumbuhan	Herba	Daun gatal	Pokok renek
Leksikal				
Pucuk kemahang	+	+	+	-
<i>Plante (f)</i>	+	+	-	+

Dalam Rimba Harapan dinyatakan,

„ ... **pucuk-pucuk kemahang** bergoyang-goyang dilanda arus tetapi belum tenggelam“(RH:15)

Manakala *La Jungle de l'Espoir* pula diterjemahkan kepada,


' ... *les plantes qui poussaient sur le berge s'agitaient sous l'effet du courant*'.(LJDL: 16)

Dapat dilihat di sini pucuk kemahang diterjemah sebagai *les plantes* melalui analisis di atas ciri-ciri pucuk kemahang dan juga *les plantes* berbeza kerana pucuk kemahang adalah sejenis tumbuhan herba dan daunnya apabila tersentuh pada kulit akan mengakibatkan kegatalan. Manakala *les plantes* adalah makna yang umum bagi tumbuh-tumbuhan sahaja.

Melalui analisis yang telah dibuat terhadap sepuluh leksikal berkaitan dengan ekologi tadi dapat dinyatakan bahawa tidak kesemua leksikal dapat diterjemah secara satu lawan satu. Hal ini disebabkan oleh ketidakwujudan bentuk budaya atau lebih tepat untuk kajian ini ketidakwujudan leksikal dalam bahasa sasaran. Penterjemah mengambil langkah-langkah untuk menggunakan strategi padanan fungsian iaitu dari leksikal yang lebih spesifik contohnya langsung atau jering kepada makna yang umum iaitu *des fruits* yang bermaksud buah-buahan. Dari aspek semantik kita boleh lihat perbezaan antara leksikal dalam RH dan LJDL dari segi makna. Di sini pengkaji hanya menganalisis dan menjelaskan leksikal yang terdiri daripada subkategori binatang dan tumbuh-tumbuhan. Dalam kategori ini terdapat juga leksikal lain yang terdiri daripada dataran, saluran, sungai, bentuk mukabumi dan musim yang tidak dapat dijelaskan.

Hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap sepuluh leksikal di atas hanya satu leksikal yang dapat menunjukkan kesepadanan iaitu *kuang* yang diterjemahkan sebagai *faisan*. Nama lain bagi *kuang* adalah ayam pegar, yang cuma terdapat di Semenanjung Tanah Melayu, Borneo dan Sumatera. Sembilan leksikal yang lain mempunyai perbezaan kerana ketiadaan hiponim yang berkaitan dengan leksikal tersebut dalam bahasa Perancis contohnya dalam kategori tumbuh-tumbuhan .

BM



Les plantes (f)

Rajah 4.2: Terjemahan hiponim tumbuh-tumbuhan

Kemahang adalah sejenis pokok dan dalam *La Jungle de l'Espoir* pokok kemahang telah diterjemahkan sebagai *les plantes* (tumbuh-tumbuhan), terjemahan tersebut hanya mencakupi sebahagian daripada makna kemahang. Melalui analisis yang telah dibuat dalam bahagian 4, pengkaji dapat merumuskan bahawa dalam menangani masalah ketiadaan leksikal penterjemah menggunakan leksikal yang umum bagi mewakili leksikal budaya yang tiada dalam bahasa sasaran. Hal ini dapat dijelaskan seperti berikut:

leksikal = Hiponim > hipernim (*superordinate*).

Di dalam Rajah 4.2 pakis, kemahang, resam dan mengkirai adalah hiponim kepada tumbuh-tumbuhan (*les plantes*), oleh sebab tiada kesepadanan hiponim dalam bahasa sasaran penterjemah cuma menterjemah sebagai *les plantes*.

Mengimbas kembali segitiga semiotik yang diperkenalkan oleh Odgen dan Richards (1923) berkenaan dengan makna dan rujukan iaitu leksikal budaya

menunjukkan bahawa leksikal yang wujud dalam masyarakat itu bergantung pada lingkungan persekitaran di mana mereka berada. Contohnya bagi masyarakat Perancis apabila ditunjukkan haiwan bersisik, bersirip, bernafas menggunakan insang mereka akan meyebut [*des poissons*] bagi masyarakat Melayu pula [ikan]. *Des poissons* pula adalah nama umum bagi haiwan tersebut begitu juga ikan. Terdapat pelbagai jenis dalam kategori ikan dan juga habitat ikan juga berbeza contohnya di paya, kolam, sungai dan juga laut.

4.4.2 Kategori Sosial

a) Kelas masyarakat/ Sistem sosial

Bagi Newmark (1988), kategori sosial berkaitan dengan permainan, aktiviti riadah, namun di sini pengkaji akan menyertakan juga kata sapaan, panggilan dan juga gelaran. Di dalam data terdapat **83** leksikal berkaitan sosial namun pengkaji akan menganalisis **8** leksikal budaya sahaja. Di sini pengkaji akan memperturunkan data seperti yang telah diklasifikasikan dalam kategori sosial.

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
11.Pendekar	Orang yang pandai bersilat atau bermain senjata Seorang jaguh dan pahlawan (KD:1171)	<i>Guerrier (m)</i>	<i>combattant, militaire, soldat</i> <i>Qui a ou qui montre des dispositions pour la guerre ,les armes aime à se battre.</i> [Pejuang, askar, tentera. Orang yang mempunyai atau menunjukkan kecenderungan untuk berperang ,senjata, suka berlawan] (LPR:1229)

Jadual 4.9: Analisis Data 11

Komponen	Lelaki	Pejuang	Pahlawan	Tentera	Pandai	Bermain	Sikap
Leksikal					bersilat	senjata	Suka berperang
Pendekar	+	+/-	+	-	+	-	-
<i>Le</i>	+	+	-	+	-	+	+
<i>Guerrier</i>							

Di sini menunjukkan bahawa dari segi makna antara pendekar dan juga *le Guerrier* tidak sama kerana pendekar dalam budaya Melayu lebih menunjukkan sifat kepahlawanan seorang pandai bersilat manakala *le Guerrier* lebih kepada pahlawan dalam peperangan dan juga tentera. Namun apabila merujuk kepada sifat Pendekar Atan dalam RH beliau merupakan seorang yang suka menunjukkan sikap suka melawan dan bergaduh. Jadi pemilihan perkataan Atan, *le Guerrier* sesuai bagi perwatakan Pendekar Atan teks sasaran, namun dari aspek makna Pendekar dan juga *Le Guerrier* mempunyai konsep makna berbeza.

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
12.Guru Besar	Guru merujuk kepada orang yang mendidik dan mengajar dan guru besar ialah guru yang mengetuai sekolah. (KD: 492)	<i>Le directeur de l'école</i>	<i>Directeur</i> <i>Personne qui dirige est à la tête (d'un service, d'un organisme, d'un entreprise)</i> [Pengarah, seseorang yang mengarahkan, kepala (sesuatu jabatan, organisasi, syarikat. - tinggi.) (LPR :757)

Jadual 4.10 : Analisis Data 12

Komponen	Lelaki	Pendidik	Pengajar	Ketua	Pengarah	Pengurus
Leksikal				Sekolah		
Guru Besar	+	+/-	+	+	-	-
<i>Le Directeur</i>	+	-	-	+	+	+
<i>L'école</i>						

Di sini tugas seorang guru besar selain mengajar, menguruskan sekolah dan menjadi ketua pada sesebuah sekolah, manakala *Le Directeur* tugasnya menguruskan sesuatu organisasi namun di sini pengkaji memasukkan perkataan *l'école* bagi menjelaskan makna dalam konteks teks sasaran.

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
13. Tuk Mukim	Mukim ialah daerah atau kawasan . Tuk Mukim pula adalah orang mengetuai sesuatu tempat atau daerah tersebut. (KD :1051)	<i>Le responsable religieux de la circonscription (m)</i>	<i>Personne qui prend les décision dans une organisation =dirigeant, qui dirige sur des affaires religieux d'un division (d'un pays, d'un territoire)</i> [Orang yang membuat keputusan dalam organisasi agama di sesuatu kawasan (negara, wilayah)] (LPR:2271)

Jadual 4.11 Analisis Data 13

Komponen	Lelaki	Ketua	Kawasan	Daerah	Bidang agama
Leksikal					
Tuk Mukim	+	+	+	+	-
<i>Le responsable religieux de la circonscription (m)</i>	+	-	+	+	+

Seseorang Tuk Mukim tugasnya adalah menjadi ketua bagi sesuatu kawasan ataupun daerah manakala dalam LJDL *Le responsable religieux de la circonscription* (Pemimpin agama daerah) merujuk pada bidang agama. Apabila digunakan perkataan Tuk menunjukkan dia adalah seorang lelaki. Tuk digunakan untuk rujukan hormat.

Manakala dalam LJDL kita dapat mengetahui gender melalui artikel *le*. Di sini dapat dilihat perbezaan antara Tuk Mukim dan *Le responsable religieux de la circonscription*.

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
14. Tuk penghulu	Seorang ketua atau kepala bagi mukim lurah atau penggawa. Ketua adat dan ketua yang mengurus hal-hal agama Islam. (KD:1173)	<i>Le ch�ef du village (m)</i>	<i>Personne qui est � la t�te d'un village, qui dirige , commande, gouverne.</i> [Seseorang yang mengetuai sesebuah kampung, yang mengarah, menguruskan, memerintah] (LPR :414)

Tuk Penghulu ditampikan dalam RH boleh ditemui dalam (RH:17) manakala dalam LJDL telah diterjemahkan kepada *le ch ef du village* (LJDL:18).

Jadual 4.12 : Analisis Data 14

Komponen	Lelaki	Ketua	Urus hal ehwal	Lurah/	Kampung
Leksikal		adat	agama Islam	penggawa	
Tuk Penghulu	+	+	+	+	-
<i>Le ch�ef du village (m)</i>	+	+	-	-	+

Bagi leksikal Tuk Penghulu dalam RH merujuk kepada lelaki yang tugasnya sebagai ketua sesebuah kampung iaitu di kawasan Ketari. Tugas Penghulu sebenarnya

melibatkan jajahan yang luas manakala dalam LJDL telah mengurangkan kuasa seorang Tuk Penghulu menjadi *Le chéf du village* iaitu ketua bagi satu- satu kampung.

b) Sapaan dan panggilan

Kata sapaan atau panggilan banyak digunakan apabila berbicara atau berkomunikasi dengan orang lain. Dalam bahasa Melayu yang mengamalkan kesantunan dalam berbahasa, terdapat sistem sapaan dan panggilan yang tersendiri. Apabila berkomunikasi pemilihan kata sapaan yang tepat penting dan antara faktor yang perlu diambil kira adalah umur, status orang yang dilawan cakap dan juga hubungan peribadi. Kata sapaan boleh berbentuk sapaan menggunakan kata ganti diri, sapaan mengikut kedudukan dalam keluarga, sapaan kehormat dan juga gelaran bebas.

Dalam RH yang mana masyarakatnya masih mengamalkan cara kehidupan masyarakat Melayu yang tradisonal banyak kata sapaan dan panggilan yang telah pengkaji temui.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna denotasi
15.Pak	Singkatan bagi bapak Panggilan kepada Lelaki yang separuh umur/berusia. (KD: 1115)	<i>Le père</i>	- <i>Géniteur d'un ou de plusieurs enfants.</i> - <i>Initiateur d'un mouvement, d'une doctrine, d'une oeuvre.</i> - <i>Religieux, prêtre [Religion]. Synonyme religieux en Anglais father .</i> [Bapa kepada seorang atau beberapa orang anak. Penggerak kepada gerakan sesuatu doktrin. Ahli agama (paderi) sama seperti <i>father</i> dalam bahasa Inggeris.] (LPR:1901)

Jadual 4.13: Analisis Data 15

Komponen	Lelaki	Berusia	Bapa	Kata	panggilan	Ahli
Leksikal			seseorang	singkatan		agama
Pak	+	+	+/-	-	+	-
<i>Le père</i>	+	+	+	+	-	+
(<i>m</i>)						

Dalam BM Pak merujuk kata panggilan kepada seorang lelaki biasanya berusia dan lebih kurang sebaya dengan ayah sendiri si penyapa. Dalam RH Pak banyak merujuk pada lelaki berusia dan sudah lama tinggal di Bentung dan Ketari, contohnya Pak Abu dan Pak Kia. Pak di sini boleh digunakan sebagai merujuk kepada orang ketiga ataupun tatkala menyapa seseorang lelaki yang sudah berusia. Namun dalam BP mereka tidak menyapa seorang lelaki yang lebih berusia sebagai *le père* seperti yang diterjemah dalam LJDL :63 “ *Père Abu vous allez où?* (Pak Abu nak ke mana?). Dalam konteks bahasa Perancis *Le père* hanya digunakan sebagai rujukan orang ketiga sahaja. Selain daripada itu dalam agama Kristian *le père* adalah rujukan kepada paderi (sama seperti *father* dalam bahasa Inggeris). Apabila menyapa kata ganti diri ‘*vous*’ digunakan bagi situasi formal. Bagi situasi hubungan peribadi yang rapat bagi yang menyapa dan disapa ‘*tu*’ digunakan contohnya “*ah tu es là mon oncle*” (LJDL:10). Di sini menunjukkan hubungan rapat antara penyapa dan yang disapa kerana yang disapa adalah bapa saudaranya. Perbezaan penggunaan kata Pak merujuk kepada konteks dan bagi setiap perbezaan konteks penggunaan leksikal lain digunakan.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
16.Mak	Panggilan kepada ibu Panggilan kepada wanita berusia/separuh umur Singkatan kepada emak. (KD:979)	<i>La mère</i>	<i>Femme qui a donné naissance à un ou plusieurs enfants - femme qui élève un ou plusieurs enfants</i> [Wanita yang melahirkan seorang atau beberapa orang anak. wanita yang membesarkan/memelihara anak-anak. (LPR: 1612)

Jadual 4.14: Analisis Data 16

Komponen	Perempuan	Berusia	Ibu	Kata	panggilan
Leksikal			seseorang	singkatan	
Pak	+	+	+/-	-	+
<i>La mère</i>	+	+	+	+	-
(f)					

Sama seperti Pak pengguna Mak juga merujuk pada seorang wanita yang berusia. Dalam RH contohnya Mak Sinah adalah isteri kepada Pak Kia. Mak juga digunakan apabila menyapa perempuan yang sudah berusia. Dalam LJDL Mak diterjemahkan sebagai *La mère* contohnya *La mère Sinah*. Namun apabila menyapa kata ganti 'tu' digunakan.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
17.Pak Lang	Panggilan kepada bapa saudara ketiga	<i>Oncle</i>	<i>frère du père ou de la mère</i>
	Panggilan kepada orang separuh umur		[Abang kepada ibu atau bapa]
	(KD:1115)		(LPR :1781)

Jadual 4.15: Analisis Data 17

Komponen	Lelaki	panggilan	Anak	Abang bapa atau
Leksikal			ketiga	ibu
Pak Lang	+	+	+	+
<i>L'oncle</i>	+	-	+/-	+
(<i>m</i>)				

Pak Lang adalah kata panggilan bagi lelaki tidak kira bapa saudara sebelah ibu ataupun bapa. Pak Lang adalah sapaan bagi bapa saudara yang merupakan anak ketiga dalam keluarga. Ia juga berkemungkinan adik ataupun abang kepada bapa ataupun ibu. Pak Lang tidak semestinya berusia daripada penyapa namun penyapa harus memanggilnya Pak Lang berdasarkan kedudukannya sebagai bapa saudara. *Oncle* pula rujukan umum bagi bapa saudara dalam BP. Panggilan *oncle* tidak mengira kedudukan

atau hirarki dalam keluarga. Namun dalam bentuk sapaan penyapa akan menggunakan kata ganti nama 'tu'.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
18.Abang	-Saudara kandung lelaki (yang lebih tua) -Kata panggilan kepada saudara kandung atau lelaki yang lebih tua yang bukan saudara kandung -Panggilan kepada suami (KD:2)	<i>Tu</i>	<i>sujet, deuxième personne du singulier de deux genres.</i> [kata ganti nama orang kedua] (LPR :2700)

Jadual 4.16 : Analisis Data 18

Komponen Leksikal	Lelaki	Kata Panggilan	Kata ganti nama	berusia	Hubungan rapat
Abang	+	+	+/-	+/-	+
Tu	+/-	-	+	+/-	+

Dalam RH panggilan „abang“ bukan sahaja digunakan untuk merujuk pada lelaki yang berada di atas dalam hirarki kekeluargaan namun digunakan sebagai panggilan untuk lelaki yang lebih tua sedikit dari penyapa namun dalam terjemahan LJDL penterjemah menggugurkan kata panggilan abang bagi Abang Karim dan Abang Mat kepada Mat dan Karim sahaja. Dalam RH Pak Kia adalah abang kepada Zaidi dan dia memanggil abangnya Pak Kia dengan panggilan „abang“.

“... itulah abang. Saya ajak abang belajar tak mahu” (RH :33).

“*Je t’ai déjà invité plusieurs fois à venir étudier le Coran avec nous...*”

(LJDL:32).

Penterjemah menggunakan perkataan *t’* atau ‘*tu*. ‘*Tu*’ adalah kata ganti diri yang kedua kegunaan *tu* adalah bagi menyapa orang yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat. Di sini tiada kesepadanan abang dalam budaya sasaran dan penterjemah telah menggugurkan abang dalam teks sasaran. Namun dalam BP mereka tidak pernah menyapa orang yang lebih tua ataupun abang sendiri sebagai *le frère* (abang dalam BP) kerana mereka lebih senang menggunakan nama atau kata ganti diri *tu*. Dalam agama Kristian *le frère* juga adalah rujukan untuk orang yang menganut agama yang sama (saudara seagama) (LPR: 1129).

Daripada lapan leksikal yang dianalisis kesemuanya berjaya diterjemahkan menggunakan kaedah penerangan atau parafrasa dan juga kaedah penyesuaian.

Walaupun dari segi perbandingan budaya terdapat sedikit perbezaan dari makna konteks dan rujukan dalam sosiobudaya Perancis dan Melayu.

Contoh 1: Penggunaan Pak dalam bahasa Melayu digunakan sebagai kata sapaan, panggilan atau kata ganti diri.

Pak Abu nak ke mana?

Pak Abu boleh menjawab : Aku nak ke kedai ataupun Pak Abu nak ke kedai .

Bentuk sapaan dan panggilan dalam bahasa Perancis : *vous allez où?* Atau bagi situasi tidak formal : *Où vas-tu?*

Agak janggal jika penggunaan “ *Père Abu vous allez où?* (Pak abu nak ke mana?). (LJDL :63) kerana kaedah ini menjurus kepada terjemahan literal.

Contoh 2: Penggunaan abang dalam budaya Melayu digunakan sebagai kata panggilan untuk abang kandung, lelaki yang lebih tua atau panggilan kepada suami.

Dalam RH terdapat beberapa situasi penggunaan abang iaitu panggilan Zaidi kepada Pak Kia (abang kandung). Panggilan kepada lelaki lebih tua , contoh panggilan Udin kepada Mat, Mat adalah pekerja di kedai bapanya.

“ Abang Mat kalau ayah balik katakan Udin ikut Pak Ngah” (RH:10).

“Mat quand mon père rentrera, dis-lui que je suis avec mon oncle”.

[Mat jika ayah saya pulang beritahu dia yang saya bersama pakcik saya]

Jelasnya dalam (LJDL :11) leksikal abang telah digugurkan. Dalam konteks bahasa Melayu, sebagai menunjukkan rasa hormat dan mesra, abang juga digunakan sebagai kata panggilan kepada suami namun di dalam data, konteks ini tidak digunakan. Selain daripada itu jelas menunjukkan dalam terjemahan, kata panggilan diterjemah sebagai kata ganti diri.

4.4.3 Budaya material / bahan budaya

Dalam kajian ini pengkaji telah menemui sebanyak 170 leksikal berkaitan bahan budaya. Dalam RH leksikal berkaitan kategori ini paling banyak. Namun pengkaji akan memperturunkan data sebanyak 17 data sahaja.

a) Makanan

Leksikal	Makna denotasi	Leksikal	Makna denotasi
19.Ubi kayu bakar	Makanan berasaskan ubi kayu. Di masak dengan cara dibakar dalam api (KD:1754)	<i>Manioc grillée</i> (m)	<i>Arbriessseau des régions tropical,dont la racines fournit une fécule alimentaire</i> <i>Grillée-Faire cuir à sec sur des charbons ou de la braise</i> [Pokok kawasan tropika, yang menghasilkan kanji, panggang- Masak secara kering atas arang atau kayu api. (LPR :1561)

Jadual 4.17 : Analisis Data 19

Komponen	Ubi kayu	Arang	Api	bara	Bakar
Leksikal					
Ubi kayu bakar	+	+	+	+	+
<i>Manioc grillée</i> (m)	+	+	+	+	+

Ubi kayu bakar adalah makanan yang selalu dimakan oleh masyarakat Melayu tradisional golongan petani kira-kira sejak berabad dulu. Dalam BP ubi kayu bakar diterjemah sebagai *Le manioc grillé*. Penterjemah menggunakan kaedah penerangan kerana dalam budaya Perancis tidak terdapat makanan sebegini namun secara metod

nya *grillé* dapat memahami pembaca sasaran apakah yang dimaksudkan dengan ubi kayu bakar.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
20.Keledek rebus	Makanan berasaskan ubi keledek. -Ubi keledek (Sejenis ubi manis, pokok memanjat) (KD: 714) -Rebus: masak dalam air (KD: 1300)	<i>des patates douces bouillies (f)</i>	<i>Liane tropicale Cultivée pour ses gros tubercules comestibles à chair rosée et sucrée Douce- qui a un goût faible ou sucré Bouillies-cuire dans un liquid qui bout</i> [Pokok menjalar tropika , lanya ditanam untuk ubinya yang bersaiz besar, yang boleh dimakan dengan isi merah jambu dan manis-lembut , mempunyai rasa yang agak manis. Dimasak dalam cecair yang menggelegak] (LPR:1868)

Jadual 4.18 :Analisis Data 20

Komponen	keledek	Ubi manis	rebus	Air menggelegak
Keledek rebus	+	+	+	+
<i>des patates douces bouillies</i>	+	+	+	+

Keledek rebus juga seperti ubi kayu bakar yang menjadi kegemaran masyarakat Melayu pada masa tersebut tambahan pula apabila dihidangkan dengan kelapa kukur dan juga gula kabung. Dalam LJDL keledek rebus diterjemah sebagai *des patates douces bouillies*.

Dalam RH:59 keledek rebus dengan kelapa kukur yang ditabur gula kabung di terjemah sebagai *des patates douces bouillies saupoudrées de noix de coco râpée et de sucre* (LJDL: 55) [Keledek yang ditaburi kelapa dan gula]. Dari segi semantik sememangnya tidak berbeza kerana diterjemah secara langsung, namun gula kabung tidak dapat diterjemah tepat kerana hanya diterjemah sebagai gula (*sucre*).

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
21. Ikan pekasam	Ikan yang dibubuhi garam dan asam dan disimpan agak lama (KD:1161)	<i>Poissons salés</i>	- <i>Poisson salé qui a le goût du sel conservé dans du sel</i> [Ikan masin-Mempunyai rasa garam dan diperap dalam garam] (LPR :2352)

Jadual 4.19 : Analisis Data 21

Komponen	Ikan	Garam	Asam	Peram	kering	jemur
Leksikal						
Ikan pekasam	+	+	+	+	-	-
<i>Des Poissons salés</i>	+	+	+	-	+	+

Ikan pekasam adalah sejenis makanan yang dari segi penyediaannya adalah ikan yang dijeruk. Manakala *poissons salés* dari segi makna lebih kepada ikan kering. Oleh kerana dari segi konsep ikan pekasam tidak dapat dijelaskan dalam bahasa sasaran, penterjemah menggunakan kaedah penyesuaian dengan menggantikan dengan ikan kering.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
22.Gulai kambing	Makanan yang berasaskan daging kambing dimasak berkuah menggunakan santan dan rasanya sedikit pedas. (KD: 487)	<i>Ragout de mouton (m)</i>	<i>Cequi donne du piquant, reveille l'intérêt -Piment -Met composé de morceaux de viande / mouton.</i> [ditambah rempah, membangkitkan selera,bersama lada Dimasak dengan kepingan daging / kambing] (LPR:2156)

Jadual 4.20 : Analisis Data 22

Komponen	Daging	Santan	rempah	berkuah	pedas
Leksikal	kambing				
Gulai kambing	+	+	+	+	-
<i>Ragout de mouton (m)</i>	+	-	+	-	+/-

Di sini kita dapat lihat bahawa bagi masyarakat Melayu gulai kambing adalah sejenis makanan yang dimasak dengan santan dan rempah dan rasanya agak pedas . Manakala dalam LJDL diterjemahkan sebagai *ragout de mouton* makna denotasinya adalah *Ce qui donne du piquant, reveille l'intérêt, avec du piment. Met composé de morceaux de viande / mouton.* [ditambah rempah, membangkitkan selera, bersama lada dan dimasak dengan kepingan daging / kambing]. Berdasarkan kaedah pembuatannya di sini gulai kambing dan *ragout de mouton* bukanlah jenis masakan yang sama namun penterjemah cuba memberi gambaran kepada pembaca sasaran bahawa gulai kambing sama seperti *ragout de mouton*.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
23.Sambal ikan bilis	Makanan yang berasaskan Ikan bilis. Digoreng dengan cili dan bawang. Rasanya pedas (KD:1378)	<i>des sambal aux anchois</i>	<i>Des sambal- Puré du piment [pes cili] Anchois- Petit poisson de mer, consommé mariné et salé [ikan bilis- ikan kecil daripada laut yang diperap dan dimasinkan untuk dimakan]</i> (LPR: 91)

Jadual 4.21 : Analisis Data 23

Komponen	Ikan bilis	Goreng	cili	bawang
Leksikal				
Sambal ikan bilis	+	+	+	+
<i>des sambal aux anchois</i>	+	+	+	+

Sambal ikan bilis adalah makanan yang diperbuat daripada ikan bilis yang digoreng bersama cili dan bawang. Dalam LJDL penterjemah telah menggunakan kaedah pinjaman bagi istilah sambal dan dalam BP tiada perkataan sambal. Namun penterjemah telah menjelaskan makna sambal sebagai *purée de piment* iaitu pes cili. *Des sambal* diambil daripada perkataan bahasa Melayu namun tidak terdapat dalam kamus bahasa Perancis.

b) **Pakaian**

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
24.Kain sarung	Kain yang dijahitkan ,dicantumkan hujung dan pangkalnya dan dipakai untuk menutup tubuh dari pinggang kebawah (KD:1394)	<i>Sarong (m)</i>	<i>Mot malais, Pièce d'étoffe drapée à la manière d'une jupe que portent les hommes et les femmes de Malaisie, d'Indonésie</i> [perkataan melayu, Sekeping kain yang mana cara pemakaiannya adalah seperti skirt yang dipakai oleh lelaki dan wanita Malaysia, Indonesia] (LPR : 2364)

Jadual 4.22 :Analisis Data 24

Komponen	kain	wanita	Tutup dari
Leksikal			Pinggang ke bawah
Kain sarung	+	+	+
<i>Sarong</i>	+	+	+/-

Kain sarung adalah pakaian yang biasanya dipakai oleh wanita. Fabriknya diperbuat dari kain batik. Dalam kamus *Le Petit Robert* menyatakan sarong adalah, *la manière d'une jupe que portent les hommes et les femmes de Malaisie, d'Indonésie* maksudnya, kain yang dipakai oleh lelaki dan wanita dari Malaysia dan Indonesia. Ini bermaksud sarong yang dirujuk dalam BP adalah sama.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
25. Baju gombang	Baju kurung- Pakaian tradisional Bertebuk bulat di leher, dengan sedikit bukaan di bahagian dada Berlengan panjang dan berpesak di kiri dan kanan (KD:480) sila rujuk juga baju kurung (KD: 857)	<i>Une tunique</i> <i>traditionnelle (f)</i>	<i>Dans l'Antiquité</i> <i>Vêtement de dessous, chemise</i> <i>longue, avec ou sans</i> <i>manches</i> [Dipakai pada zaman lampau. Pakaian dalam, baju panjang dengan atau tanpa lengan] (LPR :2704)

Jadual 4.23 : Analisis Data 25

Komponen	Pakaian	Baju	Leher	Lengan	pesak	Pakaian
Leksikal	tradisional	kurung	bulat	panjang		Di dalam
Baju gombang	+	+	+	+	+	-
<i>Une tunique</i>	+	-	+	+/-	-	+
<i>traditionnelle (f)</i>						

Baju gombang adalah pakaian tradisonal yang menyerupai baju kurung di mana berleher bulat dan berpesak di kiri dan kanan manakala *une tunique traditionnelle (f)* pula di pakaian sebelah dalam dan kadangkala ia diperbuat berlengan dan juga tidak berlengan. Jelas di sini bahawa baju gombang dan *une tunique traditionnelle (f)* tidak sama dari segi makna rujukan.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
26.Songkok	Tutup kepala untuk lelaki Diperbuat daripada baldu (KD:1516)	<i>Songkok (m)</i>	-

Jadual 4.24: Analisis Data 26

Komponen	Tutup kepala	baldu	kostum
Leksikal			lelaki
songkok	+	+	+
<i>Un songkok</i>	+	+	-

Dalam BM songkok adalah sejenis tutup kepala yang dipakai oleh lelaki Melayu yang dipakai sebagai pelengkap pakaian seharian ataupun ketika solat sahaja. Manakala dalam LJDL penterjemah mengekalkan perkataan songkok dan dalam kamus *Le petit Robert* tidak wujud leksikal songkok. Namun penterjemah telah menerangkan bahawa songkok adalah '*une tuque de velours noir qui fait partie du costume traditionnel*

malais'. [sebuah topi dari baldi hitam yang menjadi sebahagian daripada pakaian tradisional melayu-terjemahan pengkaji]

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
27.Semutar	Kain pelilit kepala Dipakai oleh orang lelaki (KD:1443)	<i>foulard enroulé (m)</i>	<i>Foulard- Étoffe de soie et coton très légère .Que l'on porte autour du cou ou en pointe sur la tête Enroulé-sur , autour d'une autre [Balutan kepala daripada kain kapas dan sutera , nipis, ringan. Di pakai di kepala atau diikat di leher. Membaluti atas atau mengelilingi sesuatu] (LPR: 1113)</i>

Jadual 4.25: Analisis Data 27

Komponen	Pelilit	Kain kapas	Kostum
Leksikal	kepala		lelaki
Semutar	+	+	+
<i>foulard enroulé (m)</i>	+	+/-	-

Kain semutar ialah pelilit kepala yang diperbuat daripada kain kapas yang digunakan oleh lelaki manakala *foulard enroulé* pula pelilit leher atau kepala yang diperbuat daripada kain sutera atau kapas yang nipis dan ringan. Dalam Le Petit Robert, *Foulard* bermaksud 'Étoffe de soie et coton très légère. Que l'on porte autour du cou ou en pointe sur la tête'. Material *foulard* adalah daripada kain sutera tidak sama dengan semutar yang diperbuat daripada kain kapas. Di sini walaupun penterjemah dapat menyatakan bahawa semutar seperti *foulard* yang berfungsi sebagai pelilit kepala namun tidak dapat menyampaikan maksud sebenar leksikal tersebut.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
28.Capal	Selipar yang diperbuat daripada kulit, rupanya seakan-akan selipar jepun, cerpu (KD: 247)	<i>Sandale (f)</i>	<i>Chaussure légère faite d'une simple semelle retenue par des cordons ou des lanières qui s'attachent sur le dessus du pied</i> [Kasut ringan yang diperbuat daripada tapak yang diikat oleh tali atau tali yang diikat pada bahagian atas kaki] (LPR : 2357)

Jadual 4.26: Analisis Data 28

Komponen	Selipar	kulit	Seperti selipar Jepun	Kasut ringan	diikat	bertali
Capal	+	+	+	-	-	-
<i>Sandale</i>	+	+/-	-	+	+	+

Capal adalah sejenis kasut yang disarung seperti selipar Jepun dan diperbuat daripada kulit. *Sandale* pula kasut ringan yang bertali dan diikat. Dari segi bentuk juga sangat berbeza.

c) **Bahan budaya lain**

Selain daripada makanan dan pakaian, terdapat juga bahan budaya lain yang terdiri daripada alat-alat yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam kehidupan seharian.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
29. Tikar mengkuang	Mengkuang-sejenis pokok yang boleh dibuat tikar dan daunnya berduri. Tikar mengkuang-hamparan daripada anyaman daun mengkuang. (KD:1019)	<i>La natte de feuille de mengkuang</i>	<i>La natte- genre de tapis réalisé avec des fils végétaux entrelacés.</i> [Sejenis tikar yang diperbuat dengan tali daripada tumbuhan dan ianya berjalin] (LPR: 1711)

Jadual 4.27 : Analisis Data 29

Komponen	Daun	Anyam	Tempat duduk
Leksikal	mengkuang		
Tikar mengkuang	+	+	+
<i>La natte de feuille de mengkuang</i>	+	+	+

Di sini penterjemah telah meminjam perkataan mengkuang. Mengkuang didefinisikan sebagai *une plante dont les feuilles sont tressées pour en faire des nattes, des paniers, et toutes sortes d'objets domestiques* (tumbuhan yang mana daunnya dianyam untuk membuat tikar, bakul dan berjenis-jenis peralatan domestik). Jelasnya di sini *la natte de feuille de mengkuang* adalah terjemahan langsung bagi tikar mengkuang. Hal ini disebabkan dalam bahasa sasaran, penterjemah tidak dapat mencari padanan leksikal bagi tikar mengkuang lalu penterjemah menggunakan strategi penerangan selain itu menjelaskan fungsi mengkuang itu sendiri sebagai maklumat tambahan kepada pembaca sasaran dalam bahagian nota di belakang buku.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
30. Gerobok makanan	Sejenis almari untuk menyimpan makanan (KD: 466)	<i>Le buffet</i>	<i>-meuble servant généralement à ranger la vaisselle, les couverts, etc.</i> [perabot biasanya digunakan untuk menyimpan pinggan mangkuk, sudu, dan lain-lain] (LPR: 314)

Jadual 4.28: Analisis Data 30

Komponen	Almari	Tempat	Simpanan	Peralatan	Perabut
Leksikal		Menyimpan	makanan	dapur	
Gerobok	+	+	+	-	+
makanan					
<i>Le buffet</i>	+	+	-	+	+

Dari segi fungsi gerobok dan *le buffet* kedua-duanya adalah tempat menyimpan namun *le buffet* lebih kepada tempat menyimpan pinggan mangkuk dan terletak di bahagian dapur. Dari segi bentuk *le buffet* dan gerobok boleh dikatakan sama namun kegunaan kedua-dua item ini berbeza .

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
31.Pekan sari	tempat yang ramai serta banyak bangunannya untuk berbagai-bagai tujuan; bandar. -tempat orang berjual beli; pasar: ~ sari (sehari) pekan yang diadakan hanya sehari dalam seminggu. (KD:1161)	<i>marché</i>	<i>lieu public de vente et d'achats de biens et de marchandises</i> - <i>ensemble des débouchés de vente d'un produit</i> [tempat awam untuk penjualan dan pembelian barangan - Segala yang berkaitan dengan penjualan produk] (LPR:1569)

Jadual 4.29 : Analisis Data 31

Komponen	Pasar	Tempat jual sayur-	Sehari	Setiap hari
Leksikal		sayuran dan pelbagai	seminggu	
Pekan sari	+	+	+	-
<i>Marché</i>	+	+	-	+

Pekan sari dalam (RH :9) diterjemahkan sebagai *marché* (LJDL :10) kerana *marché* suasananya tertutup atau di dalam bangunan tetapi pekan sari atau kadangkala dikenali sebagai pasar sari ini adalah tempat perniagaan di kawasan terbuka dan di pasar sari adalah tempat petani memasarkan tanaman mereka tambahan pula pekan sari diadakan sehari dalam seminggu manakala *marché* biasanya beroperasi setiap hari. Dari segi konsep pekan sari dan juga *marché* berbeza.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
32.Kepuk padi	Tempat menyimpan padi yang berbentuk bulat dan dibuat daripada kulit kayu (KD: 748)	<i>le grenier à riz</i>	<i>Le grenier- partie d'un bâtiment de ferme, d'ordinaire située sous les combles, où l'on conserve les grain et les fourrages.</i> Sebahagian daripada sebuah bangunan ladang, biasanya terletak di loteng, di mana bijirin dan makanan ternakan disimpan. (LPR: 1216)

Jadual 4.30: Analisis Data 32

Komponen	Bentuk	Binaan	Sebahagian	Tempat	Tempat	Loteng
Leksikal	bulat	daripada kulit kayu	daripada bangunan ladang	simpanan Padi/ bijirin	simpanan Makanan ternakan	
Kepuk padi	+	+	-	+	-	-
<i>le grénier à riz</i>	-	+/-	+	+	+	+

Leksikal ini boleh dijumpai dalam (RH:2) dan (LJDL:4). Bagi masyarakat Melayu kepek padi dijadikan tempat simpanan padi. Kebiasaannya kepek padi diletakkan di kawasan sawah padi. Berbeza dengan *le grénier* yang menjadi sebahagian daripada bangunan di ladang dan biasanya kedudukannya di loteng. *Le grénier* dijadikan tempat simpanan bijirin dan juga tempat simpanan makanan ternakan. Dalam terjemahan penterjemahan menggunakan leksikal *le grénier à riz* bagi menyesuaikan dengan kegunaan kegunaan kepek padi.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
33. Surau	bangunan yang lebih kecil daripada masjid, tempat orang-orang Islam beribadat (bersembahyang) belajar agama dan lain-lain. (KD:1550)	<i>petite mosquée</i>	<i>lieu de culte pour les musulmans</i> - Petite de mosquée [Tempat ibadah bagi umat islam Kecil dari masjid] (LPR:1676)

Jadual 4.31 : Analisis Data 33

Komponen	Tempat	Tempat	Kapisiti jemaah	Masjid	kecil
Leksikal	beribadah	Belajar agama	sedikit		
Surau	+	+	+	-	+
<i>petite</i>	+	+	+	+	+
<i>mosquée</i>					

Kedua-dua surau dan *petite mosquée* digunakan sebagai tempat beribadat bagi orang Islam selain daripada masjid namun surau dapat menampung bilangan jemaah yang sedikit berbanding masjid. Binaannya juga sedikit kecil dari masjid. Dalam BP tidak wujud leksikal ini dan penterjemah telah menterjemah secara langsung dengan memberi gambaran kepada pembaca sasaran bahawa surau adalah seperti masjid kecil. Sinonim bagi surau adalah musola tetapi ini adalah kata pinjaman dalam bahasa Arab. Dalam bahasa Perancis surau juga dipanggil *la salle de la prière*.

Beberapa orang berkumpul di **surau** (RH:27)

*Plusiers hommes étaient rassemblés à l'intérieur de la **petite mosquée**.*

(LJDL :26)

Selain daripada itu leksikal budaya lain ialah madrasah yang diterjemah sebagai *des instructeurs religieux démodé*.

... timbul **madrasah-madrasah** yang radikal yang mengajar murid-murid supaya menghargai waktu dan peraturan (RH:30)

*Il y a **des instructeurs religieux démodé** qui enseignent les conditions et les principes de la foi tellement .* (LJDL :29)

[ada pengajar agama yang ketinggalan zaman yang mengajar syarat-syarat dan prinsip-prinsip iman]

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
34.Madrasah radikal	-tempat belajar terutama tentang hal-hal agama Islam; sekolah. Radikal-Aspek atau sifat asas sesuatu Cenderung pada sesuatu (KD:973) Sila rujuk juga radikal di (KD: 1275)	<i>des instructeurs religieux démodé.</i>	<i>Instructeur-personne qui instruit –éducateur,professeur. (par exemple: religieux)</i> [Seseorang yang mengajar-pendidik,guru. (contohnya agama)] <i>démodé.- plus de mode, obsolète, périmé,rétro.</i> [Ketinggalan zaman, lapuk, tidak boleh dipakai lagi, ketinggalan] (LPR:1379) Sila rujuk juga <i>démodé di</i> (LPR: 682)

Jadual 4.32 : Analisis Data 34

Komponen	Manusia	Binaan	Tempat	sekolah	agama	pengajar	Lapuk
Leksikal			belajar				/ketinggalan zaman
Madrasah radikal	-	+	+	+	+	-	-
<i>des</i>	+	-	-	-	+	+	+
<i>instructeurs</i>							
<i>religieux</i>							
<i>démodés.</i>							

Apabila merujuk kepada makna madrasah secara persendirian terjemahan ini adalah terjemahan salah dalam (RH :30). Madrasah-madrasah yang radikal merujuk kepada aktiviti madrasah yang dijadikan tempat mengajar agama dan menyampaikan ilmu secara radikal. Manakala dalam LJDL pula ia merujuk kepada guru-guru yang menyampaikan ilmu yang lama dan tidak menerima perubahan. Dalam bahasa Perancis *demodés* juga tidak sesuai sebagai rujukan bagi manusia kerana *demodé* biasanya digunakan bagi merujuk kepada konsep, benda atau fesyen (fesyen yang ketinggalan) iaitu berlawanan dengan *à la mode* (mengikuti perkembangan fesyen atau yang terkini).

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
35.Balai	gedung, rumah (untuk awam), pejabat; rumah (gedung, bangunan) dlm lingkungan tempat orang kampung membuat perjumpaan atau mengadakan mesyuarat. (KD:114)	<i>Le pavillon</i>	- <i>Construction légère élevée dans un jardin, un parc etc. Et destinée surtout d'abri -Petit bâtiment isolée dans un jardin, un parc. [Binaan sedikit tinggi di taman dan lain-lain. Dan terutamanya untuk berlindung. Bagunan kecil terpencil di taman]</i> (LPR:1876)

Jadual 4.33 : Analisis Data 35

Komponen	Tempat	Ruangan	Pejabat	Gedung	Dalam	Bangunan
Leksikal	berlindung	bilik			lingkungan	kecil
Balai	+	+	+	+	+	-
<i>Le pavillon</i>	+	-	-	-	-	+

Terjemahan *le pavillon* kurang tepat bagi menyatakan makna balai kerana balai adalah satu tempat, bangunan yang dalamnya terdapat ruangan sama ada tempat bermesyuarat dan berada dalam lingkungan. Dalam BM terdapat beberapa jenis balai contohnya balai penghulu, balai rong di istana dan juga balai raya, balai polis, balai

bomba. Manakala *le pavillon* pula lebih merujuk kepada rumah persendirian yang bersaiz kecil atau tempat berteduh dan biasanya dibina di taman-taman.

Daripada tujuh belas data yang dianalisis kesemuanya berjaya diterjemahkan menggunakan kaedah terjemahan literal, kaedah penerangan dan kaedah pinjaman. Dari aspek semantik terdapat sedikit perbezaan mengikut makna rujukan.

Contoh 1: terjemahan menggunakan kaedah penyesuaian: Capal diterjemah sebagai *sandale*.

Contoh 2: Ikan pekasam diterjemah sebagai *des poissons salés*

Kaedah pinjam terjemahan juga digunakan oleh penterjemah bagi mengekalkan budaya Melayu dalam teks sasaran kerana tiada leksikal yang sepadan. Contohnya sarung diterjemah sebagai *un sarong* dan songkok pula diterjemah kepada *un songkok*. Kedua-dua pakaian ini sinonim dengan budaya Melayu.

4.4.4 Budaya Organisasi, konsep, kepercayaan adat resam dan nilai kesenian

Dalam mengenalpasti leksikal bagi kategori ini pengkaji memecahkan kepada subkategori iaitu kepercayaan atau keagamaan, adat resam, konsep, organisasi dan nilai artistik ataupun kesenian.

a) Kepercayaan /keagamaan

Dalam subkategori ini kebanyakan leksikal menjurus kepada leksikal yang berunsurkan kepercayaan dan konsep dalam agama Islam.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
36.Mazhab	Cabang ajaran islam yang diikuti oleh umat islam Aliran fahaman atau ajaran (KD:1010)	<i>Mazhab,branche (f)</i>	<i>Ramification ou division (d'un œuvre, d'un système complexe)</i> [Cabang atau bahagian, pekerjaan, sistem yang kompleks] (LPR:297)

Jadual 4.34: Analisis Data 36

Komponen	Agama	Ajaran	Fahaman	Cawangan	Bahagian
Leksikal	Islam				
Mazhab	+	+	+	+	-
<i>Branche</i>	-	-	-	+	+

Mazhab adalah ajaran dan fahaman dalam mengamalkan ajaran islam . Dalam Islam terdapat beberapa mazhab. Manakala dalam LJDL mazhab diterjemahkan sebagai mazhab dan penterjemah menggunakan strategi penerangan iaitu :

Agama kita ini ada mazhab-mazhab (RH:12)

Dans notre religion il y a plusieurs mazhab, plusieurs branches (LJDL: 12)

Melalui analisis *branche* dikatakan sebagi cabang dan cabang ini merujuk kepada fahaman-fahaman dalam Islam. Di sini menunjukkan *branche* tidak dapat mencapai maksud mazhab.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
37.Doa dan wirid	Potongan ayat dari Al Quran Memohon kepada Tuhan Zikir dibaca selepas sembahyang. (KD:358) sila lihat juga (KD: 1807)	<i>La prière et la supplication</i>	<i>Prière faite avec insistance ou soumission</i> =adjuration, imploration <i>Commandement au nom de Dieu</i> [Doa yang dibuat dengan bersungguh-sungguh, penyerahan. Perintah berdoa dengan nama Tuhan] (LPR:2068 sila lihat juga LPR:2521)

Jadual 4.35 : Analisis Data 37

Komponen	Potongan ayat	Meminta	Puji-pujian	Dengan nama	Zikir
Leksikal	Al Quran			Tuhan	Selepas sembahyang
Doa dan wirid	+	+	+	+	+
<i>La prière et la supplication</i>	-	+	-	+	-

Melalui analisis doa adalah perlakuan meminta dan memohon sesuatu kepada Tuhan (Allah) disertakan dengan lafaz ayat Al Quran. Wirid biasanya dilakukan selepas sembahyang sebelum doa. Manakala *la prière et la supplication* pula perlakuan

meminta dengan nama Tuhan dan sebahagian daripada aktiviti sembahyang. Di sini leksikal *la prière et la supplication* tidak dapat memenuhi kesepadanan makna doa dan wirid.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
38.Bersuci	Membersihkan diri sebelum mengerjakan sembahyang, wuduk Membersihkan diri daripada kekotoran. (KD: 1531)	<i>Se purifier</i>	<i>Rendre pur ,Laver,débarrasser de ce qui souille en se conformant à certains rites religieux.</i> [Menjadikan bersih, mencuci, membuang apa yang mencemari dengan mematuhi peraturan keagamaan tertentu.] (LPR:2121)

Jadual 4.36 : Analisis Data 38

Komponen	Bersih diri	Mandi	Sebelum	Peraturan agama
Leksikal			sembahyang	
Bersuci	+	+	+	+
<i>Se purifier</i>	+	+	-	+

Bersuci merujuk kepada membersihkan diri daripada segala kekotoran. Perlakuan ini merujuk kepada wuduk ataupun mandi dan dilakukan sebelum menjalankan ibadat sembahyang. Manakala *se purifier* pula lebih kepada membersihkan diri dengan mandi dan mengikut peraturan yang ditetapkan agama.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
39. Sembahyang	Perbuatan menyembah Allah Wajib dikerjakan lima kali sehari semalam (KD: 1435)	<i>La prière (f)</i>	<i>acte par lequel on s'adresse à une divinité, oraison, supplication Texte rituel dit à cette intention [Perlakuan yang mana ia ditujukan kepada Tuhan, doa.] (LPR: 2068)</i>

Jadual 4.37: Analisis Data 39

Komponen	Wajib	Sembah	Meditasi	Penyerahan diri
Leksikal		Allah		
Sembahyang	+	+	-	-
<i>La prière (f)</i>	-	-	+	+

Sembahyang adalah ibadat yang wajib bagi umat Islam dan merujuk kepada perbuatan menyembah Allah. Ibadat ini dilakukan 5 kali dalam sehari. Kata sinonim bagi sembahyang adalah solat. *La prière* pula adalah komunikasi rohani antara makhluk dan Tuhannya. Merujuk kepada penyerahan diri. Istilah ini juga boleh digunakan kepada agama lain selain Islam. Perlakuan ini juga berbentuk meditasi. Di sini *La prière* tidak dapat memberi mana sepenuhnya leksikal sembahyang.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
40.Jampi Mantera	Kata atau ayat yang apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa ghaib/ mendatangkan kesaktian , untuk menyembuhkan penyakit (KD: 605)	<i>Incantation aux démons</i>	<i>Emploi de parole magiques pour opérer une charme, un sortilège; ces paroles</i> <i>Démon = Être surnaturel, bon ou mauvais.</i> [Penggunaan ungkapan sihir untuk membuat jampi/mentera kepada Makhlu halus.Sesuatu yang ghaib boleh jadi baik atau buruk] (LPR: 1330)

Jadual 4.38 : Analisis Data 40

Komponen	Kata atau ayat	Kuasa	Makhluk halus	Sembuhkan
Leksikal		Ghaib		penyakit
Jampi mentera	+	+	+	-
<i>Incantation aux démons</i>	+	+	+	-

Dalam (RH: 141) jampi dan mentera merujuk kepada Tuk Pawang yang menjampi untuk menghalau jin dan penunggu di hutan. Jampi dan mentera merujuk kepada kata atau ayat yang digunakan oleh Tuk Pawang dan jampi dan mentera ini dipercayai dapat menimbulkan kuasa ghaib selain daripada menghalau jin dan penunggu ,ia dapat menyembuhkan penyakit. Manakala *incantation aux démon* (LJDL :123)

adalah terjemahan secara langsung bagi jampi atau mentera dan istilah ini merujuk kepada kata atau ungkapan sihir bagi menghalau makhluk halus (*démon*).

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
41.Penunggu	Hantu atau puaka yang menunggu atau mendiami (KD : 1740)	<i>Demon (m)</i>	<i>Demon=Être surnaturel, bon ou mauvais. Inspirateur de la destinée d'un homme, d'une collectivité</i> [Makhluk halus, baik atau buruk. Menentukan nasib manusia, masyarakat] (LPR:682)

Jadual 4.39: Analisis Data 41

Komponen	Hantu	Puaka	Mendiami	Tentukan	Baik	Makhluk
Leksikal			suatu tempat	nasib		Ghaib
Penunggu	+	+	+	-	-	+
<i>Démon</i>	-	-	-	+	+/-	+

Penunggu adalah makhluk halus seperti hantu ataupun puaka yang mendiami suatu tempat. Contohnya rumah usang ataupun pokok kayu yang besar. Manakala *démon* adalah makhluk ghaib yang boleh jadi baik ataupun buruk dan dikatakan dapat menentukan nasib. Namun kepercayaan masyarakat Melayu penunggu adalah tidak baik kerana mengganggu manusia dan mendatangkan kemudharatan.

b) Kesenian

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
42.Syair	Karangan bersajak Tiap-tiap rangkap terdiri daripada empat rangkap yang sama bunyi hujungnya (KD:1557)	<i>Histoire (f)</i>	<i>Connaissance et récit des événements du passé, des faits relatifs à l'évolution de l'humanité</i> [Pengetahuan dan cerita peristiwa yang lalu, fakta- fakta yang berkaitan dengan evolusi sejarah hidup manusia] (LPR:1269)

Jadual 4.40: Analisis Data 42

Komponen	Karangan	Berangkap	Berima	Dilagukan	Pengetahuan	Cerita/
Leksikal	bersajak		di hujung			peristiwa
Syair	+	+	+	+	-	+
<i>Histoire</i>	-	-	-	-	+	+

Syair adalah cerita kisah hidup manusia yang dijadikan cerita dan dilagukan sewaktu membacanya. Manakala *histoire* pula adalah pengetahuan tentang manusia atau fakta sejarah. Namun ia disampaikan dengan bercerita. Di sini penterjemah tidak dapat menyampaikan makna syair. Dalam (RH: 258) merujuk kepada Syair Siti Zubaidah dan Syair Siti Zubaidah adalah suatu cerita yang sangat masyhur. Dalam (LJDL: 225)

diterjemahkan sebagai *Histoire Siti Zubaidah* iaitu „Cerita atau Kisah hidup Siti Zubaidah. Di sini konsep Kisah Siti Zubaidah yang disampaikan dengan bersyair berserta nilai kesenian lenyap dalam teks sasaran.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
42. Makyung	Drama tari yang dipersembahkan dengan tarian dan nyanyian (KD: 985)	<i>Danse traditionnelle (f)</i>	<i>Action de danser,mouvement du corps volontaires,rythmés , le plus souvent au son de la musique, ayant leur but en eux – mêmes et répondant à une esthétiques. Traditionnelle=Qui est fondé sur la tradition]</i> [Aksi menari, gerakan badan yang tidak dipaksa, berirama, selalunya seiring dengan bunyi muzik, mempunyai matlamat sendiri dan nilai estetika. Tradisional-Berasaskan tradisi] (LPR:623) sila lihat juga <i>traditionelle</i> (LPR: 2650)

Jadual 4.41: Analisis Data 43

Komponen	Tarian	Drama	Nyanyian	tradisional	Muzik
Leksikal					
Makyung	+	+	+	+	+
<i>Danse traditionnelle</i>	-	-	-	+	+

Makyung merujuk kepada drama tari yang menceritakan tentang seseorang yang umumnya dilakonkan dalam loghat kelantan. Manakala *la danse traditionnelle* merujuk kepada gerak tari tradisional biasanya diiringi irama muzik dan mempunyai nilai estetika. Makyung sebahagian daripada tarian tradisional (*la danse traditionnelle*) namun *la danse traditionnelle* tidak dapat menjelaskan makna Makyung yang juga mempunyai ciri-ciri lain iaitu selain menari ia juga memainkan sandiwara.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
44. Zapin	Sejenis lagu dan tarian yang berasal dari tanah Arab (KD:1815)	<i>Danse traditionnelle (f)</i>	<i>Action de danser,mouvement du corps volontaires,rythmés , le plus souvent au son de la musique, ayant leur but en eux –mêmes et répondant à une esthétiques.</i> <i>Traditionnelle=Qui est fondé sur la tradition.</i> [Aksi menari, gerakan badan yang tidak dipaksa, berirama, selalunya seiring dengan bunyi muzik, mempunyai matlamat sendiri dan nilai estetika. Tradisional-bersaskan tradisi] (LPR:623) sila lihat juga <i>traditionnelle</i> (LPR: 2650)

Jadual 4.42: Analisis Data 44

Komponen	Lagu	tarian	Berasal	tradisional	Muzik
Leksikal			Dari Tanah Arab		
Zapin	+	+	+	+	+
<i>Danse traditionnelle</i>	-	+	-	+	+

Zapin merujuk kepada tarian yang berasal dari Tanah Arab dan kini tarian ini sinonim dengan masyarakat Melayu di Johor. Di Malaysia, tarian Zapin mempunyai gaya dan lenggok serta diiringi muzik seperti gambus, rebana, gendang dan rebab. Manakala *la danse traditionnelle* pula merujuk kepada gerak tari tradisional biasanya diiringi irama muzik dan mempunyai nilai estetika. Zapin sebahagian daripada tarian tradisional (*la danse traditionnelle*) namun *la danse traditionnelle* tidak dapat menjelaskan makna Zapin.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
45. Berhikayat	Bercerita,beriwayat, mengisahkan sesuatu,cerita lama. (KD:535)	<i>Conteur (m)</i>	- <i>Person qui conte</i> = <i>narrateur- personne</i> <i>qui raconte des histoires</i> <i>ou d'evenements.</i> [Orang yang bercerita, Pencerita. Menceritakan kisah atau peristiwa] (LPR : 530) sila lihat juga <i>Narrateur</i> di (LPR :1709)

Jadual 4.43 : Analisis Data 45

Komponen	Cerita	riwayat	Tentang	Tentang	Manusia
Leksikal	lama		seseorang	peristiwa	
Berhikayat	+	+	+	+/-	-
<i>Conteur</i>	+/-	-	-	+	+

Apabila disebut berhikayat ia bermaksud cerita-cerita lama berkisarkan seseorang ataupun sesuatu. Ia juga mengisahkan riwayat dan juga untuk tujuan hiburan. Manakala *conteur* pula adalah cerita yang boleh jadi lama dan juga baru dan untuk tujuan hiburan. *Conteur* bermaksud pencerita iaitu merujuk kepada orang menceritakan sesuatu cerita.

Kelima-lima leksikal budaya dalam kategori kesenian bercirikan tradisional telah diceritakan dalam RH : 258 . „ Dia sendiri sudah lama benar tidak mendengar orang **berhikayat** atau melihat **Makyung** tau **berzapin** atau **bergambus**.’dan

(LJDL: 225) „ *Cela faisait longtemps qu’il n’avait pas écouté de conteur ou de joueur de luth, ni regardé de spectacle de danse traditionnelle*’.

Bagi Makyung dan juga Zapin pengkaji telah menggantikan kedua-duanya dengan tarian tradisional. Manakala *conteur* pula dapat disampaikan sebahagian makna sahaja.

4.4.5 Gerak geri dan Kebiasaan

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
46. Memberi salam	Mengucapkan kata hormat, tanda sapaan Contoh : assalamualaikum dll (KD:1373)	<i>L'appelait</i> <i>Assalamualaikum</i>	<i>Inviter quelqu'un à venir en prononcant son nom ,par un mot, un cri un bruit</i> [Menjemput seseorang untuk datang dengan menyebut namanya, dengan perkataan, memanggil] (LPR:117)

Jadual 4.44: Analisis Data 46

Komponen	Mengucapkan	Menjemput	Memanggil	Kata	Sapaan	Salam
Leksikal				hormat		
Memberi salam	+	-	-	+	+	+
<i>L'appelait</i>	-	+	+	-	+	+
<i>Assalamualaikum</i>						

Memberi salam dalam budaya Melayu adalah mengucapkan Assalamualaikum yang bermaksud Salam Sejahtera. Salam juga berfungsi sebagai tanda sapaan. *L'appelait* pula adalah terjemahan langsung yang bermaksud memanggilnya dalam kata lain memanggilnya dan mengucapkan salam.

Dalam (LJD : 37) „*Quel qu'un l'appellait Assalamualaikum. Il connaissait cette voix*'. (Seseorang memanggilnya Assalamualaikum dan dia kenal suara tersebut).


Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
47.Beribadat	Berbuat ibadat,menunaikan suruhan agama (KD: 556)	<i>Prière(f)</i>	<i>Mouvement de l'âme tendant à une communication spirituelle avec Dieu, Par l'élévation vers lui des sentiments des méditations.</i> [Berkomunikasi secara rohani dengan Tuhan] (LPR: 2068)

Jadual 4.45: Analisis Data 47

Komponen	Amalan	Suruhan	Komunikasi	Dengan
Leksikal		Agama	rohani	Tuhan
Beribadat	+	+	-	+
<i>Prière</i>	-	-	+	+

Beribadat adalah amalan yang dilakukan oleh umat Islam khususnya. Beribadat merangkumi puasa, solat dan juga menunaikan Haji. Manakala *Prière* pula sebahagian daripada ibadat iaitu berkomunikasi dengan Tuhan secara rohani sama ada dengan doa ataupun sembahyang. Di sini penterjemah menggunakan strategi leksikal yang umum

kepada khusus. Iaitu ibadat sangat umum di mana di dalam ibadat juga terdapat doa dan sembahyang.



Rajah 4.3: Cabang ibadat

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
48.Bersimpuh	Duduk di atas lantai dengan keadaan Kaki dilipat ke belakang (KD: 1497)	<i>Assis sur la terre</i>	<i>Mettre quel qu'un dans la posture d'appui sur le derrière sur la terre</i> [Meletakkan seseorang dalam kedudukan/postur, yang menekan bahagian belakang/punggung di atas lantai] (LPR:156)

Jadual 4.46: Analisis Data 48

Komponen	Duduk	Atas lantai	Kedudukan kaki
Leksikal			terlipat ke belakang
Bersimpuh	+	+	+
<i>Assis sur la terre</i>	+	+	-

Bersimpuh adalah cara duduk yang sopan dan kebiasaanya dilakukan oleh wanita. Sewaktu bersimpuh posisinya adalah kaki dilipatkan ke belakang. *Assis sur la terre* pula menjelaskan bahawa posisi duduk di atas lantai dengan menekan punggung di atas lantai.

Leksikal	Makna Denotasi	Leksikal	Makna Denotasi
49.Jaram	Menyejukkan kepala dengan air dicampurkan dengan daun-daun kayu. (KD: 610)	<i>Verser un peu d'eau dans ses cheveux</i>	<i>Faire basculer, faire tomber sur la côté en inclinant Faire couler(un liquide)d'un recipient qu'on incline.</i> [Menuang,menumpahkan cecair dengan cara menyenget. Mengalirkan air ke atas kepala] (LPR: 2761)

Jadual 4.47: Analisis Data 49

Komponen	Basah	Sapu	Tuang	Air	Daun-daun kayu
Leksikal					
Jaram	+	+	-	+	+
<i>Verser un peu d'eau dans ses cheveux</i>	+	-	+	+	-

Menjaram biasanya dilakukan untuk menyejukkan kepala. Bahan yang digunakan adalah air yang dicampur dengan daun-daun kayu. Daun-daun kayu tersebut dipercayai mampu menyejukkan kepala. Manakala „*Verser un peu dans ses cheveux*’ [menuang sedikit air dalam rambutnya] adalah perbuatan menyapukan air ke kepala. Di sini, bahan yang digunakan hanya air yang sejuk dan tiada campuran daun-daun kayu. Di situlah terletak perbezaan menjaram dan juga *verser un peu d'eau dans ses cheveux*. Dalam kategori ini banyak makna konsep tidak dapat dijelaskan dengan tepat. Contohnya jaram yang dapat disampaikan kepada pembaca sasaran sebagai menyapu air ke kepala. Begitu juga dengan bersimpuh, oleh kerana cara duduk begini tiada dalam bahasa sasaran. Leksikal ini hanya dapat diterjemah sebagai duduk di atas lantai atau tanah (seperti dalam analisis pada bahagian 4.4)

4.5 Pendekatan terjemahan dan makna

Pada bahagian ini pengkaji akan meninjau leksikal budaya yang telah dianalisis menggunakan analisis komponen dalam bahagian 4.4. Seterusnya pada bahagian ini pengkaji akan meneliti perkaitan faktor terjemahan dan makna. Di samping itu pengkaji

juga akan menilai sama ada sekiranya faktor terjemahan pada leksikal budaya mempengaruhi makna keseluruhan ayat. Pokok perbincangan akan berfokuskan analisis di 4.4.

Berdasarkan analisis data dalam menterjemah aspek yang melibatkan budaya dari teks sumber (Rimba Harapan) ke teks sasaran sasaran (*La Jungle de l'Espoir*) aspek kehilangan makna disebabkan faktor berikut:

4.5.1 Pengekalan aspek semantik bahasa sumber

Kaedah terjemahan semantik yang diperkenalkan oleh Nida (1981) adalah mengekalkan struktur semantik dalam bahasa sumber dan menghasilkan terjemahan menyamai teks sumber. Biasanya penterjemah akan menokok tambah atau menggunakan penerangan berlebihan bagi aspek budaya yang tiada dalam bahasa sasaran. Menurut Goh Sang Seong (2012) hal ini dapat dilihat melalui strategi yang dilakukan oleh penterjemah iaitu:

- a) Cenderung kepada terjemahan berlebihan
- b) Mementingkan makna
- c) Mementingkan pengarang asal
- d) Mementingkan bahasa sumber
- e) Mementingkan bahasa dan mengandungi maklumat yang banyak

Berdasarkan analisis pengkaji, terdapat beberapa budaya dari bahasa sumber yang dikekalkan dan apabila diteliti kelihatan ganjil dengan konteks budaya bahasa sasaran contohnya, apabila penterjemah mengekalkan panggilan Pak Kia sebagai *Le père* Kia ataupun Mak sebagai *La Mère*. Bagi masyarakat Melayu panggilan ini sememangnya sinonim kepada lelaki dan perempuan yang agak berusia. Namun dalam

budaya bahasa Perancis pula mereka tidak memanggil lelaki yang berusia contohnya “Benoit” dengan *Le Père Benoit* atau “Fabienne” dengan panggilan, *La Mère Fabienne*’.

Begitu juga dengan watak Pendekar Atan yang diterjemah sebagai Atan, *Le Guerrier* yang mana *Le Guerrier* bermaksud Pahlawan. Secara hakikinya sikap Pendekar dan juga *Le Guerrier* berbeza kerana Pendekar adalah lelaki yang pandai bersilat dan juga jaguh bermain senjata. *Le Guerrier* pula merujuk kepada tentera dan seorang lelaki yang suka melawan dan sikap suka berperang. Walaupun dari segi makna denotasinya tidak sama namun penterjemah cuma mampu menyampaikan maksud bahawa Pendekar Atan itu seorang yang suka melawan dan bergaduh dengan orang-orang kampung.

Dua contoh di atas diambil dari bahagian yang telah dianalisis dalam kategori sosial. Pengkaji telah mengenalpasti bahawa ini juga berlaku pada kategori lain sama ada ekologi, material dan juga gerak-geri di mana penterjemah akan mengekalkan dan menjelaskan dalam bentuk parafrasa sekiranya aspek budaya tersebut tidak wujud dalam budaya sasaran. Dalam budaya pembaca sasaran tidak wujud makanan dan juga bahan budaya ini.

Contohnya:

Kategori Material

- 1) Tikar Mengkuang – *la natte de feuille de mengkuang*
- 2) Ubi kayu bakar - *manioc grillé*
- 3) Keledek rebus - *des patates douces bouillies*

Penterjemah juga telah mewujudkan leksikal baru dalam bahasa sasaran walau dari segi budaya sasaran agak kelihatan ganjil , contohnya:

- 1) Jampi mentera - *incantation aux démons*
- 2) Kenduri doa selamat- *la nourriture pour la séance de prieres*
- 3) Menyemah/bersemah- *les rites pour apaiser les esprits*

Jampi mentera adalah perbuatan membaca mentera bagi menghalau makhluk halus dan *incantation aux démons* pula kata-kata ajaib ataupun mantra pada makhluk halus. Walaupun dalam ayat asal tidak menyatakan kepada siapa jampi mentera tersebut ditujukan, namun penterjemah tidak dapat menjelaskan bahawa mentera itu dilakukan bertujuan untuk menghalau makhluk halus. Dalam budaya sumber juga jampi serapah pada syaitan dan juga penunggu agak kurang sesuai dan mempunyai konotasi yang tidak baik kerana kadangkala mengandungi elemen yang mempersekutukan Allah (syirik). Begitu juga bersemah atau menyemah adalah perbuatan memberi jamuan makan yang diberi kepada hantu atau makhluk halus. Biasanya upacara ini dibuat sebelum atau selepas menduduki tanah atau kawasan hutan yang dipercayai berpenunggu. Walaupun masyarakat tersebut mengamalkan ajaran Islam namun ketakutan kepada gangguan makhluk halus masih menebal. Manakala *les rites pour apaiser les esprits* merujuk kepada upacara atau ritual bagi menenangkan makhluk halus. Oleh sebab budaya ini tidak wujud dalam masyarakat Perancis, pembaca sasaran cuma dapat memahami jampi dan juga upacara bersemah adalah berkaitan dengan makhluk halus atau syaitan dan hantu.

4.5.2 Kesepadanan budaya dalam teks sasaran

Menterjemahkan budaya adalah satu proses yang sangat kompleks kerana bahasa dan budaya sangat berkait rapat. Aspek „makna“ merupakan hubungan asas dalam menyampaikan mesej yang terdapat dalam teks sumber kepada pembaca sasaran.

Dalam kajian ini pengkaji mendapati bahawa penterjemah banyak mengekalkan maklumat yang hampir dengan budaya bahasa Perancis dengan menggunakan istilah yang umum. Selain itu, dalam sesetengah keadaan mengekalkan budaya sumber namun diberi penjelasan di bahagian akhir bab namun kurang menepati konteks budaya Perancis. Terjemahan kurang berlaku apabila fitur semantik dalam leksikal dalam bahasa sumber tidak diterjemahkan sebaiknya. Namun bagi menampung ketiadaan leksikal yang sepadan dalam bahasa sasaran penterjemah menggunakan perkataan yang umum. Sesuatu teks yang mementingkan budaya dalam teks sasaran menurut Goh Sang Seong (2012) dapat dikenalpasti melalui aspek berikut:

- Lebih cenderung kepada terjemahan kurang
- Mementingkan mesej
- Mementingkan pembaca sasaran
- Mementingkan budaya bahasa sasaran
- Mementingkan fungsi

Selain daripada itu aspek ini disebabkan oleh kekurangan atau ketiadaan sesetengah istilah (*lexical gaps*) yang merujuk kepada sesuatu benda atau perlakuan lalu penterjemah mengambil jalan singkat menggugurkan atau menggantikan dengan leksikal yang lebih umum.

Pucuk-pucuk kemahang bergoyang-goyang dilanda arus tetapi belum tenggelam. (RH: 15)

Les plantes qui poussaient sur la berge s'agitaient sous l'effet du courant
(LJDL :16).

Pucuk kemahang telah diterjemah sebagai *les plantes* dan dapat dilihat secara jelas di sini bahawa *les plantes* bermaksud tumbuh-tumbuhan dan pucuk kemahang adalah hiponim dari domain tumbuh-tumbuhan. Oleh kerana ketiadaan leksikal bagi menterjemahkan pucuk kemahang iaitu sejenis tumbuhan herba dan daunnya gatal

apabila tersentuh penterjemah menterjemah sebagai *les plantes* iaitu sejenis tumbuhan dan juga renek. Aspek fitur semantik yang hilang dalam *les plantes* adalah tumbuhan herba dan gatal.

Melalui contoh yang dikutip dari kategori ekologi banyak penggunaan perkataan yang umum cuma mampu mengatasi masalah kekurangan leksikal yang spesifik dalam bahasa sasaran namun masih tidak dapat menjelaskan makna seperti yang digambarkan oleh penulis dalam teks sasaran. Contoh yang terdapat dalam LJDL adalah *La prière et la supplication* yakni terjemahan daripada doa dan wirid. Doa dan wirid biasanya diamalkan selepas setiap kali sembahyang. Mengikut latar belakang masyarakat Perancis yang menganut agama Kristian pasti berbeza dengan masyarakat Melayu yang beragama islam. Konsep doa dan wirid dan *La prière et la supplication* berbeza kerana dalam bahasa Perancis doa atau sembahyang juga disebut *La prière (La prière faite avec instance et soumission)*. Wirid lebih berbentuk puji-pujian kepada Allah yang mengandungi syukur dan puji-pujian kepada Tuhan, selepas wirid barulah diiringi dengan doa. *La supplication* dalam BP pula bermaksud *Prier quel qu'un en demandant quelque chose avec humilité et soumission (LPR: 2521)* bermaksud perlakuan yang meminta atau memohon kepada Tuhan dan dengan rendah hati dan penyerahan diri. Di sini tidak dinyatakan berserta puji-pujian kepada Tuhan.

Seperti yang dijelaskan oleh Goh Sang Seong sebelum ini penterjemah akan lebih mementingkan fungsi ayat dan dalam sesetengah ayat akan menggugurkan leksikal tersebut seperti yang telah dijelaskan pada 4.3.3.

4.5.3 Aspek kehilangan makna

Hasil daripada penjelasan berserta contoh pada bahagian 4.5.1 dan 4.5.2 di atas, pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor di atas boleh menyumbang kepada aspek kehilangan makna sekiranya tidak diseimbangkan.

Masalah kehilangan makna dalam terjemahan telah disebut oleh Eugene Nida, yang menunjukkan masalah yang dihadapi oleh penterjemah apabila berhadapan dengan istilah-istilah atau konsep dalam teks sumber yang tidak wujud dalam bahasa sasaran. Setakat ini, kehilangan makna telah lama menjadi topik perbincangan dalam kajian terjemahan, tetapi kajian yang telah dilakukan adalah pada dasarnya dijalankan dalam konteks bahasa Indo-Eropah dan dalam budaya yang kebanyakannya di bahagian barat terutamanya di Eropah.

Dalam kajian ini pengkaji mendapati bahawa penterjemah banyak mengekalkan maklumat yang hampir dengan budaya bahasa Perancis dengan menggunakan istilah yang umum. Selain itu, dalam sesetengah keadaan mengekalkan budaya Melayu namun diberi penjelasan berkaitan dengan leksikal budaya yang tiada kesepadanan. Namun leksikal yang diterjemah kurang menepati konteks budaya Perancis.

Tanggungjawab seorang penterjemah agak berat kerana berkemahiran dua bahasa tetapi tidak memadai seandainya tidak memahami budaya kedua-dua bahasa tersebut. Dalam penterjemahan bukan sahaja melibatkan pemindahan dua bahasa malah turut melibatkan aspek budaya dan juga ketepatan makna yang terdapat dalam bahasa sumber. Melalui pemerhatian pengkaji walaupun penterjemah berjaya menterjemah sesetengah leksikal namun konsep budaya dalam sesetengah budaya tidak berjaya dipindahkan.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Dalam bab 4 pengkaji telah membentangkan hasil dapatan dan analisis terhadap klasifikasi budaya. Seterusnya pengkaji telah menganalisis leksikal budaya menggunakan analisis komponen makna bagi mendapatkan persamaan dan perbezaan leksikal budaya. Pada bab ini pengkaji akan membincangkan dapatan kajian secara keseluruhan.

5.1 Perbincangan Dapatan

Perbincangan terhadap dapatan kajian akan dilakukan berdasarkan persoalan kajian yang telah dikemukakan di bahagian 1.5 dalam Bab 1 bagi memudahkan perbincangan.

1. Apakah leksikal budaya yang terdapat di dalam teks asal Rimba Harapan dengan teks terjemahan *La Jungle de l'Espoir*?

Rimba Harapan adalah satu karya yang menceritakan kehidupan masyarakat Melayu. Namun ciri-ciri budaya yang dipaparkan oleh Keris Mas dalam teks ini menggambarkan budaya Melayu yang sangat tipikal kerana latar masa yang ditampilkan dalam novel ini adalah berkisarkan pada tahun 1920-an dan 1930-an. Kemungkinan

banyak cara hidup yang diamalkan pada zaman tersebut tidak diamalkan lagi pada zaman ini contohnya : bersemah, melombong bijih timah dan menebang hutan untuk membuka kawasan kampung. Ciri-ciri budaya yang lain masih lagi relevan pada masa kini.

Taburan jumlah leksikal budaya yang telah dijelaskan dalam bahagian 4.2 menunjukkan terdapat kira-kira **484** jumlah leksikal budaya ini di dalam bahasa Melayu dan sebanyak **435** leksikal berjaya diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis. Faktor ketidakterjemahan leksikal berlaku kerana ketiadaan padanan leksikal dalam bahasa sasaran. Hasil daripada dapatan kajian pengkaji mendapati terdapat kekurangan leksikal yang diterjemahkan dan daripada penjumlahan angka ini menunjukkan kira-kira **49** leksikal yang tidak diterjemahkan. Seperti yang telah diterangkan pada bahagian 4.5 hal ini disebabkan oleh strategi penterjemahan yang digunakan oleh penterjemah bagi menampung permasalahan jurang leksikal dalam bahasa sasaran iaitu menterjemahkan makna ayat, menggunakan leksikal yang umum dan juga pengguguran leksikal budaya . Di dalam novel ini kesemua kategori budaya yang disarankan oleh Newmark wujud. Kategori yang disarankan oleh Newmark dan dikenalpasti dalam novel ini adalah seperti berikut:

- 1) Ekologi
- 2) Sosial
- 3) Material
- 4) Organisasi: Konsep, kepercayaan, adat resam, kesenian.
- 5) Gerak geri dan Kebiasaan

Secara keseluruhan kategori material mempunyai jumlah leksikal budaya paling banyak dalam data kajian ini iaitu sebanyak **170** leksikal . Dalam kategori material ini terdapat leksikal budaya yang berkaitan dengan makanan, pakaian, pengangkutan,

kediaman dan juga peralatan yang pengkaji masukkan dalam subkategori lain-lain. Bagi leksikal dalam kategori gerak-geri pula tidak banyak ditemui iaitu hanya sebanyak **31** leksikal budaya. Ketiadaan leksikal dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Perancis disebabkan lingkungan budaya yang berbeza antara bahasa Melayu dan Perancis.

Daripada data yang telah diperolehi kebanyakan jenis leksikal budaya dipengaruhi oleh faktor geografi dan juga cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat tersebut. Contohnya, dalam Rimba Harapan masyarakatnya mengamalkan cara hidup bertani seperti bersawah padi, jadi banyak leksikal budaya yang berkaitan dengan aktiviti seharian mereka contohnya padi, beras, emping, kepek padi. Begitu juga dengan kategori lain contohnya ekologi. Terdapat penduduk yang tinggal di dalam dusun di tengah sawah. Aktiviti dan kegemaran mereka pula mencari dan menangguk ikan seperti ikan, puyu dan sepat di dalam tali air. Ikan- ikan tersebut salah satu punca makanan masyarakat di Ketari. Apabila diterjemah ke bahasa Perancis yang tidak biasa dengan cara hidup begini pasti akan terdapat sedikit masalah untuk mendapatkan leksikal yang sepadan. Pendekatan yang digunakan oleh penterjemah adalah menggunakan kaedah penerangan atau penggunaan leksikal umum. Dalam kategori material juga terdapat leksikal yang berkaitan dengan aktiviti penduduk kampung yang membuka kawasan kampung seperti parang, cangkul dan sebagainya. Jenis makanan pula adalah bersumberkan alam seperti ubi kayu bakar, pisang rebus, pucuk paku dan ulam-ulaman. Kebanyakan kaedah yang digunakan oleh penterjemah adalah kaedah penerangan dan juga penyesuaian seperti gulai kambing diterjemah sebagai *ragout de moutons*. Oleh itu pengkaji berpendapat bahawa kategori budaya Newmark sesuai digunakan kerana pengkaji hanya perlu memasukkan leksikal mengikut kategori budaya yang ditetapkan oleh Newmark. Sama seperti yang pernah digunakan oleh Goh Sang Seong (2012) dalam membuat analisis terjemahan Bahasa Mandarin–Melayu dan juga Nur Hafeza (2009) dalam mengkaji tejemahan bahasa Melayu-Bahasa Inggeris .

Namun terdapat juga unsur budaya yang berkaitan yang tidak dimaklumkan oleh Newmark seperti kata sapaan atau panggilan yang sangat sinonim dengan budaya Melayu dan sangat signifikan untuk ditampilkan dalam kajian ini. Contohnya penggunaan Pak dan Mak di hadapan kata nama bagi menyapa orang yang lebih tua. Begitu juga sistem ukuran, kerana dalam data kajian banyak sistem ukuran tradisional yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Oleh itu pengkaji memasukkan kata sapaan dan panggilan dalam bahagian sosial dan juga sistem ukuran pada bahagian konsep (organisasi). Pada pendapat pengkaji dapatan ini tidak boleh diabaikan dan perlu dianalisis. Contohnya bagi menyukat padi, secupak atau segantang digunakan. Manakala bagi panjang sesuatu pula hasta, sejengkal ataupun ela. Bagi pendekatan ini pengkaji telah menggunakan pendapat Asmah Haji Omar (1988) seperti yang terdapat di dalam buku beliau „Bahasa dan Pemikiran Alam Melayu“.

Menurut Asmah sebelum masyarakat Melayu mengenali ukuran tepat, sistem ukuran tradisional telah digunakan bagi mengukur jarak dan kapasiti contohnya hasta dan jengkal bagi mengukur panjang atau pendek . Penggunaan genggam, guni, cupak dan gantang pula bagi kapasiti.

2. Apakah perbezaan dan persamaan leksikal budaya Melayu dan Perancis dari aspek semantik dalam novel Rimba Harapan?

Setelah dianalisis menggunakan analisis komponen makna berpandukan model Ruth Kempson (1991) pengkaji mendapati terdapat persamaan dan perbezaan antara leksikal budaya bahasa Melayu dan Perancis. Walaupun terdapat leksikal yang berjaya diterjemah namun masih terdapat perbezaan dari aspek makna. Bagi mendapatkan hasil terjemahan yang sama antara bahasa sumber dan sasaran adalah satu hal yang mustahil

kerana tiada bahasa yang benar-benar sama. Namun seseorang penterjemah yang baik mampu menyampaikan mesej yang terdapat dalam bahasa sumber dengan baik.

Hasil daripada analisis di bahagian 4.4 iaitu dalam melihat persamaan dan perbezaan antara leksikal budaya bahasa Perancis dan bahasa Melayu pengkaji dapat membuat rumusan bahawa aspek persamaan diukur dari segi terjemahan satu lawan satu antara bahasa dan juga kesepadanan leksikal antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Dari aspek semantik pula persamaan dilihat melalui fitur semantik yang terdapat dalam leksikal budaya. Manakala perbezaan pula dinilai berdasarkan ketidakhadiran fitur semantik dalam leksikal budaya yang dikaji. Selain itu terdapat pertindihan antara persamaan dan perbezaan fitur dalam leksikal budaya yang dikaji.

Berikut adalah persamaan dan perbezaan leksikal budaya mengikut kategori;

- i. Kategori ekologi = 10 leksikal dianalisis = satu persamaan / sembilan perbezaan

Contoh persamaan: Kuang dan *faisan* iaitu kedua-dua leksikal ini berkongsi fitur yang sama.

Contoh perbezaan: Ikan puyu dan juga *des petits poissons* kerana fitur yang terdapat dalam *petits poissons* [ikan kecil] sangat umum dan tidak menjelaskan lebih lanjut tentang ikan puyu.

- ii. Kategori sosial = 8 leksikal dianalisis = lima persamaan / tiga perbezaan

Contoh persamaan: Tuk Penghulu dan *Le ch f du village*

Contoh perbezaan: Pak Lang dan *Oncle*

iii. Kategori material = 17 leksikal dianalisis = 10 persamaan / 7 perbezaan

Contoh persamaan: Ubi kayu bakar dan *un manioc grillé*

Contoh perbezaan: Ikan pekasam dan *des poissons salés*

iv. Kategori Organisasi, konsep, kepercayaan, kesenian = 10 leksikal dianalisis

= terdapat 8 perbezaan dan 2 persamaan

Contoh persamaan: Doa dan wirid dengan *La prière et la supplication*

Contoh perbezaan: Syair dan *l'histoire*

v. Kategori gerak-geri = empat leksikal dianalisis = empat perbezaan

Contoh perbezaan: Bersimpuh dan *Assis sur la terre*

Berdasarkan carian dalam KD dan juga *LPR* serta analisis menggunakan AKM pengkaji dapat merumuskan sebagai berikut .

Rajah 5. 1: Kategori persamaan dan perbezaan leksikal budaya BP dan BM.

Perbezaan/persamaan leksikal	Leksikal BM	Leksikal BP
1.Kata yang seluruh komponen maknanya berbeza	1.Abang 2.Ikan pekasam 3.Madrasah radikal 4.Jampi mantera 5.Berhikayat 6.Syair 7. Jaram	<i>Tu</i> <i>Poissons sales</i> <i>Des instructeurs religieux démodé</i> <i>Incantation aux démons</i> <i>Conteur</i> <i>Histoire</i> <i>verser un peu d'eau dan ses cheveux.</i>
2. Kata yang mempunyai fitur yang	8.Sepat 9.Puyu	<i>Petit poissons</i> <i>Petit poissons</i>

bertindih komponen maknanya,yakni persamaan dan perbezaan	10.Baung 11.Ayam denak 12.Taptibau 13.Kuang 14.Langsat 15.Jering 16.Resam 17.Pucuk kemahang 18.Pendekar 19.Guru Besar 20.Tuk Mukim 21.Tuk Penghulu 22.Pak 23.Mak 24.Pak Lang 25.Gulai kambing 26.Semutar 27.Surau 28.Balai 29.Mazhab 30.Doa dan wirid 31.Bersuci 32.Sembahyang 33.Beribadat 34.Bersimpuh	<i>Poissons</i> <i>Des oiseaux sauvages</i> <i>Des oiseaux nocturnes</i> <i>Faisan</i> <i>Des arbres fruitiers</i> <i>Des arbres fruitiers</i> <i>Jeune arbre</i> <i>Plante</i> <i>Le Guerrier</i> <i>Le directeur de l'école</i> <i>Le responsable</i> <i>Le chéf du village</i> <i>Le père</i> <i>La mère</i> <i>Oncle</i> <i>Ragout de mouton</i> <i>Foulard enroulé</i> <i>Petite mosquée</i> <i>Le pavillon</i> <i>Branche</i> <i>La prière et la supplication</i> <i>Se purifier</i> <i>La prière</i> <i>Prière</i> <i>Assis sur la terre</i>
3.Kata yang sama dan seluruh komponen maknanya sama	35.Kain sarung 36.Ubi Kayu Bakar 37.Keledek rebus	<i>Sarong</i> <i>Manioc grillé</i> <i>Patate douce bouillie</i>
4.Kata yang tidak ada pasangan makna. Penterjemah menggunakan pendekatan terjemahan pinjam terus/terjemahan langsung.	38.Songkok 39.Makyung 40.Zapin 41.Sambal ikan bilis 42.Tikar mengkuang 43.Memberi salam	<i>Un songkok</i> <i>La danse traditionnelle</i> <i>La danse traditionnelle</i> <i>Des sambal aux anchois</i> <i>La natte de feuille de mengkuang</i> <i>L'appelait Assalamualaikum</i>
5.Kata mempunyai fitur berbeza tetapi konsepnya sama.	44.Capal 45.Baju gombang 46.Gerobok makanan 47.Pekan sari	<i>Sandale</i> <i>Une tunique traditionnelle</i> <i>Le buffet</i> <i>Marché</i>

	48.Kepuk padi 49.Penunggu	<i>Le grénier à riz</i> <i>démon</i>
--	------------------------------	-----------------------------------------

3. Apakah faktor –faktor yang mempengaruhi persamaan dan perbezaan terjemahan leksikal budaya Melayu-Perancis?

Bahasa Perancis dan juga bahasa Melayu sememangnya dua bahasa yang sangat berlainan dari segi bahasa dan budaya kerana berbeza dari segi geneologinya. Bahasa Melayu dari kelompok bahasa Austronesia dan bahasa Perancis pula dari kelompok bahasa Roman.

Setelah dianalisis menggunakan analisis komponen makna terdapat beberapa leksikal yang tidak sama secara semantik walaupun dari makna denotasinya sama. Perbezaan itu bukan sahaja dapat dilihat melalui ketiadaan beberapa fitur dalam sesetengah leksikal tetapi juga dapat dilihat melalui input yang terakam dalam kamus ekabahasa masing-masing. Selain itu fenomena ini turut dipengaruhi oleh faktor budaya bahasa itu sendiri serta faktor penterjemahan.

a) Aspek bahasa dan budaya

Dalam bahasa Melayu, terdapat gelaran kekeluargaan dan juga panggilan. Contohnya penggunaan pak dan mak dalam kata panggilan atau gelaran bahasa Melayu. Jika diterjemahkan ke dalam bahasa Perancis sebagai *Le père* (bapa) dan *la mère* (ibu). Dari aspek semantik dalam bahasa Melayu, terdapat sesetengah leksikal budaya yang digunakan tidak memenuhi makna yang terdapat dalam teks sumber dan juga kelihatan janggal apabila diaplikasikan kepada bahasa sasaran. Hal ini disebabkan oleh rujukan yang berbeza antara bahasa sumber dan sasaran atau ketiadaan konsep tertentu dalam

bahasa sasaran. Contohnya: Pak bagi bahasa Perancis adalah kata panggilan dan bagi masyarakat Melayu di kawasan kampung sememangnya kan memanggil lelaki berusia sebagai Pak, namun di dalam bahasa Perancis tidak wujud panggilan sebegini. Namun penterjemah telah menterjemah sebagai *Le père*. Contohnya bagi merujuk kepada Pak Abu dan Pak Kia sebagai *Le père* Abu dan *Le père* Kia. Di dalam bahasa Perancis *Le père* hanya merujuk kepada ahli agama mereka iaitu agama Kristian (*father*). Jelasnya di sini bahawa penterjemah ingin mengekalkan penggunaan leksikal yang serupa dengan bahasa sumber namun ianya janggal dalam budaya bahasa sasaran. Begitu juga dengan leksikal Mak yang merujuk kepada perempuan yang berusia telah diterjemah sebagai *la mère* (Mak). Dibandingkan dengan terjemahan Lajoubert (2009) dalam *Les derniers jours d'un artiste* (Hari-hari Terakhir Seorang Seniman) beliau tidak menterjemahkan kata Pak ke bahasa Perancis tetapi mengekalkan penggunaan Pak di hadapan kata nama. Zaini-Lajoubert (2009) dalam kertas kerjanya berkenaan terjemahan Hari-hari Terakhir Seorang Seniman juga berpendapat penggunaan Pak tidak sesuai untuk diterjemah ke bahasa Perancis kerana dalam bahasa Perancis tiada padanan untuk rujukan hormat yang digunakan di hadapan nama seseorang.


b) Jurang leksikal dan fenomena ketidakbolehterjemahan

Dalam penterjemahan melibatkan unsur budaya pasti akan berlaku situasi ketidakbolehterjemahan. Apabila berhadapan dengan situasi ini penterjemah memainkan peranan penting kerana dalam penterjemahan dua perkara yang perlu dipertimbangkan iaitu sama ada mengekalkan aspek semantik dalam bahasa sumber atau menyesuaikan budaya bahasa sasaran. Dalam penterjemahan antara dua bahasa dan budaya yang jauh berbeza pasti terdapat „kehilangan makna” dalam proses penterjemahan yang berlaku dan hal ini sememangnya tidak dapat dielakkan.


Hal ini bukanlah kesilapan tetapi fenomena yang harus dihadapi oleh setiap penterjemah. Berdasarkan data yang telah dianalisis sebanyak **435** leksikal budaya yang berjaya diterjemah menggunakan kaedah penerangan, penyesuaian dan peminjaman. **49** leksikal lagi yang tidak diterjemah disebabkan oleh faktor ketakterjemahan. Dalam hal ini penterjemah akan menterjemah maksud ayat, menggunakan leksikal yang umum dan juga menggugurkan leksikal dalam ayat.

c) Masalah ketiadaan hiponim dalam hipernim.

Permasalahan ini sememangnya wujud dalam penterjemahan. Contohnya dalam *La Jungle de l'espoir* : Beras, padi, pulut dan nasi diterjemah sebagai *le riz*. Sedangkan dalam bahasa Melayu terdapat perbezaan antara padi, beras dan nasi iaitu padi ialah buahnya yang berkulit dan setelah diproses pembuangan kulit akan menjadi beras manakala nasi adalah hasil setelah beras ditanak dan sedia untuk dimakan. Namun dalam bahasa Perancis kesemuanya dipanggil *le riz*.



Makna beras dan nasi dikatakan tercakup dalam makna padi.




Bagi jenis-jenis padi juga terdapat jenis padi pulut dan sewaktu padi separuh masak para petani akan membuat emping hal ini diceritakan dalam (RH:281). Kesukaran dalam menterjemah sesuatu karya yang melibatkan unsur budaya disebabkan

jurang makna rujukan dan juga ketiadaan makna konsep. Hal ini dapat dilihat dalam contoh analisis 4.4. Kategori paling sukar diterjemah sekaligus mempunyai permasalahan dari segi makna. Analisis dalam bab 4 mendapati kategori oleh Newmark sesuai digunakan bagi mengkategorikan budaya di samping melihat unsur budaya yang mempunyai masalah untuk diterjemah. Begitu juga bagi analisis dalam 4.4 Analisis Komponen Makna seseuai digunakan bagi menganalisis ketepatan sesuatu padanan kata antara dua bahasa.

d) Penterjemahan dan aspek psikolinguistik.

Seterusnya mengikut teori psikolinguistik iaitu proses *bottom-up*, *top-down* merupakan susunan kognitif yang diatur. Kebanyakan daripada susunan merupakan tanggapan (persepsi). Proses *top-down* mengalami beberapa tahap untuk mengerti sesuatu makna yang ingin disampaikan.



Dalam proses ini makna ayat dianalisis dahulu kemudian proses sintaktik dan seterusnya barulah proses menganalisis fonologi. Kedua, proses *bottom-up* iaitu segala maklumat yang mengalir dari bahagian bawah ke atas. Proses ini adalah merupakan proses menurun. Pada peringkat ini penterjemah menggunakan kaedah terjemahan yang mementingkan makna leksikal budaya dalam bahasa sumber. Hal ini dapat dilihat dalam contoh (RH:6) diterjemah sebagai *la natte de feuille de mengkuang* (LJDL:3). Di sini

penterjemah menterjemah secara langsung sebagai tikar daun mengkuang. Leksikal mengkuang dikekalkan dalam teks sasaran.

e) Aspek penterjemah

Aspek kemahiran penterjemah terhadap pengetahuan budaya bahasa sumber dan sasaran juga memainkan peranan dalam menterjemahkan unsur budaya. Hal ini mengakibatkan kehilangan makna unsur budaya, unsur budaya dilenyapkan ataupun dikekalkan. Seperti yang pernah dibicarakan oleh Khairunisah (2008).

Apabila penterjemahan yang melibatkan budaya, proses kognitif penterjemah juga memainkan peranan. Hal ini lebih merujuk kepada aspek yang melibatkan dua bahasa yang mempunyai jurang budaya yang sangat berbeza. Contoh yang paling hampir adalah budaya Melayu dan Perancis sendiri. Pengalaman dunia penterjemah kepada bahasa sasaran membantu sedikit sebanyak dalam melancarkan proses penterjemahan leksikal budaya. Aktiviti penterjemahan juga merupakan satu proses mental dan penterjemah menggunakan keseluruhan pengetahuan linguistik dan juga sosio-budaya dalam bahasa sumber dan juga sasaran. Jika berhasil dengan baik, seseorang penterjemah mampu menyampaikan maksud yang disampaikan oleh penulis asal.

5.2 Rumusan Keseluruhan

Berdasarkan perbincangan di atas pengkaji dapat merumuskan kepada tiga bahagian:

5.2.1 Rumusan dari sudut strategi terjemahan

- 1) Menterjemahkan dengan menggunakan kata umum (*superordinat*). Contohnya leksikal spesifik nama ikan diterjemahkan dengan ikan (*des poissons*).
- 2) Menterjemahkan dengan menggunakan kata-kata yang lebih neutral atau kata-kata yang kurang ekspresif. Sebagai contoh syair iaitu cara bercerita tentang kisah hidup yang dibacakan dengan berlagu dan rangkap diujungnyanya sama bunyi diterjemahkan sebagai *histoire* yang bermaksud cerita. Begitu juga dengan makyung dan juga zapin yang diterjemah sebagai tarian tradisonal.
- 3) Menterjemahkan dengan menggunakan penggantian budaya (*cultural substitution*). Strategi ini biasanya digunakan jika berkaitan dengan istilah budaya yang spesifik dalam sesuatu budaya : Contohnya *la rosée du matin en été* (LJDL: 4) (embun pagi pada musim panas) untuk menterjemahkan embun jantan (RH: 2) Dalam bahasa Melayu leksikal ini merujuk kepada titisan embun yang besar-besar.
- 4) Menterjemahkan dengan menggunakan kata pinjaman atau kata pinjaman dengan penjelasan. Strategi ini sering digunakan khususnya jika berkaitan dengan *culture-specific item*, atau item yang sukar diterjemahkan dalam bahasa sasaran Misalnya kata songkok diterjemahkan sebagai *un songkok*. Tikar mengkuang diterjemah sebagai *la natte de feuille de mengkuang*. Bagi perkataan mengkuang tidak terdapat di dalam *Le Petit Robert* namun telah dijelaskan di bahagian nota di bahagian belakang buku *La Jungle de l'Espoir*.
- 5) Menterjemahkan dengan menggunakan parafrasa yang berkaitan dengan kata tersebut. Contohnya: *Mais un vieux bouc aux oreilles rabatus et à longue barbiche grise* (LJDL:62) untuk menjelaskan kambing jantan bangsa benggala (RH:33).

- 6) Menterjemahkan dengan menggunakan parafrasa yang berbeza dengan leksikal tersebut. Madrasah radikal diterjemah sebagai *des instructeurs religieux démodés*. Di sini terdapat sedikit kejangalan dalam kolokasi antara *des instructeurs religieux* dengan sifat *démodés* kerana *démodé* lebih sesuai digunakan bagi benda atau situasi. Contohnya *une mode démodée* (fesyen yang ketinggalan zaman) iaitu lawan kepada *à la mode* (mengikuti perkembangan fesyen).
- 7) Tidak diterjemahkan, namun selalunya strategi ini tidak mengurangkan mesej dalam bahasa sumber. Contohnya tumbuh-tumbuhan dalam kategori ekologi sukar diterjemah hanya diterjemah sebagai *les plantes* (tumbuh-tumbuhan) Contohnya pokok kemahang.
- 8) Nota kaki iaitu memberi penerangan tambahan kebanyakan leksikal contohnya Tuk Mukim tidak diterjemah tetapi dijelaskan di bahagian nota kaki atau penerangan leksikal di bahagian belakang teks sasaran.

5.2.2 Rumusan dari sudut semantik:

Analisis komponen makna dapat menghuraikan komponen yang mendukung makna sesuatu leksikal contohnya:

Ikan puyu

[+ikan+kecil+ikan darat+ air tawar +bersisik]


Des petits poissons

[+ikan+ kecil +/- air tawar +/- bersisik]

Sukar dikaji ciri-ciri semantik yang tepat bagi ikan kecil kerana ianya bersifat umum. Melalui analisis pengkaji dapat menggolongkan leksikal ke medan tertentu.


Contohnya seperti gambar rajah berikut:

Rimba Harapan



Rajah 5.1 : Cabang ekologi

La Jungle De L'Espoir



Rajah 5.2: Terjemahan cabang ekologi

Di sini kita dapat lihat jurang leksikal antara kedua –dua bahasa dan kekurangan leksikal dalam bahasa sasaran.

5.3 Implikasi Kajian

Hasil daripada kajian ini menimbulkan beberapa implikasi dan cadangan kepada bidang tersebut:

5.3.1 Penterjemahan

Dalam bidang penterjemahan yang melibatkan faktor budaya pula kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan bagi penterjemah yang ingin menggunakan leksikal tertentu harus memikirkan kesesuaian penggunaan leksikal tersebut. Bahasa Perancis dan bahasa Melayu bukan sahaja dua bahasa yang sangat berbeza tetapi juga melibatkan perbezaan budaya. Namun disebalik perbezaan terdapat aspek-aspek lain yang boleh dikongsi bersama oleh dua budaya ini melalui cerita atau karya sastera.

Tujuan terjemahan adalah untuk menghasilkan kesan yang hampir sama kepada pembacanya dengan kesan yang terhasil pada pembaca teks asal. (Khairunisah, 2008). Sedikit sebanyak kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan juga perbandingan dalam penterjemahan dari bahasa Melayu ke bahasa Perancis dan *vice versa*. Pada masa akan datang banyak perkara yang perlu diberi perhatian sekiranya penterjemahan ingin dilakukan baik dari bahasa Perancis ke bahasa Melayu atau bahasa Melayu ke Bahasa Perancis.

Antara aspek yang perlu diberi perhatian oleh penterjemah ialah;

Keupayaan berbahasa dalam penterjemahan

Hal ini penting dalam menjamin penterjemahan yang berjaya. (Husna Faredza & Khairul Azam, 2005). Penterjemahan budaya bukan saja memerlukan kepakaran yang tinggi tetapi juga daya kreativiti yang tinggi (Khairunisah, 2008). Hal ini bermaksud penterjemah harus faham dan arif akan budaya kedua-dua bahasa. Selain itu harus kreatif dalam menggunakan leksikal yang sesuai dan tidak bercanggah dengan maksud teks asal.

Pengetahuan tentang budaya.

Sifat-sifat sesuatu bahasa dipengaruhi oleh kebudayaan masyarakat yang menuturkan bahasa tersebut. (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2008). Eratnya hubungan bahasa dan budaya ibarat buku dan isi kandungannya yang tak mungkin dapat dipisahkan. (Ainon Mohd & Abdullah Hassan, 2008). Hal ini bermaksud pengetahuan bahasa tidak mencukupi untuk menjadi seorang penterjemah yang baik tetapi pengetahuan tentang budaya masyarakat tersebut juga penting. Penterjemah juga harus menilai unsur budaya kedua-dua bahasa sebelum penterjemahan dilakukan. Dalam proses penterjemahan perlu meneliti sama ada wujud atau tidak unsur budaya dalam teks sasaran. (Nur Hafeza, 2009). Bagi mengatasi permasalahan jurang leksikal, penterjemah perlu bijak menggunakan strategi yang sesuai. Kemahiran penterjemah memainkan peranan penting dalam menyesuaikan terjemahan dengan budaya pembaca sasaran tanpa meminggirkan makna teks asal.

5.3.2 Bidang Semantik

Hasil analisis dapat menambahkan pengetahuan dalam bidang semantik. Kajian semantik dalam melihat perbandingan antara bahasa Perancis dan bahasa Melayu dalam

pelbagai kategori budaya. Hasil analisis diharapkan mampu memberi manfaat kepada bidang linguistik.

Dalam menilai ketepatan sesuatu terjemahan analisis komponen makna boleh dijadikan untuk melihat perbandingan makna di antara dua leksikal. Sekiranya padanan yang tepat dengan teks sumber yang komponen semantik dalam teks sasaran menjadi kriteria penilaian standard komponen leksikal tersebut mestilah memuaskan (Reiss, 2000). Sememangnya mustahil untuk mendapatkan padanan yang tepat, namun dengan mengambilkira ataupun tidak komponen semantik sesuatu teks, makna teks asal harus dikekalkan.

5.4 Batasan Kajian

Seperti kajian-kajian lain, kajian ini juga mempunyai batasan tertentu. Antara yang dikenalpasti ialah:

- 1) Oleh kerana kekangan masa kajian ini hanya menumpukan pada sepuluh peratus dari setiap kategori budaya. Pengkaji tidak menumpukan pada satu kategori sahaja kerana bagi pengkaji setiap kategori penting untuk dilihat dan dianalisis. Pengkaji juga menghadkan kepada klasifikasi budaya oleh Newmark.
- 2) Penyelidikan ini hanya terhad kepada leksikal budaya di dalam novel Melayu dan terjemahan dalam bahasa Perancis. Oleh itu kajian ini tidak boleh kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada kajian lain.
- 3) Pengkaji bukan penutur natif bahasa Perancis, oleh itu pasti berlaku sedikit kesulitan dalam menganalisis data. Namun hal ini dapat diatasi dengan merujuk kepada perujuk yang pakar dalam bahasa ini.

5.5 Cadangan Kajian Akan Datang

Apa sahaja usaha telah dibuat dalam menjalankan penyelidikan, terdapat beberapa masalah yang berkaitan dengan bidang ini yang perlu diselesaikan. Dari sudut praktikal, pengkaji mencadangkan penyelidikan lanjut perlu memberi tumpuan kepada aspek lain dalam novel ini iaitu metafora, bahasa figuratif. Pengkaji lain juga boleh melihat kepada aspek leksikal budaya tetapi menfokuskan kepada kategori tertentu atau menggunakan pendekatan lain. Selain daripada itu dari bahan yang sama pengkaji lain boleh menggunakan pendekatan terjemahan budaya terjemahan sarjana lain contohnya terjemahan realia Florin (1993), Christian Nord (1997) dan sebagainya bagi melihat dapatan dari sudut yang berbeza.

5.6 Penutup

Pada pendapat pengkaji seseorang penterjemah sangat berperanan penting dalam menyampaikan maklumat dari satu bahasa ke bahasa lain. Dalam menghasilkan satu karya terjemahan yang melibatkan dua bahasa yang mempunyai jurang budaya yang berbeza nilai semantik karya asal tidak seharusnya diketepikan. Seperti yang pernah dibincangkan oleh pengkaji sebelum ini penterjemah harus bijak menyesuaikan atau mengekalkan unsur budaya atau menghilangkan namun tidak mengetepikan makna karya asal. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang penterjemahan yang melibat bahasa Melayu dan Perancis dan juga bidang semantik.

BIBLIOGRAFI

Rujukan Utama

Keris Mas. (2008). *Rimba Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Keris Mas. (2011). *La Jungle de l'Espoir* (B.F Bresson, Penterj.) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia (Teks asal diterbitkan 2008).

Rujukan Lain

Abdullah Hassan. (1989). *Semantik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan (2005). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Abdul Chaer. (1990). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Jakarta: Rineka Cipta.

Abdul Chaer & Leonie Agustina. (1995). *Sosiolinguistik Perkenalan Awal*. Jakarta: Rineka Cipta.

Abdul Rahman Aziz. (2001). Tiga Kelompok Sosial Melayu. Dlm A. Karim Abdullah & A. Rahim Abdullah (pnyt.) *Sasterawan Negara Keris Mas: Tanggapan Tokoh dan Sarjana* (hlm 174-183). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

A. Rahim Abdullah. (2001). Masalah Nilai dan Perubahan Sosial dalam Rimba Harapan. Dlm A. Karim Abdullah & A. Rahim Abdullah (pnyt.) *Sasterawan Negara Keris Mas: Tanggapan Tokoh dan Sarjana*. (hlm 184-201). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2005). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.

Aminuddin. (1985). *Semantik: Pengantar Studi Tentang Makna*. Bandung: Sinar Baru.
Aini Haji Karim. (2005). Teori Medan Makna Pendeskripsian Leksikal Kata Kerja Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(3), 78-104.

Alousque, N. I. (2009) "Cultural Domains: Translation Problems", *Revista de Lingüística y Lenguas Aplicadas*, 4, hlm 137-145. Dilayari daripada <http://dialnet.unirioja.es/download/articulo/2993229>.

Asmah Haji Omar. (1988). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Haji Omar.(2010). Perkembangan Bahasa Melayu dari Aspek Leksikon dan Etimologi. *Siri Ceramah Arif Budiman*. Singapura: Kementerian Pendidikan Singapura.
- Baker, M.(1992). *In Other Words*. London: Routledge.
- Bell, R.T (1991). *Translation and Translating*. London: Longman.
- Bell, R.T (2012). *Terjemahan: Produk dan Proses* (Zuraidah Ibrahim & Syed Nurul Akla Syed Abdullah, Penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.(Teks asal diterbitkan 1991).
- Bloomfield, L.(1933). *Language*. London: Allen &Unwin.
- Bloomfield, L.(1992) *Bahasa*. (Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin & Noor Ein Mohd. Noor, Penterj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal diterbitkan 1933).
- Boas, F.(1938). *The Mind of Primitive Man*. New York: The Mcmillan Company. (Edisi pertama diterbitkan 1911).
- Boh Phaik Ean dan Goh Sang Seong. (2013).Kehilangan Makna dalam Penterjemahan *Cheng Yu* ke dalam bahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, vol 31(1).79-96.
- Catford, J.C. (1965). *A linguistic theory of translation. An essay in applied linguistics*. London: Oxford University Press.
- Catford, J.C. (1974). *A linguistic Theory of Translation. An Essay in Applied Linguistics*. London: Oxford University Press.
- Chierchia,G & Mc Connel,G.S.(1990). *An Introduction to Semantic*. Massachussets: The MIT Press.
- Collin-Robert French Dictionary* (5th ed).(2000). New York: Harper Collins Publisher Inc.
- Dubois, J.*et al* (1973). *Dictionnaire de Linguistique*. Paris : Larousse.
- Florin,S. (1993). Realia in Translation. In Zlaveta Palma (ed). *Translation as Social Action: Russian and Bulgarian Perspective*. (hlm 122-128). London: Routledge.
- Goh Sang Seong (2007). *Kebolehterjemahan Aspek-aspek Budaya dalam Terjemahan 'Shui Hu Zhuan'*.(Tesis PHD yang tidak diterbitkan).Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Goh Sang Seong.(2011). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(1), 35-56.
- Goh Sang Seong. (2012). Kebolehterjemahan Budaya Tabiat Bahasa Cina-Bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 12(1), 183-199.

- Goh Ying Soon & Azman Che Mat. (2009). Penterjemahan dan Budaya. Dlm Hasuria Che Omar & Rokiah Awang (pnyt). *Prosiding kertas kerja persidangan penterjemahan antarabangsa Ke-12: Kelestarian bidang penterjemahan*. (hlm 358-375). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Goodenough, WH. (1956). Componential Analysis and the Study of Meaning. *Language*, 32, 195-216.
- Goodenough, WH. (1964). " Cultural Antropology and Linguistics." In D.Hymes (ed). *Language in Culture and Society*. New York: Harper & Row.
- Hasuria Che Omar. (1997). Mendekati Kehilangan Makna dalam Terjemahan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41(10) . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 931-935.
- Herskovits, M. J. (1970). *Man and His Works: The Science of Cultural Anthropology*. New York: Alfred A. Knopf Inc.
- Hibaturrahmah. (2012). Pergeseran Terjemahan Teks Bermuatan Budaya dalam Cergam „Le Petit Spirou“ Karya Tome dan Janry. Bandung : Universitas Padjajaran. Diperoleh daripada <http://jurnal.unpad.ac.id/ejournal/article/view/1665>.
- Husna Faredza M. Redzwan & Khairul Azam Bahari. (2005). Menterjemah Ilmu Tentang Budaya dan Alam Pemikiran Melayu. Dlm Abdullah Hassan & Low Kok On (pnyt). *Himpunan kertas kerja persidangan Antarabangsa ke-10: Terjemahan dan Pengglobalan Ilmu*. (473-479). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Ibrahim Haji Ahmad (2008) Variasi Leksikal Bahasa Melayu Malaysia dan Bahasa Indonesia: Satu analisis dari perspektif kata. *Jurnal Bahasa*, 8(1), 42-67.
- Ismail Jusoh. (2001). Bidang Terjemahan: Suatu Pengenalan. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu*, 6. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Intan Safinaz Zainudin & Nor Zakiah Abdul Hamid. 2005. Penekanan Jati Diri Melayu dalam Terjemahan Bahasa Inggeris Drama Usman Awang. Dlm Khazriyati Salehuddin, Azhar Jaludin & Nor Hashimah Jalaluddin (pnyt). *Pembinaan Negara Bangsa: Persepsi, Reaksi & Manifestasi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jackson, H. (1988). *Words and Their Meaning*. London: Longman Inc.
- Jackson, H. (1996). *Words and Their Meaning* . New York: Addison Wesley Longman Inc.
- Jacobson, E. (1938). *Progressive Relaxation*. Chicago: University of Chicago Press.
- Jacobson, R. & Halle, M. (1963). *Preliminaries to Speech Analysis: The Distinctive Features and Their Correlates*. Cambridge : MIT Press.
- Kamus Perancis- Melayu Dewan*. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kamus Dewan* (ed ke-4). (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*. (1997).Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, J.& Fodor, J.A. (1963). The Structure of Semantic Theory. *Language*, 39, 170-210.
- Kempson, R.M.(1991). *Teori Semantik*. (Zaiton Abdul Rahman, penterj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal diterbitkan 1977).
- Kempson,R.M. (1977). *Semantic Theory*. London: Cambridge University Press.
- Khairunisah Syed Ibrahim. (2008).*Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu-Jerman. Satu Analisis*. (Disertasi yang tidak diterbitkan) Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kroeber, A. L. & Kluckhohn, C. (1952). *Culture: A Critical Review of Concepts and Definitions*. Cambridge, Mass: The Museum.
- Kroeber, A. L. & Kluckhohn, C. (1960). *Culture : A Critical Review of Concepts and Definitions*. New York: Vintage Book.
- Larson, M.L.(1984). *Meaning-Based Translation, A Guide to Cross Language Equivalence*. USA: University Press of America.
- Leech, G.(1974).*Semantic: The Study of Meaning*. London: Penguin Books.
- Leech, G. (2003). (Paina Partana,Penterj.) *Semantik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. (Teks asal diterbitkan 1974).
- Lefevere,A.(1992). *Translating Literature.Practice and Theory in A Comparative Literature Context*. New York: Modern Language Association of America.
- Lehrer, A. (1974). *Semantics: An Overview*. Oxford: Blackwell.
- Le Petit Robert Dictionnaire*. (2002). Paris: Le Robert.
- Li Gong Zhi. (1988). *Xian Dai Han Yu*.Beijing: Hua Wen Chu Ban Se.
- Lyons, J.(1977). *Semantics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Maslida Yusof, Rahim Aman, Karim Harun, Shahidi Hamid & Sa'adiah Ma'alip.(2010). Perkaitan Semantik Kata Kerja Bahasa Banjar: Satu Analisis Varian Kuin Banjarmasin. *Jurnal Melayu*, 5, 87-102.
- Mead,M.(1937) .*Cooperation and Competition Among Primitives People*. New York & London: McGrawHill.

- Mohanty, N. (1993). Translation: A Symbiosis Of Cultures. In Dollerup, C. et al. (ed.), *Teaching Translation and Interpreting 2: Insights, aims, visions.* (hlm 25-38) Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamin Publishing Company.
- Nathesan, S.(1997). Beberapa aspek makna dalam Antologi Cerpen Guruh. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41 (2), 162-169.
- Nathesan, S.(1997). Semantik dalam Bahasa Melayu: Satu pandangan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 41 (6), 524-533.
- Nathesan, S. (2003). Teori Semantik dan Kajian Kepustakaan Terhadap Semantik Leksikal. *Jurnal Bahasa*, 1(1), 108-135.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. United Kingdom: Prentice Hall Internationall.
- Newmark P. (1992). (Zainab Ahmad & Zaiton Abdul Rahman, Penterj.). *Pendekatan Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal diterbitkan 1981).
- Nida, E.A. (1963). *Custom, Culture and Christianity*. London: Low & Brydone.
- Nida, E.A.(1975). *Componential Analysis of Meaning. An Introduction to Semantic Structure*. The Hague: Mouton.
- Nida, E.A.(1996). (Mashudi Kader, Penterj.). *Menerokai Struktur Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal diterbitkan 1975).
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nord, C. (1997). *Translating as Purposeful Activity: Functionalist Approached Explained*. Manchester: St Jerome.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal. (2006). Perluasan Makna Kuat Melalui Wanita dalam Novel: Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Bahasa*, 6(2).311-327.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dan Perniagaan Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaludin & Rozaimah Rashidin.(2008). Rasuah dalam Karya Sastra Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal e-Bangi*, 3(3),1-32.
- Norizah Ardi, Midiyana Mohamad, Rozaimah Rashidin & Zuraidah Jantan.(2009). *Pengantar Prinsip Penterjemahan*. Selangor: August Publishing Sdn Bhd.
- Normalis Amzah. (2008). *Unsur Budaya dalam Terjemahan Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu: Analisis karya Konosuke Matsushita*. (Disertasi yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

- Norsimah Mat Awal.(2003). *Analisis Struktur Dalaman dan Perluasan Makna Kata Adjektif dari Perspektif Semantik Kognitif: Terjemahan Karya Shahnnon Ahmad*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nur Hafeza Ahmad Marekan.(2009). Penterjemahan Unsur Budaya Bahasa Malaysia dalam Hikayat Abdullah dan *The Hikayat Abdulah*. Dlm Hasuria Che Omar & Rokiah Awang.*Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12: Kelestarian Bidang Penterjemahan*. (hlm 546-559). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Nur Hafeza Ahmad Marekan & Goh Sang Seong (2012). Malay Mentifacts Messages Transferring in The Novel Sungai Mengalir Lesu. [Pemindahan Mesej Mentifaks Melayu dalam Terjemahan Novel Sungai Mengalir Lesu] *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(3), 1019-1035.
- Odgen,C.K & Richard,A. (1923). *The Meaning of Meanings*. London: Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Odgen,C.K & Richard,A. (1949). *The Meaning of Meanings*. London: Routledge and Kegan Paul Ltd.
- Palmer, FR.(1992). *Semantik*. (Abdullah Hassan, Penterj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.(Karya asal diterbitkan 1976).
- Paramarta, I.M.S.(2009). Penterjemahan Istilah Budaya Spesifik dalam Subtitling Film Memoir of Geisha. *Prosiding Koleksi Internasional Linguistik Indonesia (KLMI) Unika Atma Jaya*: Malang, 387-399. Diperoleh daripada <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/062>.
- Parera, J.D.(1990).*Teori Semantik*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
- Pateda, M.(2001). *Semantik Leksikal* . Indonesia: Penerbit Nusa Indah.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). *Pengantar Penterjemahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur:Scholar Press Sdn Bhd.
- Puteri Roslina Abdul Wahid.(2012). *Meneroka Penterjemahan Bahasa Melayu*.KualaLumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Reiss, K.(2000). *Translation Criticism: The Potentials and Limitation*. United Kingdom: St Jerome Publishing.
- Robin, R.H.(1997). *A Short History of Linguistic*.Addison Wesley Publishing Company.
- Rohimmi bin Noor.(2002). *Tema-Tema dan Isu-isu dalam Karya Keris Mas Jungle of Hope : Satu Perspektif Sosiologi*. (Tesis yang tidak diterbitkan) Universiti Putra Malaysia, Serdang.

- Sakina Sahuri Suffian Sahuri.(2000). *Manusia dan Alam Sebagai Medan Sumber Metafora Melayu: Satu Kajian Semantik*. (Tesis PHD yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shahnon Ahmad.(2001). Keris Mas: Sasterawan Sekaligus Pemikir. Dlm A.Karim Abdullah & A. Rahim Abdullah (pnyt.).(hlm 18-21). *Sasterawan Negara Keris Mas: Tanggapan Tokoh dan Sarjana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Snell Hornby, M. (1995). *Translation Studies: An Integrated Approach*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Steiner,G.(1976). *After Babel: Aspect of language and translation*.London:Oxford University Press.
- Steiner, G. (1984). *A Reader*. Harmondsworth : Penguin.
- Suhendra Yusuf.(1994). *Teori Terjemah*. Bandung: Mandar Maju.
- Suziana Mat Saad.(2005). *Terjemahan Metafora Bahasa Perancis dalam Novel Salina*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah.(1999). Faktor Leksiko-Budaya dalam Karya Rihlah Ibn Battutah. Dlm Abdullah Hassan, Fikret Karcic, Abdelhamid Salhi, Saidah Kamin, Zaleha Abidin, Haniza Lockman, Dahlina Daut Mohmud & Md. Sharit Bharuddin. *Prosiding Persidangan penterjemahan Antarabangsa ke-7: Penterjemahan Teks Agama*. (hlm 69-91). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka & Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Syed Nurul Akla Syed Abdullah. (2001). *Faktor Leksis dan Budaya dalam Terjemahan Arab-Melayu: Satu Analisis Karya Rihlah Ibn Battutah*. (Tesis yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Taine, H.A (1863). Introduction to the History of English Literature. In Charles W. Eliot (ed.). *The Harvard Classics*, 39.New York: P.F. Collier & Son. Diperoleh daripada <http://www.bartleby.com/39/>
- Tylor, E.B. (1968). *Primitive Culture : Researches Into The Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art and Custom*. New York: Gordon Press. (Edisi pertama diterbitkan 1871).
- Trier, J. (1934).Das sprachliche Feld. Eine Auseinandersetzung, *Neue Jahrbücher. für Wissenschaft und Jugendbildung*, 10. 428-449.
- Turpin, M. (2013). Semantic Extension in Kaytetye Flora and Fauna Terms. *Australian Journal of Linguistics*, 33(4), 488-518. doi:10.1080/07268602.2013.857571.
- Ullmann, S. (1957). *The principles of semantics*. Oxford: Blackwell.
- Ullmann, S. (1962). *Semantics: An Introduction To The Science of Meaning*. Oxford: Basil Blackwell.

- Vermeer, H.J.(1987). "What Does it Mean to Translate?". *Indian Journal of Applied Linguistics*, 13 (2), 25–33.
- Vermeer, H. (1989). "Skopos and Commission in Translational Activity." In Venuti, L. (ed.). *The Translation Studies Reader*.(221-232). London: Routledge.
- Venuti, L.(ed.). (1992). *Rethinking Translation:Discourse, Subjectivity, Ideology*. London and New York: Routledge.
- Wan Abdul Kadir.(2003). *Pengkaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wittgenstein.(1953).*Philosophical Investigations*.Oxford:Blackwell.
- Zaini-Lajoubert,M. (2008). Hikayat Raja Pasai dalam Bahasa Perancis KaryaTerjemahan Aristide Marre. Dlm Abdullah Hassan, Hasuria Che Omar, Dahlina Daut Mohmud dan Sa'odah Abdullah. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-11: Membina Kepustakaan Melayu*. (hlm 182-189). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Zaini-Lajoubert,M. (2009). *Les derniers Jours d'Un Artiste*, terjemahan pertama Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman (1979) ke dalam Bahasa Perancis. Dlm Hasuria Che Omar & Rokiah Awang. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12: Melestarikan Bidang Penterjemahan*. (hlm 36-44). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2009). Bahasa dan Budaya dalam Novel Terjemahan: Satu Pendekatan Pragmatik. Dlm Hasuria Che Omar & Rokiah Awang. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-12: Melestarikan Bidang Penterjemahan*.(hlm 91-100). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Zubaidah Ibrahim, Abdul Rahim Mat Yassim & Supramani a/l Shoniah.(2006). *Kajian Bahasa dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Rujukan online

<http://ms.wikipedia.org/wiki/Ikan>

LAMPIRAN 1

1. EKOLOGI

NO	Unsur Budaya dalam Rimba Harapan	MS	Terjemahannya dalam La Jungle de l'espoir	PG
1	Sudah beberapa hari gerimis masih lagi menabiri langit	1	Cela faisait plusieurs jours qu'il pleuvait et que le ciel était couvert de nuages	1
2	Bila tiada angin, guruh mendayu-dayu.	1	Quand le vent ne soufflait pas on entendait le tonnerre gronder faiblement.	3
3	Musim-musim peja yang lalu matahari menjenguk juga sejam dua jam sehari	2	Les autres saisons des pluies , le soleil se montrait tout de meme une heure ou deux par jour	3
4	Pak Kia bersama anaknya tinggal dalam dusun di tengah sawah .	2	La pere Kia habitait avec sa femme et ses enfants dans une maison entourée d'un verger au milieu d'une rizière	4
5	Pak Kia turun ke tanah melihat-lihat langit cuba menembusi tabir gerimis yang tipis seperti embun jantan .	2	Pak Kia descendait les marches de sa maison et regarda plusieurs fois le ciel, essayant de percer du regard le rideau de pluie fine comme la rosée du matin en été .	4
7	Dia menyusup keluar di bahagian belakang rumah lalu mencapai hujung pelepah daun pisang	3	Il se glissa dehors vers l'arrière de sa maison et etrappa l'extrémité d'une feuille de bananier qui balayait le bord du toit	4
8	Mak Sinah segera berkemas untuk pergi menangguk sepat dan puyu .	4	Elle pensait déjà aux petits poisons qu'elle allait prendre à la nesse	6
9	Diseberang jalan raya rumah orang didarat itu seperti rumah-rumah di baruh juga.	5	De l'autre côté de la route les maisons qui se dressaient sur la terre ferme étaient toutes ferme comme celles qui se dressaient au milieu de rizièr	6

NO	Unsur Budaya dalam Rimba Harapan	MS	Terjemahannya dalam La Jungle de l'espoir	PG
10	Tanahnya tinggi penuh dengan pokok kelapa, durian, manggis, langsung, jering dan macam-macam.	5	Elle étaient bâties sur un terrain plus élevé et étaient entourées de toutes sortes d'arbres fruitiers cocotier, durians, mangoustans et biens d'autres encore	6
11	Di belakang kampung ini menghijau dua lapis kebun getah yang tersandar ditereng bukit	5	Derrière le village s'étendaient deux plantations d'hévéas appuyées au flanc de la colline.	7
12dusun dan sawah kira-kira empat ekar itu tanah pusaka yang sampai sekarang masih belum dibahagi.	5Il habitait ensemble dans la verger au milieu de la rizières sur les deux hectares qu'ils avaient hérités de leur pere et qu'ils n'avaient toujours pas partagés...	7
13	Lubuk-lubuk yang dulunya dalam tiba-tiba menjadi kubang kerbau .	7	Leurs lits qui étaient auparavant si profonds se changèrent soudain en mares vaseuses .	8
14	Tapi tidak terbuka hatinya untuk membuka kebun seperti adiknya	8il ne se décidait toujours pas à sa mettre à la culture d'hévéas comme son frère.	9
15	Dia akan ke rumah adiknya seperti dulu mula-mula musim kemarau , untuk mengadu hal	8	Il se rendait donc une nouvelle fois chez son frère, comme au temps de la sécheresse	9
16	Sekali seminggu menjual pisang, labu kundur, mamon dan pelbagai jenis tanaman mereka	9	...en nombre chaque semaine au marché pour y vendre leurs bananes leurs citrouilles, leurs courges leur legumes et leurs fruits .	10
17	Ikan paya tidak diperlukan lagi	9	On avaient meme plus besoin des poisons de marécages .	10
18	Memang kalau hujan-hujan begini memancing boleh dapat baung	10	Il ne pleut pas tres fort. Apr ce temps là on peut attraper beaucoup de poisons à la nasse	11
19	Huma habis dilanyak babi hutan.	13	Le riz de la jungle va être piétiné par la sangliers.	14

NO	Unsur Budaya dalam Rimba Harapan	MS	Terjemahannya dalam La Jungle de l'espoir	PG
20	Akhirnya menderam seperti pokok tualang tumbang di tengah hutan	14	Pour finir en un fracas comme un arbres gigantesque qui s'abat dans la forêt	15
21	Bah besar? Pak Kia kelihatan cemas.	15	Tu crois qu'on va être inondés? La pere Kia se mit a paniquer.	16
22	Dia nampak budak-budak memancing dalam hujan renyai-renyai dekat jambatan	15	Pourvu que personne ne soit allé pêcher dans la rivières. L'eau du cours qui se jetait.....	16
23	Pucuk-pucuk kemahang bergoyang-goyang dilanda arus tetapi belum tenggelam	15	Les plantes qui poussaient sur la berge s'agitaient sous l'effet du courant.	16
24	Batas itu memang terbenam dalam air	16	Le talus était également sous l'eau	17
25	Apakah jadi pada padi , kerbau dan ayam itiknya	18	Qu'était il advenu sa maison de son riz de ses baffles et de ses volailles	18
26	Binatang naga Cuma ada dalam hikayat-hikayat sahaja.	19	Les dragons ç'a n'existe que dans les legends ...	20
27	Kalau fasal bertam,rotan , kera cenekah dia tau lah	23	Il s'y connaît seulement en plantes en rotin et en singes	24
28	Ia memang sebahagian dari suara malam dengan jengkerik dan cacing mendesing	34	Car il faisait au contraire partie des sons de la nuit .comme le grillons et les criquets don't le chant stridulant....	33
29	Itu pun mujur pucuk paku dan pucuk kemahang boleh kutip merata	35	Heureusement on peut cuiller des plantes pour se nourir	34
30	Pak Kia pun bukannya cerdik sangat tetapi gigih sabar seperti merbau di tengah hutan	40	Le pere Kia n'était pas si malin que ça le pere Kia mais il était patient travailleur et solide comme un arbre centenaire dans la forêt	38
31	Dia pergi ke lesung indik dalam pondok dekat pokok rambai	53	Il entra dans la cabane bâtie press du gros arbre	50
32	Di dalam hutan itu bukan kayu kayan dan semak belukar	56	Dans la jungle il ne fallait pas seulement défricher et débroussailler.	52

NO	Unsur Budaya dalam Rimba Harapan	MS	Terjemahannya dalam La Jungle de l'espoir	PG
33	Satu-satu ladang getah melaut sehingga bukit bukau , hutan rimba dengan gaung-gaung dan lembah-lembahnya lenyap menjadi ladang getah	61	Une seule plantation peut s'étendre sur des kilometers et toute notre jungle risqué de disparaître...	57
34	Tetapi seekor kambing jantan bangsa bengala	68	Mais un vieux bouc aux Oreilles rabatues et à longue barbiche grise se força un passage à travers le pavillon	62
35	Mula-mula hutan muda yang semak dengan resam, bemban, tepus, paku gajah dan tumbuh-tumbuhan lain	91	En lisière il y avait de jeunes arbres et des broussailles de fougères, de saules, de gingembre sauvage et de toutes sortes d'autres plantes.	82
36	Sempatkah or ang tua degil ini menyuburkan bakat anaknya untuk melepaskan pucuk melihat langit dalam rimba raya ini	96	La veille home obstiné parviendrait-il à former son fils pour qu'il s'épanouisse et prenne son envol dan cette jungle épaisse	86
37	Malam merangkak terus ke hujungnya. Pak Kia mendengar Kuang jauh di hutan	104	Le père Kia entendit l'appel du faisan dans la jungle	93
38	Dia tertidur lagi terdengar kokok ayam bertali-tali jauh dan dekat hingga ke hutan belukar ayam denak menggelepar beralih dahan.....Pak Kia mengisar badan melihat taptibau melambung tinggi.	104	Il se rendormit puis le chant des coqs qui se répondaient, press de la baroque et au loin à l'orée de la jungle, le tira à nouveau du sommeil. Les oiseaux sauvage battaient des ailes dans les arbres..... Le pere Kia s'étira. Il entendit les oiseaux nocturnes qui prenaient leur envol signe que le jour se levait	93
39	Itulah tanahnya sekarang yang mengandung kira-kira empat ekar paya	105	Et à present ,cette parcelle de deux hectares de mécavage et de deux hectares de verger appartenait au pere Kia	94
40	Pak kia dengan jusuh singgah sebentar melihat tanah di sebelah belukar muda itu	105	Le Père Kia et Jusuh s'arrêtèrent un instant devant les taillis	94
41	Reba tak boleh sampai reput	107	Il ne faut pas laisser pourrir le bois coupé	95
42	Kemudian dia mengambil sarung yang tersangkut di dahan kelepung	113	Il saisit ensuite une gaine posée sur une branche de l'arbre sous lequel ils s'étaient installés	100

NO	Unsur Budaya dalam Rimba Harapan	MS	Terjemahannya dalam La Jungle de l'espoir	PG
43	Pak Kia sudah hampir setengah jam duduk di situ dalam belukar muda yang penuh dengan pokok buluh,kubin,mengkirai ,pokok tepus, pokok bemban dan anak kayu pelbagai rupa	116	Depuis une demi heure le Père Kia réfléchissait en fumant assis à l'orée de la jungle au milieu de broussailles des bamboos et des jeunes arbustes de toutes sortes	103
